

DR.22.3.2001

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 22 Mac 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan dalam memastikan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan para pelajar terutama masyarakat Melayu mampu dipertingkatkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd.

Khir]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat tiga soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Soalan-soalan ini adalah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berikut iaitu Yang Berhormat bagi Kinabatangan pada hari ini, Yang Berhormat bagi Panampang pada 19 April 2001, Yang Berhormat bagi Tawau pada 25 April 2001. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin menjawab kesemua soalan bagi ketiga-tiga orang Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kementerian Pendidikan telah mengambil pelbagai langkah proaktif untuk mempertingkatkan pengajaran dan tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Selain dari pemantauan, pendedahan kepada strategi-strategi dan metodologi-metodologi baru kepada guru-guru melalui Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) jangka panjang dan jangka pendek serta penyemakan semula kurikulum dengan mengambil kira unsur-unsur pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan. Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan untuk mempertingkatkan prestasi Bahasa Inggeris. Antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan ialah:

- (i) aktiviti-aktiviti bacaan sama ada secara berkumpulan atau individu menggunakan bahan teks yang dipilih melalui aktiviti seperti coral reading, dengan izin, dan story telling, dengan izin;
- (ii) aktiviti-aktiviti drama dan sketsa untuk mendedahkan pelajar berinteraksi dalam Bahasa Inggeris;
- (iii) peruntukan masa dalam perhimpunan mingguan yang dikendalikan dalam Bahasa Inggeris; dan
- (iv) projek bacaan secara meluas yang dikenali sebagai Drop Everything and Read (DEAR), dengan izin.

Di samping itu, sekolah-sekolah juga menjalankan inisiatif bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris melalui aktiviti-aktiviti seperti Minggu Bahasa Inggeris dan pertandingan bercerita serta berpidato.

Untuk makluman, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pakar Bahasa Inggeris untuk mengenal pasti strategi bagi meningkatkan prestasi Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, dengan adanya kursus Bahasa Inggeris bukanlah tujuan kita hendak mengatasi Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pihak kementerian tetap dengan dasar yang telah ditetapkan iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di semua sekolah. Terima kasih.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Kementerian Pendidikan bagaimanakah prestasi pencapaian di kalangan pelajar Bahasa Melayu dan bumiputera dan apakah implikasinya yang telah melanda kementerian ini untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar Melayu ini boleh menguasai Bahasa Inggeris kerana sudah menjadi satu fenomena pada hari ini di mana orang-orang Melayu bumiputera tempatan terlalu lemah menguasai Bahasa Inggeris dengan baik.

Apakah kementerian berhasrat untuk menghidupkan semula sekolah English Medium pada masa-masa akan datang untuk memastikan bahawa pelajar Melayu khususnya di luar bandar ini dapat berdiri seiring dengan pelajar-pelajar bukan Melayu di dalam bandar kerana terdapat terlalu besar jurang perbezaan, cuma peratusannya kita tidak tahu. Kalau boleh kementerian ini jelaskan peratusan jurang

perbezaan yang kita hadapi dan adakah juga berkemungkinan penguasaan Bahasa Inggeris ini tercemar akibat pengeluaran, mungkin novel-novel seperti *SHIT* yang banyak pencemaran dalam bahasa. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, ada tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Pertama ialah mengenai dengan prestasi Bahasa Inggeris bumiputera dan bukan bumiputera. Ini yang saya fahamkan ialah kedudukan prestasi Bahasa Inggeris di luar bandar dan di bandar. Itu mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya kita memang faham dan akui bahawa kedudukan pencapaian murid-murid di luar bandar dan bandar memanglah begitu besar sekali jurangnya. Misalnya, boleh dikatakan prestasi Bahasa Inggeris peratusan kelulusan di dalam PMR 2000 sahaja boleh digunakan sebagai kayu ukur dalam hal ini. Dalam prestasi Bahasa Inggeris PMR 2000 bagi pelajar bandar ialah 77% dan bagi luar bandar ialah 49%. Ini jurang yang begitu besar dan disebabkan ini kita telah tubuhkan satu jawatankuasa yang mana kajian telah dimulakan pada Oktober 2000 dan kajian itu sudah pun siap dan akan dibentang sedikit masa lagi untuk mengetahui lebih lanjut lagi mengenai dengan kedudukan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Keduanya, mengenai dengan penubuhan sekolah aliran Bahasa Inggeris. Buat setakat ini kita tidak mempunyai apa-apa hasrat untuk menubuhkan sekolah aliran Bahasa Inggeris. Bagi saya, saya kira sudah tentu apa yang kita maksudkan di sini ialah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai satu mata pelajaran. Jadi, dengan hal yang demikian, kita masih berpegang kepada Dasar Bahasa Kebangsaan kita yang mana semua kursus ataupun mata pelajaran masih diajar di dalam Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Mengenai dengan perkara ketiga, mengenai dengan novel-novel yang tercemar ataupun tidak, itu saya kira tidaklah kita masuk dalam perbincangan ini. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kerana kementerian mengambil pelbagai tindakan proaktif dalam meningkatkan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Tetapi soalan pokok apa yang ingin saya tonjolkan bahawa sama ada kementerian sedar bahawa guru-guru Bahasa Inggeris terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar ini kebanyakannya tidak competent dalam Bahasa Inggeris kerana mereka bukanlah pakar Bahasa Inggeris dan cara mereka mengajar ada

kalanya membuat terjemahan daripada Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris. Sama ada kementerian sedar berkaitan dengan perkara ini. Kalau sedar apakah tindakan untuk memastikan supaya guru-guru bahasa yang pakar dihantar terutama di sekolah-sekolah di luar bandar ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan guru-guru Bahasa Inggeris. Saya sedar dan kementerian juga sedar mengenai guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris yang tidak dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Itu kita akui sendiri dan bukan semua, sebilangan kecil. Ini adalah disebabkan di antara mereka apabila kita mengambil untuk mengikuti kursus bagi mendapat Diploma ataupun Ijazah, rata-rata kita dapati antara mereka yang tidak mempunyai competency dalam Bahasa Inggeris. Dengan itu kita terpaksa mempertingkatkan pencapaian Bahasa Inggeris mereka semasa mengikuti kursus. Apatah lagi bagi mereka yang mengajar Bahasa Inggeris di luar bandar sebab suasana di luar bandar tidak mengizinkan mereka untuk bertutur dan juga berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, tidak seperti di bandar-bandar.

Oleh yang demikian, beberapa langkah telah pun diambil di mana kita akan mengambil guru-guru tadi untuk mengikuti kursus-kursus secara jangka pendek dan jangka panjang. Antara perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi juga telah pun dikemukakan oleh pihak jawatankuasa yang membuat kajian yang saya telah sebutkan tadi dan kita akan kemukakan perkara itu dan harapan kita ialah beberapa langkah yang positif akan diambil. Terima kasih.

2. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah punca sebenar lambakan beras berlaku di negeri Kedah baru-baru ini dan apakah cara penyelesaian yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah itu.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat bagi Kuala Kerai pada 4 April 2001 secara bersekali.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, lambakan beras baru-baru ini berlaku adalah disebabkan bekalan tempatan yang tinggi kerana musim tuaian di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Selangor, Perak dan Kedah

adalah hampir serentak dan hasilnya yang tinggi, manakala permintaan adalah sama. Ini telah menyebabkan beras di kilang-kilang tidak dapat dipasarkan sepenuhnya pada musim berkenaan.

Bagi mengatasi masalah tersebut, kerajaan melalui BERNAS telah menghentikan pengimportan gred beras yang memberi saingan kepada beras tempatan buat sementara waktu sehingga ke satu tarikh yang akan ditentukan kelak. Kerajaan hanya membenarkan BERNAS meneruskan pengimportan, dengan izin, speciality rice seperti Basmati, pulut dan beras wangi. Di samping itu, BERNAS juga telah memindahkan kira-kira 4,000 tan metrik beras tempatan ke Sabah.

Kerajaan juga telah menubuhkan jawatankuasa khas mengenai penyeludupan yang diketuai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama-sama agensi-agensi lain yang berkaitan untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha kawalan ke atas penyeludupan beras ke dalam negara.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah menetapkan harga minimum terjamin bagi memastikan pesawah mendapat harga yang stabil.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Soalan tambahan. Minta Yang Berhormat nafikan dengan alasan yang munasabah, alasan yang diterima oleh petani iaitu saya akan mengatakan bahawasanya di antara punca sebenar lambakan beras itu bukan sebagaimana yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat tadi. Tetapi ianya berpunca daripada kerajaan membenarkan BERNAS mengimport terlalu banyak beras bermutu tinggi dari Thailand dan bukannya kerana penyeludupan beras secara kecil-kecilan yang dilakukan di sempadan-sempadan negeri yang bersempadan sehingga menyebabkan beras tempatan tidak terjual dan tidak terurus. Saya mengatakan di sini bahawasanya kerajaan terlalu melindungi BERNAS sebenarnya kerana ada di antara pemimpin-pemimpin UMNO yang berkepentingan di dalam BERNAS tersebut. *[Tepuk]* Adakah kerajaan sedar bahawa sebahagian besar daripada petani sekarang ini meragui tentang kedudukan BERNAS yang diberi kuasa penuh oleh kerajaan sekarang ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran beras negara sebanyak 70% manakala 30% lagi diimport dan pengimportan ini diberi kepada BERNAS. Kalau Yang Berhormat kata lambakan beras yang berlaku baru-baru ini disebabkan perbuatan BERNAS yang mengimport berle bihan itu adalah satu dakwaan yang tidak berasas.

Saya ingin terangkan sedikit. Seperti mana kita semua sedia maklum perubahan cuaca seperti La-Nina dan El-Nino pada tahun 1998 dan 1999..... *[Disampuk oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang]* biar saya cerita dahulu, lepas itu baru Yang Berhormat faham.

Pada waktu itu kesan kepada pengeluaran padi di dalam negara kita hasilnya menurun. Oleh kerana hasil menurun permintaan untuk padi banyak pada waktu itu, maka pengilang-pengilang sanggup menawarkan harga yang lebih tinggi daripada harga yang dijamin oleh kerajaan iaitu sebanyak RM550. Ini kerana mereka memerlukan banyak padi. Pada musim baru-baru ini pengeluaran padi kita meningkat, ya cuacanya baik. Dalam masa yang sama padi masak serentak. Padi jadi banyak, bila padi jadi banyak, harganya tidak bolehlah harga tinggi macam dahulu. Walau bagaimanapun, kerajaan memberi jaminan harga minimum ialah RM550. Selain daripada harga RM550 kita ada subsidi lagi RM249 untuk satu tan, bila dicampur semua ini banyak. Jadi, kalau kita kata oleh kerana BERNAS import banyak beras, maka beras tempatan tidak laku. Itu tidak betul, itu sangkaan yang jahat. *[Tepuk]*

Saya suka menerangkan kepada Yang Berhormat bahawa kita telah mengambil langkah-langkah untuk menjamin bahawa petani-petani kita mendapat harga yang baik. Oleh kerana itu kerajaan telah mengadakan pelbagai subsidi kepada petani-petani. Kita beri subsidi baja, subsidi harga padi dan lain-lain lagi semuanya untuk hendak membantu supaya pendapatan petani meningkat.

Saya harap Yang Berhormat tolong panjangkan lagi cerita apa yang kerajaan kita buat bagi faedah petani-petani di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, belakang.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Larut.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat di atas penjelasan yang diberikan.

Saya juga amat tertarik untuk membuat soalan tambahan kerana kekeliruan ini adalah disebabkan oleh adanya parti pembangkang. Cuma saya ingin bertanya, adakah benar kos menanam, menghasilkan padi ini lebih mahal, lebih tinggi daripada beras yang kita import. Kalau benar, kenapa dan apa cara lagi untuk kita mengatasi masalah ini supaya pihak di sana boleh jelas lagi kedudukan yang sebenar sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi, hendak tahu kos, sama ada kos menanam ini lebih tinggi daripada kita mengimport beras. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak ikut kita boleh import beras lebih banyak sebab harga import lebih murah daripada kita mengeluarkan beras dalam negara kita sendiri.

Kita tahu kalau kita hendak import lebih murah daripada kita tanam di Malaysia. Sekarang ini apa kerajaan buat, kita tumpukan perhatian kita kepada lapan kawasan jelapang padi yang ada dalam negara kita supaya pengeluarannya ditingkatkan. Di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga ini, untuk tahun 2010, matlamat Kementerian Pertanian, kita hendak tingkatkan pengeluaran padi kita untuk satu hektar sehingga 10 tan metrik. Itu usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan, kita hendak tambahkan bekalan. Kalau sudah bertambah mungkinlah kita tidak payah import beras lagi.

Kalau hendak kira, harga import lebih murah daripada kita tanam di negara kita tetapi kerajaan kata ini untuk kepentingan rakyat, untuk keselamatan negara. Petani ada 150,000 orang, kita hendak jaga kepentingan 150,000 orang petani di negara kita. Kita beri galakan. *[Tepuk]* Beri macam-macam supaya daya pengeluaran ditingkatkan.

3. **Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) adakah Malaysia berpuas hati dengan hasil persidangan Ketua-ketua Negara APEC di Brunei Darusalam baru-baru ini; dan
- (b) adakah cadangan penanguhan pelaksanaan AFTA diterima dan jika tidak, apakah agenda seterusnya mengenai perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan bahagian;

- (a) Malaysia berpuas hati dengan hasil Persidangan Ketua-ketua Ekonomi APEC yang diadakan di Brunei Darusalam pada November tahun 2000. APEC merupakan salah satu kumpulan ekonomi serantau yang mana Malaysia sebagai ahli mempunyai peluang bekerjasama dengan negara-negara lain untuk membincangkan dan mengatasi isu-isu ekonomi semasa

dalam Persidangan Ketua-ketua Ekonomi APEC di Brunei Darusalam. Malaysia telah menyuarakan pendirian mengenai beberapa isu globalisasi dan liberalisasi untuk mencapai persefahaman ahli-ahli lain dalam APEC. Antaranya Malaysia telah menyuarakan pendirian bahawa Pertubuhan Perdagangan Dunia WTO perlu mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh negara-negara membangun dalam melaksanakan perjanjian-perjanjian WTO dan bahawa sebarang rundingan lanjutannya boleh dilancarkan setelah semua ahli bersetuju dengan agenda rundingan.

Pandangan ini telah disokong oleh Ketua-ketua Ekonomi APEC. Selain daripada itu Ketua-ketua Ekonomi APEC juga telah bersetuju mengadakan kerjasama untuk menghadapi cabaran-cabaran berkaitan dengan impak perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi iaitu ICT ke atas negara masing-masing. Malaysia dan lain-lain negara membangun boleh mendapat manfaat dari pertukaran pengetahuan dan maklumat bagi merapatkan jurang digital.

- (b) Cadangan Malaysia untuk menangguhkan kemasukan produk-produk automatik ke dalam Skim Tarif Keistimewaan Sama Rata Berkesan (CEPT) kawasan perdagangan AFTA mulai 1 Januari 2000 telah diterima. Protokol mengenai pelaksanaan Skim Tarif Keistimewaan Sama Rata Berkesan bagi senarai pengecualian sementara yang membenarkan negara-negara ASEAN yang menghadapi kerumitan di dalam memenuhi komitmen tertentu di bawah CEPT mengemukakan permohonan untuk meminda atau memohon penangguhan pelaksanaannya telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada 23 November 2000 di Singapura. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Ini berkaitan dengan pelaksanaan AFTA.

Saya masih ingat saya pernah menyarankan supaya impact studies ataupun kajian keberkesanan dibuat oleh pihak kerajaan terhadap beberapa industri ataupun

sektor strategik negara seperti automatif, pertanian dan sebagainya. Kerana impact studies ini telah dibuat oleh kerajaan-kerajaan seperti Thailand dan Filipina dan oleh sebab mereka mempunyai satu finding yang menyeluruh, yang komprehensif, jadi mereka bersedia untuk menghadapi bila-bila masa sahaja AFTA akan dilaksanakan tetapi kita di Malaysia saya ingat kita tidak mempunyai impact studies yang menyeluruh seperti itu. Saya tidak tahu setakat manakah pihak kerajaan telah melaksanakan kajian keberkesanan ini. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Sebenarnya MITI sentiasa menjalankan kajian tentang apakah impak terhadap pelbagai bidang spesifik oleh AFTA dan MIDA juga ada menjalankan impact studies terhadap beberapa sektor yang dianggap perlu diberi kajian keutamaan.

Dan selama ini boleh dikatakan Malaysia memang dalam tahap di mana kita dapat bersaing dalam era AFTA sebab 60% tarif produk lain telah pun dimasukkan dalam CEPT scheme dan kita masih dapat mengeksport barangan tersebut ke negara ASEAN dan ke pasaran dunia. Ini terbukti bahawa Malaysia memang dalam keadaan yang dapat bersaing dalam kebanyakan barangan sahaja kecuali barangan seperti automatif dan sebilangan kecil barangan yang kita perlu mempertingkatkan lagi daya saing dan produk-produk tersebut. Sekian, terima kasih.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. APEC ini lebih dilihat sebagai penguasaan kuasa-kuasa besar ataupun dalam erti kata yang lain kelompok elit dan lebih eksklusif yang menggunakan platform ini untuk menekan negara-negara yang lebih kecil terutamanya dalam konteks ekonomi dunia ini sendiri.

Dalam hal ini saya ingin bertanya, apakah benar peranan yang dimainkan oleh kuasa besar terutamanya Amerika Syarikat sendiri yang menekan beberapa polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan kita. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, dalam semua blok ekonomi serantau, memang benar semua kuasa besar sentiasa mengemukakan kepentingan sendiri.

Jadi, oleh sebab itu pendirian Malaysia ialah kita selalu menyeru bahawa negara-negara membangun mesti bersatu padu mengambil tindakan yang proaktif menentukan agenda dalam segala perundingan supaya kita tidak diletakkan dalam satu situasi yang defensive dalam segala perundingan.

Jadi, dalam APEC kita juga sentiasa menekankan bahawa memang ada jurang perbezaan antara negara yang maju dan negara yang masih membangun, maka dalam liberalisasi perdagangan ia harus dilakukan dengan secara progresif dan tidak menentukan satu jadual yang tidak dapat dipatuhi oleh negara-negara membangun. Sekian, terima kasih.

4. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, latar belakang, kejayaan dan kegagalan lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Singapura pada bulan Februari 2001. Apakah penting untuk menangani persengketaan di antara negara ini dengan negara jiran itu termasuk kaedah untuk memastikan segala persengketaan tidak akan menjejaskan orang-orang biasa dan urusan harian di sempadan seperti kastam.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kepong, lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Singapura pada awal bulan Februari lepas adalah di atas undangan Perdana Menteri Singapura dan bertujuan untuk mempertingkatkan serta memperkukuhkan hubungan serta persefahaman antara pemimpin kedua-dua buah negara.

Lawatan tersebut adalah juga dalam konteks keinginan serta hasrat kedua-dua belah pihak untuk memperkembangkan serta memajukan rangkaian kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan tersebut telah membawa hasil yang positif seperti mana yang kita harapkan dan juga telah berjaya memperkukuh lagi asas serta landasan bagi kerjasama serta interaksi yang meluas dan insentif di pelbagai peringkat, khususnya di antara pemimpin pelapis, para pelajar dan tokoh akademik serta kakitangan awam antara kedua-dua negara.

Lawatan tersebut juga telah menggalakkan prospek ke arah pembangunan kerjasama yang lebih bermakna di beberapa bidang penting yang berkepentingan bersama seperti ekonomi, perdagangan dan pelaburan, pendidikan, kebudayaan, pelancongan, sains hidup serta komunikasi dan teknologi maklumat.

Malaysia berharap interaksi dan hubungan yang rapat di pelbagai peringkat akan membolehkan kedua-dua negara meningkatkan lagi persefahaman dan seterusnya memudahkan penyelesaian apa jua isu-isu yang menjadi penghalang kepada hubungan yang lebih erat. Dalam hal ini, kedua-dua buah negara sebenarnya tidak bersengketa seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dalam soalnya tetapi mempunyai sedikit perbezaan pendapat dalam beberapa isu

yang mana kerajaan yakin boleh diselesaikan melalui jalan perundingan dan tidak menjejaskan kehidupan seharian orang-orang biasa. Malah penyelesaian yang akan dicapai akan lebih memberi keselesaan kepada rakyat.

Sebagai contoh, persetujuan yang telah dicapai secara prinsipnya semasa lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini, seperti cadangan penggunaan kad pintar (smart card) dan pemindahan KTMB dari Tanjong Pagar ke Keranji diharap akan dapat memudahkan dan menggalakkan lintasan sempadan bagi rakyat kedua-dua negara.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Memang jawapan daripada Yang Berhormat tadi secara diplomatik sahajalah, itu memang lumrah jawapan daripada Kementerian Luar Negeri kerana kerjanya untuk diplomasi.

Saya pun seronok juga dengan interaksi di antara pemimpin-pemimpin pelapis dan beberapa kejadian dan aktiviti yang telah pun dilakukan oleh rombongan Timbalan Perdana Menteri. Cuma bolehkah Yang Berhormat terangkan, apakah terjadi dengan isu-isu yang disebutkan sebagai perbezaan pendapat bukan persengketaan, kalau Yang Berhormat masih ingat termasuk Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan yang pada tahun 1999 begitu lantang untuk menentang Singapura di sini. Itu bukan perbezaan pendapat sahaja, perasaan yang panas.

Adakah itu penyelesaian yang didapati mengenai masalah air, masalah Pulau Batu Putih, masalah penerbangan pesawat tentera udara Singapura dan sebagainya di dalam satu pakej yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Dan bolehkah dengan pemindahan tempat KTM dari Tanjong Pagar ke tempat yang baru, apakah peringkat rundingan untuk melaksanakan cadangan tersebut?

Akhir sekali, bolehkah Yang Berhormat menerangkan kaedah yang digunakan untuk mengelakkan daripada terjejasnya kehidupan orang-orang biasa yang pergi balik, ulang alik dari Singapura dan Johor Bahru dan sebagainya. Sebab Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan hal ini kerana tiap-tiap kali ada gaduh daripada menteri-menteri [*Disampuk*].....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa cukuplah soalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:cukuplah soalan. Mereka kata tidak ada soalan,
.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw:saya hendak tambahkan lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab ingin saya nyatakan kepada Yang Berhormat, saya tidak perlu komen daripada Yang Berhormat mengatakan jawapan saya itu adalah diplomasi tetapi sebenarnya saya telah memberikan maklumat yang sejelas perlu yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi.

Saya tidak perlu berdiplomatik dengan Yang Berhormat kerana saya percaya juga walaupun apa yang saya nyatakan di sini, Yang Berhormat akan terus nyatakan seperti mana yang kita dengar sebentar tadi bahawa Yang Berhormat menyoal kembali lagi apa yang telah saya jawabkan dalam jawapan saya tadi.

Apa yang beliau juga membangkitkan semula bahawa kehidupan harian rakyat biasa telah diganggu atau menjadi rumit tetapi saya telah menyatakan, langkah-langkah telah diambil dan persetujuan atas dua perkara yang telah saya sebutkan tadi adalah untuk mengelakkan apa yang telah kita nampak selama ini bahawa adalah menjadi satu kerumitan kepada perjalanan rakyat kedua-dua negara di coast way atau di sempadan Singapura dan Malaysia.

Keduanya, Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa memang perbezaan pendapat ini dapat kita selesaikan dengan cara diplomasi dan ini perlunya. Kalau kita mengadakan persengketaan atau langsung tidak dapat berhubung dan langsung tidak ada perhubungan seperti yang mana Yang Berhormat, mungkin dia ingin begitu bila dia mengatakan kita begitu emosi mengenai perkara ini tetapi sebenarnya menerusi saluran yang begitu erat dan hubungan yang begitu baik antara pemimpin-pemimpin kita, di antara dua negara itu kita dapat mengatasi perbezaan pendapat ini. Dan juga seterusnya kita telah mencapai pelbagai peringkat dalam perbincangan pakej itu dan kerana keputusan yang mutakhir belum dapat dalam dua, tiga perkara itu, saya tidak ingin untuk menjelaskan di sini kerana ini masih dalam perundingan tetapi perkara yang saya sebutkan adalah satu daripada perkara dalam pakej itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita memang mengalu-alukan hubungan baik antara Singapura dan Malaysia, Malaysia – Singapura ini.

Dalam menjalin hubungan baik yang memang kita alu-alukan ini, saya sebagai orang Johor Yang Berhormat, mengharapkan Kerajaan Pusat tidak melupakan kepentingan rakyat Johor ataupun Kerajaan Johor.

Ini berhubung dengan air, kita mempunyai dua perjanjian air dengan Singapura dan terdekat yang berakhir 2011. Dalam hubungan air Singapura yang ambil, yang beli daripada Johor ini saya harap harga yang akan dirundingkan kemudian kelak akan mengambil kira kemahuan Kerajaan Johor kerana mengikut sumber-sumber yang dipercayai, Singapura menjual air yang dibeli daripada Johor ke kapal-kapal antarabangsa di Singapura antara \$7 hingga \$14, 1,000 gelen. Saya mendapat maklumat bahawa beratus juta keuntungan yang diperolehi.

Jadi, kalau boleh dalam perjanjian yang akan datang, harga ini dirundingkan supaya setimpal, kalau boleh RM7 agaknya 1,000 gelen dan ini akan dapat memberikan pulangan kepada Kerajaan Johor setimpal dengan keuntungan yang diperolehi oleh Singapura melalui pembelian air yang datang dari Johor. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Sri Gading, memang dalam urusan perundingan kita mengenai dengan pakej atau mengenai perkara air itu adalah kita sentiasa mengambil berat kepentingan negeri Johor di mana punca airnya dan juga penglibatan negeri Johor dalam pembekalan air ini dan keperluan air negeri Johor pada masa akan datang kita mengambil kira juga. Saya pastikan di sini bahawa dalam cadangan kita juga termasuk di mana ruang untuk kita merundingkan harga semula dan juga yang mengikutkan asas seperti yang kini dalam penjualan air itu mengikutkan keperluan, kos dan juga keadaan semasa dalam kita merundingkan harga air itu. Dan saya pastikan memang sentiasa Kerajaan Pusat mengambil perhatian kepentingan negeri Johor dalam perkara ini.

5. **Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah kenderaan yang menggunakan Laluan Kedua (Second Link) daripada mula tarikh dibuka hingga akhir tahun 2000 dan berapakah jumlah pungutan yang diterima dari mula tarikh dibuka hingga akhir tahun 2000.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak mula beroperasi dari 17 Mac 1998 sehingga akhir tahun 2000 jumlah kenderaan yang menggunakan Laluan Kedua ialah sebanyak 25.17 juta kenderaan. Manakala hasil kutipan tol pada tempoh tersebut ialah sebanyak RM 85.12 juta.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat daripada jumlah laluan dan juga pendapatan di Laluan Kedua itu, tidak banyak kenderaan lalu hanya pada masa tertentu sahaja di dalam percutian banyak kenderaan, saya dapat lihat sendiri dan juga pendapatan. Saya hendak cadangkan Dewan yang mulia ini untuk mengatasi kenderaan yang tidak begitu banyak lalu pada setiap hari dan juga pungutan yang kurang, boleh atau tidak kerajaan timbang cadangan saya supaya diturunkan sedikit bayaran tol. Ini beban sangat kepada orang hendak lalu di Laluan Kedua ini terutama orang Johor kerana bayaran tol itu tinggi. Hendak masuk yang pertama kita sudah kena bayar, lepas sahaja hendak dekat dengan Singapura, lalu lagi satu tol, bayar lagi dan lagi besar dia punya bayaran.

Jadi, jangan besok pendapatan di Link Kedua kurang, nanti ada cadangan PLUS hendak naikkan harga kerana yang sini rugi, yang sana untung, dia kata semua rugi. Padahal yang rugi yang Link Kedua. *[Tepuk]* Yang Berhormat setuju atau tidak supaya PLUS kaji semula. Yang Berhormat pun baru balik dari luar negara kerana urusan rasmi, jadi jawab dengan baik dan tepatlah. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sememangnya ia tidak semudah untuk kita memberi cadangan sebegitu kerana untuk perhatian Yang Berhormat, kos untuk membina projek ini adalah sebanyak RM2,047,000,000. Dan kalau diikutkan jumlah kenderaan yang menggunakan Link Kedua dari segi ramalannya sepatutnya jumlah kenderaan ialah 64 juta tetapi yang sebenarnya menggunakan laluan tersebut ialah 25 juta sahaja kenderaan yang menggunakan dari tahun 1998 sehingga tahun 2000.

Jumlah hasil kutipan yang dapat dikutip sepanjang 3 tahun itu hanya RM85 juta. Dan kalau diikutkan dengan kos untuk membinanya iaitu sebanyak RM2 bilion maka sehingga akhir tempoh konsesi pun kita akan dapati bahawa dengan keadaan tol yang dikenakan sekarang syarikat itu tidak mungkin boleh mendapat balik pulangan daripada pelaburan yang telah mereka lakukan.

Walaupun begitu kita dapati bahawa sejak akhir-akhir ini walaupun dengan dikenakan kadar tol yang sedemikian ada pertumbuhan trafik yang menggunakan Link Kedua, yang menggunakan Laluan Kedua Singapura-Johor iaitu kalau kita lihat di plaza-plaza tol Tanjung Kupang, Lima Kedai dan juga Perling kita dapati ada pertumbuhan trafik iaitu di Tanjung Kupang – 35%; Lima Kedai – 14% dan Perling 12%, keseluruhannya pertumbuhan trafik ialah 24%.

Soalnya kalau di Link Kedua itu mahal, kita gunakan Tambak Johor. Kalau kita berkemampuan, kita hendak singkatkan masa untuk ke Singapura, kita gunakan Link Kedua kerana kita mampu. Jadi, itu sahaja jawapan yang dapat saya berikan.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan, memandangkan *shortfall* dalam jumlah kenderaan dan juga pungutan tol, sama ada syarikat yang mengendalikan itu menghadapi masalah untuk menserviskan pinjaman-pinjaman dan juga apakah tindakan kerajaan akan diambil untuk memantau supaya kerajaan tidak perlu menyelamatkan syarikat ini apabila menghadapi masalah kewangan kelak.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah menyatakan mengenai ramalan dan juga kenderaan yang sebenarnya yang menggunakan Link Kedua iaitu dari segi ramalan dan juga *shortfallnya*. Dalam tahun 1998 peratus sebenar berbanding ramalan ialah sebanyak 33%. Ramalan yang menggunakan Link Kedua 17 juta kenderaan tetapi yang menggunakan hanya 5 juta kenderaan iaitu 33% peratusan sebenar berbanding ramalan. Tahun 1999, daripada 21 juta ramalan, kenderaan sebenar yang menggunakan ialah 8 juta manakala tahun 2000, daripada ramalan 25 juta kenderaan sebenar yang menggunakan ialah 10 juta.

Jadi, keseluruhannya daripada ramalan jumlah kenderaan yang menggunakan Link Kedua 64 juta tetapi yang menggunakan Link Kedua sebenarnya ialah sebanyak 25 juta. Sememangnya ini menjejaskan operasi syarikat dan bagi menampung masalah yang dihadapi oleh syarikat, satu penstrukturan semula telah dibuat di mana perjanjian konsesi tambahan kedua telahpun ditandatangani di antara pihak kerajaan dan juga Link Kedua pada 30 Mei 2000. Dan melalui perjanjian konsesi tambahan kedua ini pihak PLUS telah mengeluarkan bon sebanyak RM900 juta untuk mengatasi masalah hutang Link Kedua dengan pihak bank.

Bagi pihak kerajaan, kerajaan telah bersetuju menyambung tempoh konsesi selama 15 tahun iaitu dari tahun 2023 sehingga tahun 2038. Bagi menentukan

penyambungan ini, pihak Link Kedua telah bersetuju untuk berkongsi hasil tol sekiranya hasil tol sebenar melebihi anggaran hasil tol yang dijangkakan. Perkongsian hasil tol tersebut adalah pada kadar 50% daripada tahun 2030 hingga tahun 2034, pada kadar 70 :30 iaitu kerajaan 70%, Link Kedua 30% daripada tempoh 2035 sehingga 2038. Terima kasih.

6. **Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah kerjasama antara Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam menangani masalah pencemaran udara yang melibatkan kenderaan bermotor di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, kerjasama di antara Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam menangani masalah pencemaran udara yang melibatkan kenderaan bermotor di negara ini adalah dari segi penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekitar 1994. Penguatkuasaan akta ini dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang telah diberi kuasa oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi membantu Jabatan tersebut menangani masalah pencemaran udara yang melibatkan kenderaan bermotor.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memberi kuasa kepada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk menjalankan penguatkuasaan ke atas kenderaan yang mengeluarkan asap yang berlebihan, Jabatan Alam Sekitar juga telah memberi latihan kepada pegawai-pegawai penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan cara untuk mengendalikan meter asap dan prosedur ujian pelepasan asap dari kenderaan berenjin diesel di pusat-pusat pemeriksaan PUSPAKOM. Di samping itu, Jabatan Alam Sekitar telah diberi kebenaran untuk menempatkan anggota-anggotanya di pusat-pusat pemeriksaan PUSPAKOM bagi membantu PUSPAKOM mengendalikan pemeriksaan asap ke atas kenderaan perkhidmatan awam dan perdagangan yang menjalani pemeriksaan dengan lebih berkesan lagi.

Akhir sekali Jabatan Alam Sekitar telah menerima pakai danewartakan mesin asap yang digunakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mengukur pengeluaran asap dari kenderaan berenjin diesel bagi tujuan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pemilik-pemilik kenderaan seperti lori dan bas seolah-olah tidak begitu prihatin

terhadap pencemaran alam sekitar dan tidak begitu mengendahkan segala peraturan-peraturan yang telah dibuat oleh pihak kementerian. Sebab itu mereka membiarkan kenderaan mereka menyemburkan asap-asap hitam yang cukup tebal. Jadi, sejauh manakah keprihatinan Kementerian Pengangkutan terhadap pencemaran alam sekitar akibat gas monoksida dan apakah jenis-jenis tindakan proaktif yang akan diambil oleh kementerian terhadap pihak-pihak yang dikira sebagai degil, mencemarkan alam sekitar melalui kenderaan mereka.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan dari Yang Berhormat, perwakilan atau penurunan kuasa yang diterima oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk menjalankan tugas membantu JAS menangani masalah pencemaran udara berpunca daripada pengeluaran asap berlebihan oleh kenderaan bermotor, berenjin diesel ialah berdasarkan seksyen 49, Akta Kualiti Alam Sekitar 1994.

Perangkaan tindakan penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan ke atas kenderaan yang mengeluarkan asap berlebihan dari tahun 1998 sehingga 2000 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kes
1998	89,421
1999	40,401
2000	15,694

Daripada angka yang disebutkan telah menunjukkan kesalahan kenderaan yang mengeluarkan asap yang berlebihan telah kurang dari tahun 1998 hingga tahun 2000. Ini telah menunjukkan prestasi yang lebih baik.

Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan adalah seperti kita mengadakan pemeriksaan di tengah jalan dan sesiapa yang nampak kenderaan yang mengeluarkan asap yang berlebihan boleh membuat laporan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan melalui hotlines JPJ – 253444. Tindakan akan diambil oleh JPJ terhadap kenderaan yang terlibat.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada soalan tambahan. Pencemaran udara di negara kita berpunca daripada pengeluaran *green house gases* daripada kilang-kilang dan kenderaan. Saya ingin tahu

berapakah peratusan sumbangan daripada kenderaan kerana kalau kita tahu kita boleh mengawal bilangan ataupun jumlah-jumlah kenderaan yang lalu di jalan-jalan kita. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka untuk kenderaan yang mengeluarkan asap. Saya akan rujuk soalan ini kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat.

7. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah dan jenis senjata yang dirampas dan bilangan mereka yang ditangkap ekoran dari kegiatan penyeludupan senjata pada tahun 1999, 2000 dan 2001.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Lipis itu, berikut adalah perangkaan rampasan senjata yang dirampas mengikut jenis bagi tahun 1999, tahun 2000 dan 2001, Januari dan Februari.

Jenis Senjata	1999	2000	2001 (Jan-Feb)
Pistol	39	45	10
Revolver	56	57	3
Riffle	10	6	1
Shotgun	38	224	6
Hand Grenade	1	2	20
M-16	5	Tiada	Tiada
Air Gun	51	9	Tiada
SMG	Tiada	Tiada	1
Rocket Launcher	2	Tiada	Tiada
Pump Gun	8	4	1
Cold Air	1	Tiada	Tiada
JUMLAH	246	352	42

Manakala sejumlah 665 orang telah ditangkap ekoran dari kegiatan penyeludupan senjata api ini dengan pecahannya seperti berikut:

Bilangan orang yang ditangkap pada tahun:

1999	-	263
2000	-	372

2001 (Januari – Februari) - 30

Jumlah semua ialah 665 orang. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada pihak polis terutama baru-baru ini kejayaan mereka menyerbu bangunan rumah teres di Simpang Empat, Bukit Mertajam, di mana dijumpai senjata-senjata yang begitu agak banyak termasuk senjata berat. Daripada penyiasatan pihak polis adakah serbuan-serbuan akan dibuat di tempat lain? Tentulah rahsia perkara ini tetapi yang saya ingin tanya ialah kenapa begitu mudah bolos senjata-senjata berat dapat dimasukkan sehingga boleh dijumpai di rumah teres Simpang Empat, Bukit Mertajam dan mereka-mereka itu bila akan didakwa di mahkamah kerana menyimpan senjata api begitu banyak. Sekian.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah dinyatakan tadi, polis akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya dari masa ke semasa jika didapati perkara-perkara seperti penyeludupan ini tadi. Pesalah-pesalah ini akan dikenakan tindakan-tindakan mengikut Akta Senjata Api dan juga mengikut perundangan-perundangan yang sedia ada berkaitan dengan tindakan itu. Terima kasih.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah kegiatan penyeludupan ini didalangi oleh pihak-pihak antarabangsa kerana begitu banyak senjata yang telah diseludup mungkin juga ini boleh melibatkan pihak-pihak yang cekap atau mahir yang mungkin kemahirannya berada pada taraf antarabangsa juga. Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Lipis. Sehingga kini kita sedang mengesan sama ada penyeludupan senjata ini ada kaitan dengan pihak-pihak luar negara kita dan jika kita dapati ada hubung kaitnya kita akan mengambil tindakan melalui saluran-saluran antarabangsa yang ada hubungannya dengan kita. Terima kasih.

8. **Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan prestasi pelaburan Malaysia di negara China dalam pengeluaran makanan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, menurut rekod Bank Negara

Malaysia dana yang mengalir keluar dari Malaysia ke China bagi tujuan pelaburan bagi tahun 2000 ialah sebanyak RM131 juta. Jumlah pengaliran keluar ini telah menurun sebanyak 6.9% berbanding dengan RM140 juta pada tahun 1999. Menurut sumber dari Kementerian Perdagangan Luar dan Kerjasama Ekonomi China (MOFTAC) bagi tahun 2000, Malaysia merupakan sumber pelaburan asing ke-16 terbesar bagi negara tersebut dengan jumlah 115 projek yang telah diluluskan bernilai sebanyak RM148 juta. Projek-projek yang telah dilaksanakan adalah berjumlah RM72.2 juta. Pelaburan Malaysia di China merupakan pelaburan ekuiti dan usaha sama dalam sektor pembangunan hartanah, penjana kuasa, perkhidmatan, kemudahan infrastruktur dan perkilangan termasuklah industri pemakanan. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Menteri Pertanian dahulu mencadangkan supaya dibuka ladang padi besar-besaran di negeri China. Selepas itu dia menjadi Menteri Besar Kedah buka ladang padi atas bumbung. *[Ketawa]* Adakah usaha-usaha menanam padi di negeri China untuk dibawa ke Malaysia itu diteruskan oleh pihak kementerian sekarang?

Datuk Fu Ah Kiow: Itu saya tidak pasti sama ada cadangan tersebut. Nampaknya, itu lagu sudah lama.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dia sebut dalam Parlimen.

Datuk Fu Ah Kiow: Walau bagaimanapun, kita kajilah, ini mungkin di bawah Kementerian Pertanian dan bukan kementerian saya.

[Soalan No. 9 - Y.B. Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong) tidak hadir]

10. **Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan kriteria pemilihan kontraktor untuk projek jalan luar bandar, projek jalan kampung dan pembinaan rumah rakyat termiskin dan mengapakah kontraktor yang prestasinya tidak memuaskan dipilih semula.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pelaksanaan projek di kementerian ini dapat berjalan dengan cekap dan berkesan, mengikut spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan, kementerian sentiasa berhati-hati dan memberi perhatian khas dalam urusan pemilihan dan perlantikan kontraktor untuk melaksanakan projek. Pada umumnya, perlantikan kontraktor bagi

pelaksanaan projek-projek di bawah Program Jalan Luar Bandar dan Jalan Kampung adalah berasaskan kepada kriteria berikut:

- (i) kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia;
- (ii) pendaftaran lesen masih berkuat kuasa semasa projek ditawarkan;
- (iii) mempunyai kepala dan sub kepala yang sesuai dengan bidang kerja yang dicadang;
- (iv) pengalaman kerja yang cukup;
- (v) mempunyai keupayaan teknikal;
- (vi) kedudukan kewangan yang kukuh;
- (vii) mempunyai kelengkapan jentera kerja atau berupaya menyediakannya seperti mana diperlukan; dan
- (viii) disetujui terima oleh Lembaga Perolehan Kementerian berasaskan harga yang munasabah dan memenuhi kriteria yang dipertimbangkan oleh Lembaga Perolehan Kementerian.

Kementerian ini memang tidak memilih semula kontraktor yang prestasinya tidak memuaskan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, projek-projek di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di seluruh negara telah dilaksanakan melalui agensi peneraju sama ada pejabat pembangunan negeri ataupun agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Urusan untuk melantik kontraktor bagi pelaksanaan projek-projek rumah untuk golongan termiskin adalah diuruskan oleh agensi peneraju tersebut berpandukan peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.

Mulai tahun 2001 ini kerajaan telah menetapkan bahawa pelaksanaan projek-projek di bawah Program Pemulihan Rumah dibuat oleh Giat MARA Sdn. Bhd. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Ahli-ahli Yang Berhormat untuk Jawapan Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9, 11 hingga 37 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan ke atas usul yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesepuluh.” **[21 Mac 2001]**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kluang, sila berucap.

11.05 pagi.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada pagi ini. Saya ada tiga perkara yang ingin saya sampaikan dalam Dewan yang mulia ini pada pagi ini.

Pertama, tentang isu kejatuhan harga kelapa sawit. Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan harga kelapa sawit di pasaran dunia sejak setahun lalu kini semakin meruncing sehingga sebahagian besar pekebun kecil dan peneroka di negara kita mengalami keperitan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sendiri tidak mempunyai satu ekar pun kebun kelapa sawit tetapi pengundi-pengundi di kawasan saya ramai terdiri daripada pekebun kecil dan saya ada angka di sini. Di seluruh negeri Johor contohnya, terdapat kira-kira 39,377 pekebun kecil yang melibatkan keluasan sejumlah 176,222.41 hektar dan di Kluang sahaja bilangan pekebun kecil seramai 8,347 orang

dan keluasanya 30,664.81 hektar. Maka terpaksa saya menyuarakan perkara ini demi kebaikan pekebun kecil dan peneroka di kawasan saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin meminta Jabatan Perdana Menteri membantu mengenal pasti jumlah keluarga yang bergantung kepada kebun kelapa sawit yang pendapatannya kurang daripada RM400 dari usaha kerajaan menjalankan pancang pendapatan isi rumah baru-baru ini. Sebenarnya saya pernah bangkitkan isu ini dalam sesi Parlimen yang lalu. Walaupun dalam tempoh satu dua tahun ini Kementerian Perusahaan Utama katanya ada berusaha untuk menangani masalah ini seperti mengurangkan stok melalui peningkatan eksport dan pengurangan pengeluaran di dalam usaha untuk meningkatkan dan menstabilkan harga sawit di pasaran. Selain daripada itu, mewujudkan skim membenarkan eksport 500,000 tan minyak sawit mentah tanpa cukai, meluluskan upah yang bernilai US\$135 juta kepada lima negara terpilih bagi menggalakkan negara-negara tersebut mengimport lebih banyak minyak sawit dari Malaysia.

Selain daripada itu, juga menghantar rombongan ke India, Pakistan, Iraq, Iran, Russia, Romania, Morocco dan sebagainya serta usaha untuk mempertingkatkan lagi usaha pasaran melalui perdagangan timbal balas dengan negeri China. Tetapi nampaknya sampai hari ini semua ini belum berhasil dan tiada perubahan tentang harga kelapa sawit. Saya di sini ingin mengharapkan kepada pihak kerajaan supaya dapat meneliti dan mencari jalan yang menyeluruh bagi meningkatkan lagi pendapatan dan mengurangkan kos para pekebun kecil kelapa sawit di seluruh negara tidak mengira apa cara pun.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kementerian Perusahaan Utama, saya juga ingin menyarankan kepada Kementerian Kewangan walaupun pernah saya bangkit perkara ini pada sesi Parlimen yang lalu supaya dapat membantu dalam waktu yang sesak ini bersama-sama mengatasi masalah ini dengan cara menghapuskan cukai import bahan-bahan kimia iaitu baja dan racun agar dapat mengurangkan beban pekebun kecil dan peneroka. Buat masa yang sama saya juga harap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat memastikan harga baja dan racun sudah menurun harga selepas kerajaan menghapuskan cukai import ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang menyambut baik pengumuman kerajaan mengarahkan penubuhan satu jawatankuasa yang dianggotai oleh empat kementerian untuk merumuskan satu langkah bersepadu bagi mengatasi masalah

kejatuhan harga minyak sawit. Kabinet telah pun mengarahkan empat kementerian iaitu Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perusahaan Utama serta Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk bersama-sama mencari jalan yang terbaik untuk menyelesaikan secepat mungkin masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil yang terjejas pendapatan mereka berikutan kejatuhan harga kelapa sawit di pasaran. Juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah mengumumkan baru-baru ini kerajaan juga cuba akan memperuntukkan sejumlah RM500 juta bagi membantu pelbagai cara untuk tanaman semula bagi kebun kelapa sawit.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ada tiga cadangan yang ingin dikemukakan kepada pihak kerajaan untuk dipertimbangkan. Pertamanya, kerajaan pada masa lalu memang mengenakan ses bagi setiap satu metrik tan iaitu RM11.00. Ertinya, dahulu kerajaan memang mengenakan ses RM11.00 bagi satu tan metrik untuk tujuan bayaran untuk MPOB bagi R&D, promosi dan juga kerja-kerja perlesenan. Jadi, pada masa ini saya ingin meminta kepada pihak kerajaan supaya dapat hapuskan walaupun pada Februari tahun ini telah kurangkan ses ini dari RM11 hingga RM7, bererti tak kurang RM4. Jadi, saya minta pada masa yang sesak ini saya minta pihak kerajaan supaya dapat menghapuskan ses semua sekali RM11 ini buat sementara waktu sehingga keadaan dapat pulih semula barulah kita kenakan atau fikirkan satu angka ataupun satu bayaran yang munasabah. Jadi, buat sementara ini saya cadangkan supaya hapuskan RM11 semua sekali untuk kebaikan pekebun kecil.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Yang kedua, tentang harga buah tandan segar (fresh fruit bunch) ataupun lebih dikenali sebagai FFB. Buat masa sekarang harga untuk FFB dianggarkan sebanyak 17% hingga 20% iaitu untuk mengikut kadar perahan dan kualiti buah yang diperolehi daripada harga minyak mentah sawit setelah ditolak kos memproses harga pemasaran dan pengangkutan. Ertinya, cara kita kira ialah patut tinggi sekali ialah 20% tetapi saya nampak di kawasan Johor khususnya banyak peratusan yang digunakan biasa antara 17% ataupun 18%. Jadi, selain daripada kita menasihatkan pekebun kecil ataupun peneroka supaya memperolehi buah kelapa sawit yang berkualiti, jadi kementerian harus juga memastikan peratusan yang dikenakan kalau

tak sampai 20% sekurang-kurangnya dapat mencapai 19%. Jadi, dapat sekurang-kurangnya membantu pendapatan pekebun kecil di seluruh negara kita.

Ketiga, dikatakan stok minyak mentah kelapa sawit. Saya harap kalau saya silap sila betulkan - stok minyak mentah kelapa sawit ikut pasaran kalau kita hendak stabilkan harga kita tidak boleh melebihi RM1 juta tan metrik. Tetapi oleh kerana pasaran yang sedemikian kita mempunyai 1.5 juta tan metrik yang ada di negara kita. Jadi, saya berharap kerajaan memikir satu cara, tak kira kita hapuskan melalui satu bayaran kira juta ringgit ataupun berjuta ringgit untuk menstabilkan harga, buatlah demikian supaya kita memang kekalkan 1 juta metrik tan ini untuk menstabilkan harga demi kebaikan rakyat dan juga negara.

Jadi, tiga perkara saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian ataupun pihak kerajaan supaya memikirkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat, ada yang berdiri minta penjelasan di belakang.

Tuan Mah Siew Keong: Teluk Intan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih. Saya mengemukakan tiga cadangan yang baik dari Yang Berhormat bagi Kluang. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Kluang, sekarang pekebun-pekebun kecil ada masalah kewangan. Tetapi apakah pandangan jangka masa panjang kerana sekarang nampaknya negara jiran seperti Indonesia, Thailand telah meluaskan kawasan penanaman dan kos buruh mereka adalah begitu rendah. Di Amerika sekarang terdapat genetic modified soya oil yang akan menurunkan kos dan menambahkan pengeluaran soya oil di Amerika. Dengan perkembangan ini apakah pandangan Yang Berhormat terhadap masa depan pekebun-pekebun kecil di Malaysia? Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang kita menghadapi masalah untuk bersaing dengan negara-negara jiran kita seperti Indonesia khususnya dan kerajaan memang pun cuba mengurangkan stok iaitu melalui peningkatan eksport dan mengurangkan pengeluaran di dalam negara kita. Walau bagaimanapun, pada masa ini saya meminta kepada pihak kerajaan, mungkin Yang Berhormat pun fikir sama tak kira kita gunakan apa cara dapat memberi insentif ataupun subsidi ataupun cara macam mana untuk membantu pekebun kecil kita supaya dapat menghadapi masalah yang mungkin mereka hadapi pada saat ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah tentang perpaduan kaum. Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Bentong ya.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat pergi ke tajuk yang kedua berhubung dengan kelapa sawit ini, memang satu perkara yang amat penting untuk penduduk-penduduk luar bandar termasuk kawasan saya juga terdapat ramai penduduk yang bergantung kepada hasil kelapa sawit ini. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat memandangkan harga kelapa sawit kita tidak dapat ditingkatkan ataupun bersaing dengan minyak soya, apakah usaha-usaha kerajaan pada pandangan Yang Berhormat tentang bagaimana kita hendak mempelbagaikan produk-produk hiliran untuk memastikan minyak sawit ini dapat menambahkan hasilnya. Bukan sahaja minyak sawit bahkan lebih banyak lagi produk lain seperti produk hiliran yang lain. Apakah kerajaan dapat meningkatkan penyelidikan termasuk PORIM untuk meningkatkan penyelidikan dalam bidang-bidang menambahkan produk-produk hiliran bagi kelapa sawit, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bentong iaitu selain daripada hasil produk daripada minyak sawit, harus juga kita tingkatkan dan saya nampak Kabinet mengarahkan Kementerian Pertanian dan tiga lagi kementerian untuk bersama-sama duduk berbincang perkara ini. Salah satu cara memang untuk mempelbagai produk minyak sawit ini supaya dapat, selain daripada kita mengeksport dapat juga menghasilkan produk-produk minyak sawit ini supaya dapat kita menghadapi masalah yang saya bangkitkan tadi. Saya ucapkan terima kasih atas pandangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk perpaduan kaum ini, walaupun semalam ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara ini, saya memang bersetuju dengan pandangan iaitu negara kita adalah sebuah negara yang majmuk di mana berasaskan semangat perpaduan dan sikap toleransi, rakyat dapat hidup bersatu padu, aman dan damai. Keadaan yang tenteram ini adalah kejayaan kerajaan dalam mengekalkan perpaduan dan keharmonian hidup di kalangan rakyat yang berbilang kaum.

Ketika negara kita menuju ke era baru dan ke era Wawasan 2020, perpaduan yang sedia terjalin di kalangan rakyat sudah tetap menjadi kunci utama untuk

mencapai matlamat kita bersama. Jadi, berasaskan faktor ini kerajaan dapat menumpukan sepenuh masa dan usaha untuk membangunkan negara kita.

Tetapi saya cukup berasa sedih mengenai peristiwa yang berlaku ataupun peristiwa pergaduhan di Jalan Klang Lama yang berlaku pada 8 Mac tahun ini yang mengakibatkan ramai orang cedera dan enam nyawa telah terkorban. Walaupun ada sebab-sebab yang tertentu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain, sebahagian besar juga kejadian ini disebabkan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab yang menyebarkan khabar angin mengenai pergaduhan ini.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada pihak polis kerana bertindak cepat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Kemaman, hendak beri jalan?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Yang Berhormat, saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat bersetuju ataupun tidak dengan pandangan oleh *Berita Harian* group editor Encik Ahmad Rejab Arbi yang mengatakan salah satu sebab berlakunya peristiwa tersebut ialah kerana kongkongan kerajaan terhadap media di mana perkara-perkara yang sepatutnya dilaporkan telah diblack out oleh kerajaan yang menyebabkan perkara-perkara yang sebenar berlaku seperti mana berlaku di Kampung Medan di mana kerajaan mengambil dua, tiga hari sebelum memberi kenyataan rasmi, sedangkan pihak media sudah mengetahui banyak fakta sebelum dapat disiarkan. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir apa cara pun kita harus bersama-sama membantukan keadaan ini, walaupun dari segi berita rasmi dan sebagainya. Saya rasa pihak polis buat sementara ini mengambil tindakan cepat, adalah satu tindakan cepat supaya perkara ini tidak boleh merosakkan ketenteraman awam jika ia merebak ke kawasan lain. Jadi, dari segi cara macam mana kita menghadapi masalah ini pun saya rasa terpulanglah kepada semua pihak kita bersama, sama-sama kita bekerja sama demi mencegah kejadian ini.

Di samping itu saya juga ingin berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin BN yang lain, yang peka dan prihatin terhadap kejadian ini dan menasihatkan penduduk-penduduk di kawasan tersebut bertenang dan sentiasa bersikap toleransi, selain daripada mematuhi Dasar Perpaduan Negara serta undang-undang yang sedia ada.

Dalam konteks ini mungkin kerajaan sendiri harus meningkatkan lagi usaha untuk mengadakan integrasi kaum dan melahirkan kesedaran serta semangat muhibah dan setia kawan khususnya di kalangan remaja dan belia melalui pendidikan dan aktiviti-aktiviti masyarakat setempat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, sejak beberapa tahun yang lalu, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara pernah melancarkan satu program promosi perpaduan yang mengandungi 18 kegiatan utama seperti program setia padu, titian mas, jambo perpaduan dan khemah kerja integrasi dan sebagainya.

Jadi, melalui kegiatan-kegiatan tersebut, dapat mempertingkatkan lagi integrasi nasional bagi menjamin kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan negara. Di samping ini, Jabatan Perpaduan Negara menubuhkan lebih daripada 1,000 kawasan rukun tetangga di seluruh negara kita dan di bawah sektor RT juga ada ditubuhkan antaranya jiran muda dan jiran wanita. Kegiatan-kegiatan di bawah jiran muda juga boleh memupuk semangat patriotisme dan setia kawan terhadap bangsa Malaysia tanpa mengira keturunan, budaya dan agama.

Jadi, dalam konteks ini saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada aktiviti-aktiviti yang seumpama ini yang dirancang oleh Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat masih berjalan ataupun tidak. Kalau ada, macam mana sambutannya dan kesannya. Kalau tidak, saya harap kementerian dapat memikirkan semula dan mengambil perhatian demi berusaha lagi untuk perpaduan kaum di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat ya. Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kluang. Kalau kita perhatikan bahawa negara yang paling baik untuk dijadikan model sebagai negara berbilang ras yang duduk dalam keadaan aman dan damai ialah satunya di Brazil. Kalau kita ke Brazil kita akan tanya sama ada dia berkulit hitam, berkulit coklat ataupun berkulit kuning, masing-masing mengaku mereka adalah Brazilian, they are Brazilian.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat formula-formula yang diguna pakai di Brazil, sehinggakan seluruh masyarakat berbilang warna kulit ini dapat hidup dan mengaku mereka adalah satu Brazil. Tetapi di Malaysia kita lihat seolah-olah selimut

yang mengikat hubungan antara kaum adalah bagaikan kulit bawang kerana sedikit sahaja insiden-insiden akan boleh mencetuskan perkara yang amat merebak. Itu perkara yang pertama.

Yang kedua, bersetuju ataupun tidak Yang Berhormat sekiranya saya mengatakan bahawa kalau parti-parti politik yang ada dalam negara kita ini diasaskan kepada ras, ini sedikit sebanyak membantut kepada berlakunya integrasi kaum di negara kita, kerana sudah barang tentu bacalah ilmu politik mana sekali pun, setiap parti politik yang berdasarkan kepada ras sudah pasti akan cuba membela ras masing-masing.

Kadang-kadang menghilangkan timbang rasa nasional itu sendiri kerana kedudukan dan juga pangkat dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kita pakai cara kita sendiri. Saya rasa Barisan Nasional memerintah negara kita telah lebih dari 40 tahun, cara kita kongsi kuasa dan kita memerintah mentadbirkan kerajaan dan negara kita sudah menjadi satu bukti yang cukup jelas, kita berjaya, cuma sekali-sekali kita menghadapi sedikit masalah di mana kita boleh duduk untuk bersama-sama berbincang untuk menyelesaikan masalah ini.

Jadi, pada pandangan saya, kesimpulannya selain daripada usaha daripada kementerian ataupun pihak kerajaan, saya rasa semua pihak termasuk para ibu bapa, persatuan-persatuan masyarakat, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, termasuk parti-parti politik sendiri harus bekerjasama demi adanya kerjasama dari semua pihak, kita dapat mencapai matlamat yang lebih berjaya.

Jadi, saya rasa kita harus menghayati dan menghormati cara kita sendiri untuk kita mentadbirkan negara kita ini dan sudah jelas selama ini kita memang mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perpaduan kaum, satu perkara lagi yang saya harus ataupun kita harus mengambil perhatian ialah aktiviti belia dan masalah sosial. Saya bersetuju dengan dalam Titah Ucapan Diraja di mana generasi kita ataupun generasi remaja dan belia dianggap sebagai khazanah ataupun aset penting negara kita dari segi tenaga manusia dan dalam menjayakan wawasan negara.

Kerajaan memang berusaha sedaya upaya untuk melahirkan generasi baru kita yang berkualiti supaya mereka benar-benar menjadi tunjang juga penggerak pembangunan masyarakat dan negara berasaskan ilmu, azam dan cita-cita tinggi.

Jadi, menyadari hakikat bahawa masalah sosial termasuk gejala sosial dan penyalahgunaan dadah yang berlaku ini merupakan masalah kepada negara, ia perlu diatasi sekiranya negara kita harus menuju ke arah negara yang maju.

Jadi, dalam hal ini selain daripada undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu untuk mengawal gejala yang tersebut di atas, Kementerian Belia dan Sukan harus juga merangka beberapa program yang digabungkan di bawah satu konsep wawasan rakan muda, sejak beberapa tahun yang lalu dan seperti yang kita sedia maklum, segala program tersebut adalah untuk membantu generasi muda mengenali budaya warisan bangsa Malaysia yang tidak terpengaruh dengan budaya negatif Barat.

Jadi, dalam konteks ini, saya masih ingat dan harap diambil perhatian oleh kementerian ialah Program Khidmat Sosial. Program Khidmat Sosial ini yang pernah dicadangkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, yang bertujuan membina kecemerlangan dan pembentukan perilaku yang baik di kalangan anak muda lepasan sekolah menengah atau selepas tingkatan 5.

Jadi, mungkin Kementerian Belia dan Sukan boleh mengkaji semula perkara ini, kalau sesuai saya percaya kita boleh melaksanakan lebih luas lagi ataupun kita ingin mencadangkan.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian satu alternatif lagi yang mungkin kita boleh fikirkan ialah satu bentuk latihan tentera dimasukkan dalam kurikulum sekolah menengah supaya menanam semangat disiplin dan patriotisme di kalangan remaja ataupun budak-budak sekolah apabila mereka masih dalam bangku sekolah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya juga merasa bangga pada 19 Februari tahun ini, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri telah mengumumkan hasrat kementerian untuk menyelaraskan Program Khidmat Sosial Negara (PKSN) dalam Program Rakan Muda bagi memperluaskan lagi ataupun memperbanyakkan lagi aktiviti berkaitan dengan golongan belia di negara kita.

Jadi, penyelarasan PKSN dalam rakan muda membolehkan pesertanya mengikuti program menghiburkan dan secara sekali gus menanam semangat patriotik dan nilai tradisi yang murni dan saya menerima baik cadangan Yang Berhormat Menteri dan berharap perkara ini dapat dilaksanakan dalam masa yang secepat mungkin demi menarik lebih ramai golongan belia menyertai program yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada permohonan kewarganegaraan. Tadi, saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di Dewan ini, saya harap perkara ini dapat diambil perhatian. Kalau kita baca angka yang saya perolehi, pada tahun 1998 jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara menggunakan borang baru adalah 3,882 dan back log ataupun permohonan lama adalah 3,979, jumlah saya kira lebih kurang 7,861.

Jadi, pada akhir tahun 2000

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, tolong cepatkan ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Hoo Seong Chang: Ya, saya gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Hoo Seong Chang: Pada tahun 2000 sebanyak 4,159 permohonan baru – permohonan yang menggunakan borang lama dan 5,812 permohonan menggunakan borang baru. Bererti borang lama 4,159, gunakan borang baru 5,812 dan back log adalah 1,225, jumlah lebih kurang 11,000 lebih.

Saya rasa kerajaan harus memberi pertimbangan yang sewajarnya kerana kebanyakan di antara pemohon yang telah tinggal di negara kita, sudah lebih daripada 20 tahun, 30 tahun dan di antara mereka ramai yang sudah berumur 60 tahun ataupun 70 tahun kadang-kadang, jadi dalam situasi ini golongan ini sudah lama menetap di negara kita dan menghabiskan usia mereka di negara kita dan tidak berminat untuk berhijrah ke mana-mana lagi

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Sudah habis Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dalam hal ini, mereka tetap ada menyumbang kepada ekonomi negara kita. Jadi, mereka pun sudah ada keluarga, ada cucu, anak dan sebagainya. Jadi, dalam konteks ini saya memohonlah kepada Kementerian Dalam Negeri khususnya kepada pihak kerajaan supaya dapat menimbangkan permohonan-permohonan yang sudah lama mereka memohon dan melihatkan latar belakang mereka yang begitu taat setia kepada negara.

Jadi, saya harap tiga perkara ini yang saya sebutkan dalam Dewan ini, harap dapat perhatian daripada pihak kerajaan demi kebaikan rakyat dan negara. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong.

11.35 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana diberi peluang di dalam perbahasan Usul ini. Rakyat Malaysia sedang menghadapi pancaroba politik dan ekonomi, walaupun kerajaan sedang berusaha memperkecilkan pancaroba ini melalui pelbagai cara termasuk media, rakyat bimbang apa akan terjadi dengan negara yang penuh dengan pancaroba ini.

Apa yang berlaku di Kampung Medan, Jalan Klang Lama, Pandan Jaya Selatan pada 8 Mac 2001 merupakan satu detik hitam yang menyebabkan sekurang-kurangnya enam orang mati dan beberapa orang cedera. Mengapa pergaduhan ini boleh wujud, walaupun ada ahli-ahli yang disebutkan termasuk Ahli Yang Berhormat bagi Kluang yang mengatakan begitu penting kita adakan perpaduan, tetapi MCA dia sebagai parti mono etnik macam mana boleh mencapai perpaduan, saya pun tak tahulah.

Kita tidak mahu peristiwa seumpama Kampung Medan berlaku dan berulang. Kepada keluarga mangsa-mangsa tersebut kita mengucapkan takziah untuk menyatakan rasa dukacita kita, kita mengambil sikap yang sederhana, kita berasa dukacita dengan sikap sesetengah pemimpin Barisan Nasional yang menyalahkan Barisan Alternatif. Sebenarnya, jika kerajaan mengambil tindakan awal dan polis benar-benar bertindak secara profesional dengan secepat mungkin, peristiwa tersebut boleh dielakkan. Kerajaan wajib menyiasat dengan teliti peristiwa tersebut dan membentangkan satu kertas putih di Dewan ini dengan secepat mungkin.

Perlu saya beri peringatan kepada Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan bahawa walaupun kerajaan telah berjanji untuk membentangkan kertas putih mengenai peristiwa Sauk, setakat ini belum lagi ada kertas putih itu. Alasannya ada kes mahkamah. Dan bilakah kes mahkamah ini akan selesai. Kalau itu akan diselesaikan lima tahun akan datang dan kertas putih yang dijanjikan tidak dapat dikotakan. Saya berharap pihak kerajaan akan menimbangkan bagaimana dapat menunaikan janji tersebut.

*Burung kedidi terbang ke pantai
Dari pantai terbang berkawan
Kerana sebiji rosak setangkai
Sebab setangkai rosak sedahan*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Berpantunya.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu pantun dondang sayang namanya. Kita mestilah mencari asal usul peristiwa Kampung Medan dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya. Kononnya pergaduhan di Kampung Medan itu pada 8 Mac ataupun 9 Mac pun saya tak tahulah menyebabkan apa yang disebutkan sebagai enam orang terbunuh sekurang-kurangnya 40 yang lain cedera, serta setakat ini 75 orang telah didakwa di mahkamah.

Beberapa kejadian telah dikhabarkan berlaku di kawasan tersebut termasuk pada mulanya serangan-serangan parang di majlis perkahwinan dan pengebumian ke atas seorang pemandu lori. Kita telah diberitahu apabila polis dipanggil ia tidak mengambil tindakan dengan segera, ini saya pun tak tahulah kerana kita dengar khabar sebab itu kita perlukan satu kertas putih untuk memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, setakat mana polis mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, profesionalisme polis telah dikhuatiri oleh sesetengah orang kemudian dilaporkan bahawa kira-kira 800 polis mengawal kawasan itu. Masalah di Kampung Medan dan kawasan sekitarnya memang wujud berdekad-dekad dan pihak Barisan Nasional pun tahu ada masalah di situ dan adakah kemungkinan sikap polis untuk menangani masalah sosial dan jenayah di situ perlu diperubahkan kerana yang dianggapkan tidak cukup profesionalisme.

Ini bukan di kawasan itu sahaja, kawasan-kawasan yang lain pun saya ada dengar, sama ada benar atau tidak pihak Kementerian Dalam Negeri mestilah menyiasat dan kita hendak menambahkan anggota polis yang berkualiti, berdisiplin yang mempunyai pengetahuan dan kebolehan untuk menangani masalah pergaduhan itu terutamanya pergaduhan yang melibatkan kaum-kaum di Malaysia ini. Kalau pergaduhan satu kaum masalah timbul tetapi tidak begitu besar tetapi pergaduhan yang melibatkan dua, tiga kaum memang dahsyat di negara ini. Itulah kita berharap pihak polis menyiasat hal ini dan sebelum itu selain daripada kertas putih Kampung Medan, kita haruslah meninjau keadaan di seluruh negara termasuk semua kawasan setinggan, rumah panjang, rumah-rumah pangsa dan kampung-kampung yang miskin, institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Misalnya rumah panjang di Jinjang Utara yang mempunyai lebih 1,000 unit dan di situ kita dapati rumah panjang telah dibina lebih ataupun hampir 10 tahun.

Terdapat penagih dan pengedar dadah, penjenayah dan samseng di kawasan itu. Mereka mengancam keselamatan para penduduk di sekitar. Walaupun terdapat ura-ura projek pembangunan di kawasan itu, masalah sosial dan jenayah masih berlaku. Pihak polis belum mempunyai kawalan yang berkesan. Saya faham dan saya sedar kekurangan anggota polis menjadi satu faktor tetapi selain daripada kekurangan anggota polis, sikap kerana mungkin di anggap rumah panjang memang masalah lah, tidak payah kita mengambil perhatian dengan begitu cepat ataupun segera dan sebagainya, mungkin sikap itu.

Sudah 10 tahun atau lebih di Jinjang Utara. Kalau itu berlanjutan mungkin akan berlaku pergaduhan yang serupa dengan Kampung Medan, ini di Jinjang Utara dan di kawasan-kawasan lain di seluruh negara ada situasi dan keadaan yang serupa termasuk di kampung-kampung yang miskin juga. Memang peranan polis adalah penting untuk menangani masalah seumpama ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang asyik bermain politik, politic games. Beliau melaung-laungkan bangsa Malaysia pada satu ketika, memberi harapan kepada rakyat semua kaum kerana mereka mempercayai Yang Amat Berhormat hendak mengikis perkauman. Akan tetapi sebelum dan selepas pilihan raya 1999, Yang Amat Berhormat bermain politik perkauman pula.

Misalnya beliau membandingkan Suqiu dengan Al Ma'unah dan Komunis walaupun sebelum pilihan raya, jemaah Kabinet kerajaan beliau menyokong Suqiu. Kemudian beliau hendak mengadakan perpaduan Melayu. Tambahan pula UMNO, MCA dan MIC masing-masing terus memainkan peranan politik perkauman di dalam erti kata yang sebenarnya. Semua ini adalah bertentangan dengan cita-cita bangsa Malaysia, multi-racial. Walaupun Barisan Nasional mengatakan perpaduan Melayu adalah baik untuk negara dan tidak menjejaskan kaum-kaum lain. Kebanyakan rakyat tidak bersetuju, 'penjatian awak, kepantangan orang'. Saya mencadangkan supaya Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan untuk menyiasat keadaan perpaduan relevannya atau tidak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, unsur-unsur yang menjejaskan atau memupuk perpaduan negara termasuk parti-parti politik mono etnik.

Sekarang kita ada mendengar, ada peruntukan..

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haj Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Siapa lagi

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingat dia dari Perak, macam mana dia larut pula

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak minta penjelasan. Sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana hujah Yang Berhormat dan begitu juga perbahasan Presiden PAS di dalam Barisan Alternatif, adakah Yang Berhormat ingin mengatakan bahawa kelengahan perjumpaan PAS dengan UMNO ini secara tidak langsung ditolak oleh DAP. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat dalam hubungan perpaduan Melayu ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau tidak silap saya PAS ada membuat beberapa syarat, termasuk untuk membincangkan perpaduan rakyat Malaysia. Perbincangan bangsa Malaysia, perbincangan warga kota, warga kampung Malaysia, bukan untuk perpaduan Melayu sahaja, itulah yang saya difahamkan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Satu kali sahajalah kerana masa terhad, saya mempunyai banyak masalah lagi termasuk skandal Time dotCom, saya akan bangkitkan di sini Yang Berhormat akan sokong pembongkaran pendedahan skandal Time dotCom, hendak cakap. Itu boleh, mengenai Time dotCom.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, ini yang lain ini.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta persetujuan sama ada DAP menyokong atau tidak usaha PAS untuk berjumpa dengan UMNO dalam hubungan perpaduan bangsa Melayu, itu sahaja saya hendak tahu. Janganlah pusing sana, pusing sini. Itu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak pusing kerana PAS ada dengan syarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa..

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu sahaja saya minta penjelasan sedikit sahaja, sama ada DAP menyokong atau tidak usaha UMNO hendak berjumpa dengan PAS berhubung dengan perpaduan Melayu itu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita sokong perbincangan perpaduan nasional [*Tepuk*] Tidak payahlah hendak bertanya lagi. Asalkan sokong, sokongan kita untuk mendedahkan Time dotCom pula, itu lebih bermakna.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Kerajaan telah berulang mengatakan bahawa pertumbuhan ekonomi dijangka akan terus berkembang dengan pesat. Ada gejala-gejala bahawa ekonomi kita tidak begitu kukuh. Sektor pembinaan dan perniagaan runcit, kelapa sawit, getah adalah lembap. Walaupun pertumbuhan untuk tahun telah dijangka sebagai 7% kita khuatir ia boleh menjadi 4% atau 5%. Kita berharap kekhawatiran ini tidak akan menjadi kenyataan.

Ekonomi Amerika Syarikat iaitu ekonomi yang terbesar di dunia adalah mulai lembap. Ekonomi Jepun yang merupakan ekonomi yang kedua besarnya di dunia juga lembap iaitu lemah untuk satu dekad. Ini telah menjejaskan ekonomi dunia meskipun kerajaan bercakap besar dari hal kewibawaannya dalam pengurusan ekonomi Malaysia tetapi kita dapati kelemahan-kelemahan seperti reformasi, pengurusan korporat yang masih tidak memuaskan. Seumpamanya pengurusan MAS dan penawaran awam permulaan, initial public offering - IPO, Time dotCom. Dengan amalan kerajaan sekarang ada tanda yang menunjukkan bahawa menawarkan rasuah yang diterima sebagai amalan biasa, bukan IPO sahaja, the offering of bribes is accepted as normal practice.

Tuan Yang di-Pertua, ada alamat yang menunjukkan bahawa kerajaan memperuntukkan lebih wang untuk projek-projek awam termasuk menghidupkan semula projek hidro-elektrik Bakun yang akan menelan belanja RM9 bilion. Projek-projek awam ini adalah menjadi pemangkin kepada ekonomi kerana ekonomi yang lemah. Kerajaan mengatakan ekonomi telah pulih tetapi keadaan ekonomi masih murung seolah-olah kata pemulihan itu sebagai gurauan sahaja. Saya akan membincangkan projek-projek awam ini semasa membahaskan Usul Rancangan Malaysia Kelapan kelak. Yang pentingnya, Jabatan Perkhidmatan Awam yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan atau memantau projek-projek awam yang ditentukan atau diluluskan oleh agensi seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU) adalah kekurangan wang dan kakitangan termasuk pakar-pakarnya. Saya mengesyorkan bahawa kerajaan mengkaji semula keadaan kewangan dan kakitangan JKR agar ia dapat berfungsi dengan cekap dan berdisiplin.

Tuan Yang di-Pertua, dwi-perkara yang hampir sama keadaannya iaitu pembelian saham MAS oleh kerajaan dan pembabitan agensi-agensi kewangan berkanun dengan IPO Time dotCom yang sebelum ini ialah Time Telecommunications Holdings Berhad, sama naik bak gelombang, sama turun bak 'ke pencong', dua hal atau kejadian yang sama keadaannya. Sukarlah bagi kerajaan untuk memberikan justifikasinya. Kadang kala alasan-alasannya pincang sama sekali.

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat bagi Kepong, hendak bertanya soalan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, apabila seminggu sebelum pihak kerajaan membeli saham MAS, saham itu dibeli oleh Brunei dengan harga lebih kurang RM4.00, kemudian kerajaan beli dengan harga RM8.00. Perkara ini amat menghiris perasaan pihak Brunei, bahkan saya mendapat maklumat pihak Brunei mengatakan lain kali kalau apa-apa masalah yang berlaku di Malaysia jangan minta tolong aku lagi. Ertinya satu ungkapan yang dikeluarkan, begitu.....

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Ini utusan khas Kerajaan Brunei kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, jangan..

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Utusan khas kerajaan Brunei kah?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak apalah dengarlah dahulu. Jangan memerintah secara membuta tuli. Ertinya pihak mereka mengatakan lain kali kalau ada masalah hendak minta tolong kami lagi sukar kerana kami seolah-olah ditipu. Seminggu sebelum itu kami beli RM4.00, selepas itu dijual dengan harga RM8.00. Minta Yang Berhormat bagi Kepong komen sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini cakap secara rasmi ini ya. Dia ada bercakap secara rasmi Kerajaan Brunei macam ini?

Tuan Mohamad bin Sabu: Maklumat, minta pihak kerajaanlah jawab dan Yang Berhormat bagi Kepong ulas sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah memang mempunyai point yang relevan. Yang Berhormat bagi Shah Alam tidak mahu dengar. Kita sama-sama membongkar masalah negara seperti MAS dan Time dotCom, jangan hendak kacau perkara yang lain, ini perkara yang penting sekali.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Shah Alam berdiri, hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak cukup masa kerana ada Time dotCom banyak lagi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan, kalau beri cakap berilah Yang Berhormat. Beri? Beri, ha beri.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ringkas-ringkas Yang Berhormat.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Itulah saya minat Yang Berhormat bagi Kepong fasal jiwa dan pemikirannya sentiasa terkepung. Semalam perkara yang dibangkitkan tentang saham MAS ini, saya ingat penjelasan yang diberi oleh Menteri Kewangan cukup jelas. Bahawa kita bercakap tentang the controlling stake, willing seller willing buyer dan ada asas yang kukuh bahawa Naluri telah pun mendapat firm offer dengan izin, dekat RM15.00 tetapi kalau kerajaan boleh negotiate dapat RM8.00 dan kita dapat balik controlling stake dan ini merupakan industri yang strategik kepada pembangunan negara. Saya rasa ada rasional asas yang kuat dan kukuh bahawa pembelian itu menepati dengan kehendak dan tuntutan industri pengangkutan negara. Itu penjelasannya. Jadi kalau Yang Berhormat bagi Kepong yang jiwa dan pemikirannya yang sentiasa terkepung, tidak mahu terima penerangan dan penjelasan ini hendak buat macam mana. Teruslah terkepung.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, alasan-alasan pincang, macam mana hendak terima? *[Tepuk]* Ha, itulah, kalau tidak berminat untuk memberi jawapan yang tepat, persis dan jitu janganlah kita harap orang terima kerana dunia di dalam dan di luar Malaysia, dunia tidak begitu percaya tentang pengurusan MAS, tidak begitu percaya walaupun MAS mempunyai potensi. Tetapi kalau kita menguruskan hal seumpama 29.09% sahamnya dengan sedemikian yang disokong oleh Shah Alam atau Alam Shah jadi membuta tuli...*[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, teruskan Yang Berhormat, masa Yang Berhormat

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, semalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai MAS boleh diterima sebahagiannya tetapi tidak boleh diterima keseluruhannya sebagai....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Boleh diterima, boleh diterima .

Dr. Tan Seng Giaw: Sebagai pengangkut negara, *national carrier* kita berharap ia boleh berjaya kerana masa ucapan telah dihadkan. Saya hanya menumpukan perhatian kepada kekurangan rasional atau ta'akulan bagi kerajaan membeli 29.09% saham daripada Tan Sri Tajudin Ramli dengan harga RM8 sesaham sejumlah RM1.792 bilion walhal harga pasaran cuma RM3.68 sahaja. Ini memang tidak boleh diterima walaupun Tan Sri Tajudin pada tahun 1994 membayar RM8 sesaham tetapi beliau masih dapat RM8 sesaham tanpa mengira harga pasarnya padaTuan Yang di-Pertua.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kepong tidak faham *controlling stake* ini, apa maksudnya.

Dr. Tan Seng Giaw: *Controlling* atau tidak *controlling*, pelaburan atau perniagaan adalah risikonya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tan Sri Tajudin dapat hadiah, dapat sejenis insurans. Patutlah kita diberitahu bahawa beliau mengatakan kepada sebuah agensi berita asing bahawa beliau adalah....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:mujur memperolehi RM8 sesaham, ini membolehkan beliau melangsaikan hutang Naluri Berhad sebanyak RM1 bilion. Itu masalah kita. Saya mengusulkan supaya satu*[Disampuk]* tidak ada masa, sudah tidak masa, lain kali, lain kali. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak cadang beberapa perkara di dalam Time dotCom kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya mengusulkan supaya satu laporan khas mestilah diadakan mengenai kedudukan MAS dan pembelian saham MAS oleh kerajaan. Sebagai seorang ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, saya akan mencadangkan agar Jawatankuasa itu membincangkan perkara ini dan Tambun ada, Rompin tidak ada, Tambun ada, saya cadangkan di sini, saya akan bangkitkan perkara ini di dalam Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Renong.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat....

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah tidak ada masa lagi....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Shah Alam.

Dr. Tan Seng Giaw: Shah Alam atau Alam Shah sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tidak bagi Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak bagi, saya tidak cukup masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Renong, kemegahan, *flagship* UMNO dan Tan Sri Halim Saad mempunyai fakta-fakta dan angka-angka yang bercelaru yang susah untuk dihuraikan. *The maze of fact and figures which is difficult to untangle.* Gabungan dan pilih atur (combination and permutation) anak-anak syarikat yang berkaitan dengan politik perniagaan dan kuasa naungan, *patronage*, ini adalah sangat rumit. Time dotCom merupakan salah satu anak syarikat. Saudara Lim Kit Siang, Pengerusi Kebangsaan DAP dan bekas Yang Berhormat Tanjong mengupas IPO ini dan pembabitan agensi-agensi dana dengan panjang lebar.

Kita telah diberitahu bahawa Tan Sri Halim Saad berhutang RM25 bilion. Kita inginkan kerajaan menyiasat hal ini untuk mengetahui keadaan yang sebenar. Adakah benar daripada IPO Time dotCom, beliau telah mendapat RM900 juta. Berapa IPO lagi akan diadakan. Ini memang satu perkara yang penting. Kalau benarlah Tan Sri Halim Saad berhutang RM25 bilion, macam mana dia boleh membayar balik dan apakah kerumitan ini, apakah combination dan *permutation* ini, kita pun tidak faham. Dan perlulah bagi kerajaan untuk menyiasat semua.

Pada 12 Mac tahun ini, Time dotCom disenaraikan dengan IPO 571 juta saham pada RM3.30 sesaham. Hanya 25% saham telah dilanggankan (subscribed), baki 75% telah dibeli oleh agensi-agensi kewangan yang berkaitan dengan kerajaan seperti Kumpulan Wang Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan Danaharta.

Kerajaan haruslah mengumumkan beberapa agensi lagi yang terbabit di dalam hal ini, saham Time dotCom telah jatuh dalam seminggu ini kepada semalam RM2 dan pagi ini saya diberitahu RM2.20 sesaham. Setakat ini KWSP, KWAP dan Daharta telah rugi lebih daripada RM500 juta, lebih daripada RM500 juta. Pada tahun 1996, KWSP telah memberi pinjaman jangka pendek RM500 juta kepada Times Telecommunication Berhad iaitu Time dotCom dengan faedah 9%. KWSP telah bersetuju dibayar semula pinjaman secara tunai dan saham IPO pada harga RM3.30 sesaham. Pengurusan Danaharta Nasional Berhad juga mengenakan syarat yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan, KWAP menjadi sebahagian penaja jamin saham Time dotCom (underwriter) kerana berpendapat saham-saham syarikat Time dotCom itu begitu kukuh. Penaja penjamin saham adalah underwriter, sub-underwriter dan Lim Kit Siang telah menyifatkan ia sebagai undertaker. KWSP telah membeli RM81.6 juta saham – (3.22%), KWAP RM273.86 juta (10.82%) dan Danaharta RM80.05 juta –(3.16%). KWSP membayar RM269.28 juta, KWAP RM90374 juta dan Danaharta RM264.16 juta.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Yang di-Pertua, mereka mempercayai saham-saham Time dotCom akan lebih dilanggankan tetapi hakikatnya berlainan. Sebelum krisis ekonomi 1997, Renong dan Time dotCom telah dianggap sebagai gergasi yang kuat, yang ditumpang oleh parti pemerintah dominan, ini masalah kita.

KWSP mempunyai 9.7 juta ahli dan asetnya berjumlah lebih RM181 bilion, KWAP menjaga beratus ribu kakitangan kerajaan, sebahagian besar 850,000 kakitangan kerajaan termasuk askar dan polis dan Danaharta menangan hutang tidak berbayar. Oleh itu rakyat Malaysia hendaklah menyoal pembabitan mereka di dalam IPO, apa yang disebutkan sebagai penyelamat Time dotCom (a bailout of Time dotCom) dan agensi-agensi seumpamanya ini tidak begitu sepatutnya

digunakan untuk menyelamatkan Time dotCom. Inilah masalah kita. KWSP, KWAP dan Danaharta hendaklah memaparkan kebertanggungjawaban (accountability) dan ketelusan (transparency). Jawatankuasa Kawal Selia, Watchdog Panel dan Persatuan Ahli-ahli KWSP (EPF Contributors Association) mestilah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong, sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Gulung? Saya akan gulung, saya memang mengaku ri kepada keputusan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya sedang gulung sekarang. Jawatankuasa Kawal Selia, Watchdog Panel dan Persatuan Ahli-ahli KWSP (EPF Contributors Association) mestilah diadakan untuk memelihara hak-hak dan kepentingan hampir 10 juta ahlinya. Jawatankuasa yang sama, Watchdog Panel juga perlu diadakan untuk mengawal selia KWAP bagi pihak beratus ribu kakitangan kerajaan.

Saya berharap Ahli-ahli Parlimen akan terus menyokong saya untuk mengawal KWSP, KWAP dan Danaharta [*Tepuk*] di dalam mendedahkan skandal Time dotCom. Tan Sri Halim Saad. Pengerusi baru KWSP telah mengatakan KWSP memperoleh RM78.7 juta saham Time dotCom atau 3.11% jumlah sahamnya, kemudian RM2.85 juta saham telah diterima daripada tawaran terhad (restricted offer). Ini menjadikan pegangan saham RM81.6 juta atau 3.22%. Beliau menganggap Time dotCom sebagai pemain utama (key player) di dalam industri telekomunikasi Malaysia dan pelaburan KWSP yang strategik serta pertimbangan kewangan yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya hendak akhiri beberapa perkataan sahaja. KWSP patut mempertimbangkan semula apa yang disebutkan sebagai *sound financial considerations* dan pengambilan RM2.85 juta tawaran terhad.

Tuan Yang di-Pertua, "belum beranak sudah ditimang, belum duduk sudah berlunjur, sudah bersenang-senang sebelum mencapai maksud", itulah kerja Barisan Nasional. [*Tepuk*] Di zaman globalisasi, rakyat Malaysia mestilah dilengkapi dengan cara-cara moden dan tradisional untuk menghadapi dunia ekonomi dan e-dagang. Sementara itu kita terpaksa menyahut cabaran ekonomi yang lembap. Kita

berharap kerajaan dapat memberi perlindungan dan bantuan kepada rakyat dengan menghapuskan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pentadbiran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak mematuhi permintaan sini.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, saya mengakhiri dengan se rangkap dari pantun Melayu:

*Rumah kecil tiang seribu,
Rumah besar tiang sebatang;
Kecil-kecil ditimang ibu,
Sudah besar ditimang gelombang.*
Sekian, terima kasih. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Sulong.

12.06 tgh.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu bertindak dalam Dewan Rakyat ini dengan perkara-perkara abstrak sebagaimana yang dibangkitkan oleh Sik dan tidak juga mahu bergelagat seperti Kepong.

Di antara intisari utama di dalam titah ucapan Yang di-Pertuan Agong Isnin lalu ialah keselamatan negara terkawal, ekonomi negara semakin kukuh dan rakyat jelata pula hidup dalam keadaan aman dan makmur. Saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana begitulah situasinya negara Malaysia pada hari ini. Namun begitu, soal keselamatan, ekonomi dan kemakmuran negara boleh bertukar menjadi tragedi dan musibah yang parah dalam sekelip mata sahaja jika semua pihak enggan mempertahankan serta memeliharanya pada setiap masa.

Dalam erti kata yang lain, keselamatan, kemantapan ekonomi dan juga kemakmuran *shouldn't be taken for granted*. Sebab itulah sewaktu saya membahaskan Belanjawan Negara 2001 di Dewan yang mulia ini pada 30 Oktober 2000 yang lalu, saya telah mengingatkan semua pihak supaya jangan bermain dengan api perkauman, jangan mengamalkan politik adu-domba, jangan berbalah, jangan berpecah belah dan jangan sekali-kali diungkit-ungkit isu Melayu dan bumiputera sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Negara.

Di dalam ucapan yang sama, saya juga telah merayu kepada seluruh pemimpin tertinggi parti-parti siasah Melayu di negara ini supaya mencari jalan

perpaduan secara ikhlas, jujur dan segera. Hari ini saya ulangi kembali satu perenggan sahaja dari ucapan saya pada 30 Oktober 2000 seperti berikut:

“Kepada orang Melayu seluruhnya, marilah sama-sama kita cari jalan penyelesaian kepada corak politik Melayu yang kini bercelaru, rapuh dan lebih cenderung kepada perpecahan dan permusuhan. Seluruh kepimpinan tertinggi politik Melayu di negara ini perlu bermuzakarah. Lakukanlah muzakarah itu secara ikhlas dan segera. Pokoknya, situasi politik Melayu hari ini mesti segera dijernihkan. Usaha-usaha ke arah menjernih dan memperkukuhkan politik Melayu mutakhir mestilah menjadi agenda utama orang Melayu di alaf baru ini.”

Di dalam konteks ini, kita tidak memerlukan Suruhanjaya Diraja sebagaimana yang disuarakan oleh pihak Kepong. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya seperti di atas tidak mendapat sebarang respons. Hakikat ini memberikan gambaran seolah-olah soal perkauman adalah soal yang enteng, pihak-pihak yang mencetuskan isu perkauman tidak perlu ditegur secara tegas dan perpaduan orang Melayu juga adalah perkara yang kecil dan remeh.

Namun begitu, apabila di akhir Disember iaitu di penghujung bulan puasa 2000, Yang Amat Berhormat Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri bersuara mengenai agenda perpaduan Melayu. Maka bergemuruhlah suara-suara Melayu yang menghuraikan soal perpaduan Melayu. Hari demi hari, mereka menonjolkan pandangan masing-masing menerusi media massa. Hari demi hari media massa sama ada media massa perdana dan media massa yang partisan menyorot soal perpaduan Melayu dari segi pro dan kontranya.

Maka ditetapkanlah tarikh dialog perpaduan Melayu di antara UMNO dan PAS pada 19 Februari 2001. Setelah diwar-warkan dengan ghairahnya, tarikh yang dijadualkan itu pun ditunda. Hingga ke hari ini pun belum terdapat satu kepastian yang muktamad bilakah dialog yang ditunda itu akan diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi walau apa pun yang berlaku, sebagai orang Melayu, saya tetap berbangga dengan inisiatif yang diambil oleh UMNO. Sebagai orang Melayu, saya juga gembira kerana PAS bersetuju untuk berdialog dengan UMNO mengenai perpaduan Melayu. Namun begitu, sebagai orang Melayu juga saya teringat kata-kata orang tua-tua seperti berikut:

“Cakap berdegar-degar, tahi tersangkut di gelegar.”

Jangan kita jadi Pak Kadok, menang sorak, kampung tergadai.
Jangan kita meludah ke langit, kelak terkena batang hidung sendiri.
Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji, riuhnya sekampung.
Jangan kita jadi sasau, bagai anjing dan bayang-bayang". [*Tepuk*]

Kesemua perumpamaan, kiasan, bidalan dan peribahasa ini, amat dalam makna dan kiasnya. Saya dedikasikan seluruhnya kepada orang Melayu, kepada pihak UMNO dan pihak PAS. Saya harap se seluruh pihak yang saya maksudkan akan memahami erti perumpamaan, kiasan, bidalan dan peribahasa di atas. Selepas itu saya harap semua pihak hentikanlah dengan segera seluruh keriuhan semasa mengenai usaha perpaduan bangsa Melayu. Jangan lagi kita heboh-hebohkan soal perpaduan Melayu ini dari aspek baik dan untung ruginya. Sebaliknya laranglah semua pihak terbabit dari membuat sebarang kenyataan akhbar dan mintalah jasa baik semua media massa supaya tidak disensasikan usaha perpaduan ini.

Setelah semua pihak bersetuju untuk tidak membuat apa-apa publisiti mengenai usaha murni ini, saya harap pihak UMNO dan PAS menyerahkan usaha menyatupadukan Melayu ini kepada pihak ketiga yang mempunyai kredibiliti yang tinggi. Ini tidak bermaksud UMNO dan PAS tidak mempunyai kredibiliti, tetapi kredibiliti ini sentiasa diwarnai oleh landasan oleh warna-warna politik. Pihak ketiga ini perlu diberi tanggungjawab sebagai penganjur, sebagai moderator kepada usaha menyatupadukan orang Melayu.

Pihak ketiga yang saya maksudkan ialah wakil-wakil kalangan cerdik pandai serta tokoh-tokoh Melayu dari segenap lapisan. Ini termasuklah wakil ulama dan mufti, kakitangan kerajaan dan pegawai kerajaan, nelayan dan petani, penjaja kecil dan penarik beca, pemandu teksi, mahasiswa dan pensyarah, jutawan dan pemimpin korporat jangan hanya menimbulkan masalah tetapi apabila masalah perpaduan Melayu, mereka mendiamkan diri. Penghulu dan kadi dan wakil-wakil dari mana-mana sahaja pertubuhan Melayu dari seluruh pelosok tanah air .

Format di atas pernah dilaksanakan di negeri Johor sewaktu dianjurkan Perhimpunan Melayu Johor untuk meredakan bahana perpecahan Melayu Johor pada tahun 1988. Di antara yang hadir dari Johor ialah Sri Gading dan Parit Sulong adalah di antara *bad room boys*, dengan izin, untuk menggerakkan Perhimpunan Melayu Johor pada tahun 1988.

Keterlibatan seluruh wakil pertubuhan Melayu di dalam usaha menyatupadukan bangsa Melayu akan menjadikan mana-mana pertubuhan Melayu

yang enggan menyertainya akan menjadi serba salah seperti kera sumbang. Apabila mula disuarakan perpaduan Melayu, ada parti politik yang dulu dalam perlembagaannya kata untuk mengukuhkan orang Melayu, selepas itu menggelar dirinya tidak parti Melayu dan sebagainya. Keterlibatan seperti ini juga akan menggilap semua semangat jati diri Melayu di kalangan keluarga penganjuranya di samping menjadikan mereka berasa dimulia dan dihormati.

Hakikat ini juga akan menyebabkan mereka berasa lebih komited dan serius di dalam melaksanakan tugas penting ini. Lebih serius lagi pendekatan ini akan menjadikan usaha perpaduan Melayu ini sebagai satu gerakan massa atau *mass movement* orang Melayu. Oleh kerana perpecahan atau perpaduan adalah hasil yang dicita-cita oleh rakyat massa, bukannya hasil yang dicita-citakan oleh pemimpin tertinggi parti. Rakyat massa yang menentukan sama ada kita berpecah atau kita mahu berpadu. Pilihan di tangan rakyat. Pemimpin seharusnya menurut apa yang dikehendaki oleh rakyat. Bukannya hanya inisiatif UMNO dan bukannya hanya inisiatif PAS secara eksklusif. Gerakan rakyat massa mesti dilibatkan. Banyak persatuan Melayu yang amat prihatin dengan kedudukan Melayu.

Di mana letaknya kesatuan guru-guru Melayu, Malaysia Barat umpamanya. Di mana gabungan pelajar-pelajar Melayu? Sekarang ini yang baru-baru ini terdengar hanya ABIM, GPMS, yang lain di mana? Persatuan korporat Melayu di mana? Persatuan jutawan Melayu di mana? Mengapa mereka harus mendiamkan diri, sedangkan bangsa sedang dipersoalkan. Mengapa tidak mahu dilibatkan gerakan massa di dalam hal ini?

Saya amat yakin, Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang membabitkan gerakan massa sehingga menubuhkan satu jawatankuasa kerja yang berwibawa tinggi akan dapat menyorot masalah orang Melayu sama ada dari segi perpaduan atau perpecahannya, sama ada dari segi anjakan paradigma politiknya, sama ada dari segi diskriminasi ekonominya akan disorot oleh orang ini. Mereka akan mengkaji seluruhnya mungkin secara ilmiah, secara empirikal, [*Disampuk*] mereka akan mengambil langkah.....

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kota Melaka.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Perpaduan Melayu tidak ada kena mengena dengan DAP. Nanti dulu, nanti dulu.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini bukan soal orang Melayu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia kata nanti, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu.

Tuan Kerk Kim Hock: Parlimen tidak boleh tanyakah?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nanti dulu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya mengatakan apabila diusahakan perpaduan Melayu, seorang pemimpin DAP menimbulkan syak wasangka di pemikiran bukan Melayu. Dia kata, *we suspect something is not right*. Inilah bahana-bahana yang menyebabkan perkara-perkara yang tidak elok di negara ini. Kita harus sedar bahawa perpaduan Melayu adalah amat focal. Dia menjadi paksi kepada perpaduan negara. Jangan diperkotak-katikkan dan jangan dipolitikkan soal ini. Sebab itu saya mencadangkan supaya soal menyatupadukan atau memecahkan Melayu ini diletakkan kepada satu *plain* atau satu pelantar yang lebih neutral dan dilihat secara total. Jangan dilihat dari segi mata yang amat sektorial. Saya tidak mahu perkara ini berlaku.

Oleh kerana semakin lama perkara ini berjalan, maka perbalahan semakin intensified. Kalau umpamanya PAS mencadangkan syarat UMNO tidak bersetuju, maka jalan menuju ke perpaduan itu menjadi lebih gelap, menjadi lebih suram. Kalau perkara ini diletakkan ke tangan dan dimandatkan kepada pihak ketiga yang mempunyai wibawa yang lebih luas, insya-Allah, kita akan berjaya. Mengapa harus disempitkan premis pergerakan kita. Ini yang saya maksudkan. Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, pendekatan ini memang mempunyai proses yang agak panjang tetapi pendekatan ini....

Puan Chong Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam..

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dululah. Nanti dulu, saya akan bagi. *This is by wish whether I want to give it to you or not*, dengan izin. Nanti dululah. Faham tak bahasa Melayu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Puan Chong Eng: Faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Mertajam...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau faham, duduk dulu. Duduk dulu kalau faham. Kalau tak faham bahasa, boleh keluar.

Puan Fong Po Kuan: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Puan Chong Eng: [*Mengejek*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah di antara elemen-elemen yang mengganggu perjalanan proses perpaduan Melayu. Dia jolok sana, dia jolok sini. [*Disampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *Instigate* sana, mengeluarkan kenyataan yang boleh mengelirukan

Seorang Ahli: Kerja dia oranglah tu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Inilah jalan dia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: DAP *jealous*kah?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya amat terhiris jiwa saya melihat apa yang berlaku sekarang. Melihat apa yang berlaku kepada bangsa Melayu. Setengah pihak kata tidak ada perpaduan, setengah pihak mengatakan biar perpecahan sedangkan hakikatnya kita tidak tahu. Sebab itu saya kata, pilih satu kumpulan wibawa mengkaji apa yang sebenarnya berlaku. Tidak payah ada Suruhanjaya Diraja.

Puan Fong Po Kuan: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Jalan, jalan dulu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang saya cadangkan iaitu, menyerahkan soal mengkaji dan menganjurkan perpaduan Melayu kepada kumpulan ketiga. Proses ini memang agak panjang. Oleh kerana ini akan *mobilise grass root movement*, akan *mobilise mass movement* di kalangan orang Melayu, jangan nanti yang atas berpadu, yang bawah terus berpecah. Kalau kita mengambil gerakan *bottom up*, bermakna dari bawah ke atas, ini akan menunjukkan kalau ada perpaduan, perpaduanlah kekal, kalau ada perpecahan, perpecahan yang terus kekal.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu, saya akan beri Kubang Kerian. Saya akan beri.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Jalan, jalan.

Puan Chong Eng: Elehhhhhhh.....*[Ketawa]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Para hadirin, lihatlah gelagat ini. Ha.. ini dia, ini dia. Perpaduan Melayu tidak boleh ditertawakan. Bukan bahan tertawa.

Beberapa Ahli: Ya....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Satu perkara yang serius. Pendek kata..*[Disampuk]*.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Parit Sulong, Parit bangun. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Parit Sulong, Parit mahu tanya Parit Sulong. *[Ketawa]*

[Dewan gamat seketika]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang saya cadangkan boleh mengelakkan satu babak konfrontasi dua parti Melayu yang besar. Sekiranya PAS dengan UMNO yang mengendalikan peringkat awal yang *initiate technical*, apa agenda dan sebagainya, pada setiap masa mereka akan berhadapan dengan satu proses pertembungan. Kalau diadakan pihak ketiga, pihak ketiga ini boleh menjadi *cushion* kepada proses pertembungan itu. Ini yang saya hendak, supaya diredakan suasana, disejukkan rasa yang panas. Ini yang saya minta, bukan saya hendak minta apa-apa. Jadi, dalam hal ini, kalaulah kita dapat bersetuju diwujudkan satu pihak ketiga untuk mengendalikan urusan ini, maka kehadiran pihak ketiga ini akan menenangkan keadaan dan meredakan suasana menjelang hari dialog di antara pemimpin tertinggi dua parti Melayu terbesar di dalam negara ini. Saya yakin kesannya akan menyeluruh dan juga akan berkekalan. Insha-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, wakil-wakil pihak ketiga yang saya maksudkan di atas perlu bertemu untuk menubuhkan satu jawatankuasa kerja. Berikutnya bebaskan mereka untuk memikirkan pendekatan yang sebaik-baiknya sama ada mahu digunakan pendekatan ilmiah yang disokong dengan kajian-kajian empirikal atau

mereka mahu mengetengahkan pendekatan yang semi ilmiah – terserahlah kepada golongan ini menentukan. Apa corak yang mahu dibincangkan, apa agendanya, apa resolusinya, biar pihak ini yang menentukan. Jangan ditentukan oleh pihak yang berkepentingan. Orang Melayu seluruhnya yang harus menentukan supaya pihak parti yang terlibat terpaksa akur. Sekiranya ada satu parti yang tidak akur kepada kehendak gerakan massa, maka, parti itu akan kehilangan sokongan dalam mana-mana pilihan raya. Setelah ditentukan corak pendekatannya, barulah jawatankuasa kerja tersebut menyediakan seluruh persiapan teknikal, merangka agenda perbincangan dan sekiranya diizinkan menyediakan deklarasi atau resolusinya.

Sebelum pertemuan peringkat tertinggi diadakan antara UMNO dan PAS dalam konteks hari ini, jawatankuasa kerja ini perlu bermesyuarat dengan wakil UMNO dan PAS untuk mencari kata muafakat di peringkat awal. Di peringkat inilah kedua-dua pihak UMNO dan PAS boleh memperbaiki mana-mana yang cacat, memperelok mana-mana yang tempang dan menokok tambah mana-mana yang kurang. Setelah jawatankuasa kerja mengadakan pertemuan dengan pihak UMNO dan PAS, barulah diadakan sidang kemuncak perpaduan Melayu di antara pemimpin tertinggi UMNO dan PAS. Melalui pendekatan ini, delegasi tertinggi UMNO dan PAS akan hanya bertemu di peringkat akhir dan acara peringkat akhir ini bolehlah diibaratkan sebagai satu acara pertemuan kemuncak UMNO dan PAS di mana tetamunya adalah wakil-wakil NGO Melayu dari seluruh negara. Di sebelah malamnya, bolehlah diadakan satu majlis ramah mesra dengan seluruh masyarakat Malaysia untuk mencerminkan bahawa bangsa Melayu dan perpaduan Melayu adalah menjadi paksi kepada perpaduan bangsa Malaysia. *[Tepuk]* Di akhir sidang kemuncak tersebut...

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit bangun.

Seorang Ahli: Ya, Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kedua-dua pemimpin tertinggi UMNO dan PAS wajar mengadakan satu sidang akhbar bersama.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Jalan, jalan.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: *[Bangun]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nantilah dulu. Boleh sabar tak?

[Dewan gamat seketika].

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Maka di sinilah baru dihebahkan hasil sidang perpaduan Melayu itu kepada seluruh khalayak Melayu dan bukan Melayu di seluruh negara.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang DAP dok sibuk ini pasal apa? Sakit hatikah? Sakit hati melihat perpaduan Melayu, sakit hati melihat Melayu bersatu? Adakah itu maksudnya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

[Dewan gamat seketika].

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau tidak hormat waktu orang bercakap

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *I hold the floor...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *You can talk anything you want.*

Tuan Tan Kok Wai: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras, Kota Melaka.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Cheras, ini apa hal? Ini Cheras...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah Cheras.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk. *[Ketawa]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kawal sikittlah. Apa ini Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk. Sila duduk. Yang Berhormat, kita ada peraturan.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setelah segala-galanya sempurna dicadangkan dan berjaya, saya menyarankan supaya barisan kepimpinan tertinggi UMNO dan PAS sama-sama terbang ke tanah suci Mekah,

pergi buat umrah sama-sama, Mahfuz dengan Hishamuddin, Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang, pergilah sama-sama untuk mengerjakan umrah serta memohon restu semoga usaha yang telah diambil akan beroleh keberkatan Allah S.W.T jua.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat kecewa dengan apa yang berlaku dalam Dewan hari ini. Apa yang saya maksudkan memang perpaduan Melayu tetapi dalam konteks Malaysia yang kita mahu terus sejahteraan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidakkah ini kena-mengena dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanah Merah bangun, Sri Gading bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya bagi Sri Gading. *[Sorak]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Saya mengikut hujah dan juga saranan daripada Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Kalau hendak ikut dendam, hendak ikut marah, saya juga berhak untuk mencelah dan bertanya kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulong tetapi saya melihat keikhlasan dan kesungguhan Yang Berhormat bagi Parit Sulong sedang mengutarakan sesuatu yang baik untuk bangsa Melayu yang juga akhirnya baik kepada bangsa Malaysia. Maka itu sebabnya saya mendengar dengan khusyuk tetapi malang, pemimpin-pemimpin DAP di dalam Dewan ini seolah-olah tidak suka perpaduan Melayu sesama Melayu. Jadi, kenapa mesti....

Tuan Tan Kok Wai: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saranan yang begini baik hendak diganggu gugat. Biarlah Yang Berhormat bagi Parit Sulong mengemukakan saranannya. Saya penuh ikhlas...

Tuan Tan Kok Wai: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dan saya amat terharu kerana.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa point of order?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...satu pandangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat.

Puan Chong Eng: Point of order.

Tuan Tan Kok Wai: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu?

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua ...

Puan Chong Eng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu?

Tuan Tan Kok Wai: 36(6).

Puan Chong Eng: 36(10).

Tuan Tan Kok Wai: 36(10).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk dulu.

Tuan Tan Kok Wai: Yang Berhormat bagi Sri Gading...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Apa ini? Bacalah.

Tuan Tan Kok Wai: 36(10)(c) ini, "Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Tuan Tan Kok Wai:satu kaum dalam Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Ini perkara serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Saya buat keputusan. Yang Berhormat duduk.

Tuan Tan Kok Wai: Yang Berhormat bagi Sri Gading itu harus....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras sila duduk.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Tuan Tan Kok Wai: ... tarik balik apa yang diucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras, saya tahu, cukup. Sila duduk.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Duduk, degil.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cheras duduk.

Beberapa Ahli: Duduklah! Ha, macam itu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Beradablah sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading, sila keluarkan soalan dan dijawab oleh Parit Sulong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya sedikit pun tidak ingin hendak mencetuskan perasaan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak kena

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:marah mana-mana pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak kena.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:cuma saya mengutarakan bagaimana khusyuknya saya mendengar

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak kena.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: saranan seorang Ahli Parlimen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah buat keputusan.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:yang inginkan perpaduan bangsa Melayu yang akhirnya menjadi perpaduan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya amat terkejut....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading cukup. Parit Sulong jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...kenapa dalam

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading duduk. Duduk!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin kerana pandangan yang saya lontarkan ini terkeluar dari dugaan majoriti orang yang dibelenggu oleh satu pandangan yang...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kubang Kerian duduklah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, dalam hal ini, saya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian, Yang Berhormat hendak minta penjelasan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak payahlah, tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat, sila gulung. Masa cukup.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak gulung ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat gulung.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya akan gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak beri laluan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak beri laluan. Yang Berhormat fahamkah?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak apa, bagilah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Soal perpaduan adalah hasrat semua rakyat dan mestilah diucapkan dalam bahasa perpaduan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak dengar, tidak dengar.

Tuan Husam bin Haji Musa: Perpaduan mesti diucapkan dalam bahasa perpaduan. Pada masa yang sama, kita tidak boleh mengancam ataupun menyebabkan orang lain rasa terhisir dengan hasrat perpaduan kita. Ini yang penting. Niat perpaduan satu perkara, tetapi bagaimana kita menyuarakan perpaduan adalah perkara yang juga sangat penting. Jadi, kedua-kedua, Yang Berhormat bagi Parit Sulong, saya yakin dia ikhlas tetapi yang Yang Berhormat bagi Sri Gading datang membawa keadaan di mana seakan-akan pada masa yang sama kita berhasrat mencapai perpaduan, kita telah mengambil satu langkah politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak beri pandangan ataupun minta penjelasan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak minta penjelasan. Sedikit lagi, penjelasan tidak habis lagi. Itu baru mukadimah dia, *[Disampuk] intro*. Perpaduan bukan boleh selesai setengah jam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lagipun Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat bagi Parit Sulong memang sudah tinggal satu dua minit sahaja lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sekarang saya simpulkan pertanyaan saya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak dengar.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak dengar.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Husam bin Haji Musa: Sudah tegang sangat, tidak dengar lah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya berharap bahawa lain kali kalau kita hendak cakap perpaduan, cakap dalam satu bahasa yang menggambarkan hasrat perpaduan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Okay. Tuan Yang di-Pertua, bahasa saya, saya rasa saya tidak mengata sesiapa pun. Saya kata saya ikhlas. Saya mahu meletakkan soal perpaduan ini kepada satu pelantar yang lebih tinggi supaya ini akan menggerakkan gerakan massa supaya gerakan massa inilah yang menentukan. Saya rasa Tumpat setuju dengan saya, kalau tidak silap saya lah. Oleh kerana perkara ini, kalaulah perpaduan hanya didatangkan dari atas, tidak akan membawa hasil. Kalau perpaduan datangnya dari bawah, daripada hasrat, inspirasi, jiwa, suara hati rakyat, itu yang akan menjadi kekal, insya -Allah lah. Itu yang saya hendak.

Jadi, saya tamatkan cakap saya mengenai perpaduan setakat itu untuk menjadi *food for thought*. Untuk menjadi bahan pemikiran untuk kita fikir-fikir apabila berceramah di celah-celah pokok getah itu ingat apa cakap Ruhanie, insya -Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:saya akhiri. Sekarang ini, Datuk, satu perkara yang amat rumit kepada saya adalah mengenai pekebun kecil kelapa sawit. Kawasan saya ini *[Disampuk]* Itu sudah habis. Di kawasan saya, saya mempunyai beratus-ratus ribu pekebun kecil kelapa sawit. Harga sawit tinggal tujuh sen dan sekarang ini rakyat kampung sedang berhadapan dengan satu masalah yang amat menindas. Saya faham sentimen pihak pembangkang mempersoalkan mengenai MAS dan hari ini saya kata, kalau bolehlah tolong timbangkan satu peruntukan mengejut untuk pekebun-pekebun kecil sawit. *[Tepuk]*

Kalau kita boleh mengeluarkan sejumlah wang untuk memperbetulkan satu syarikat penerbangan negara..... [Sorak] [Tepuk] Yang pembangkang ini, dia bertepuk oleh kerana dialah yang mengapikan orang kampung supaya marah [Ketawa]. Jadi, saya harap sejumlah wang yang agak besar juga kita fikirkanlah dan berikanlah untuk membantu rakyat [Tepuk] yang berhadapan dengan harga kelapa sawit yang hanya tujuh sen satu kilo pada hari ini. [Tepuk] Jadi, itulah. Saya tidak menentang tetapi saya harap *there's should be a balance*. Ada satu perimbangan di dalam satu tindakan. Kalau tidak, kapal akan senget dan mungkin tenggelam. [Tepuk]

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong dan mengucapkan ribuan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun.

12.35 tgh.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Kewangan tentang laporan akhbar mengenai dengan kejatuhan *reserve* negara daripada USD34.5 bilion kepada USD29 bilion. Saya bersetuju bahawa *reserve* sekarang masih lagi mampu untuk membayar import selama 4.5 bulan dan ini lebih tinggi daripada kedudukan minimum iaitu 3 bulan.

Saya berpendapat bahawa oleh kerana perkara ini melibatkan soal-soal teknikal, perlu ada satu penjelasan daripada kerajaan dan di samping itu, dari *segi financial projections*, suku tahun kedua, ketiga dan keempat, bagaimanakah kedudukan *reserve* negara kita?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Kedua, saya ingin menyentuh tentang KWAP. Saya ingin bertanya mengenai dengan *wisdom* ataupun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jeli bangun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Janganlah dulu. Biarlah saya jalan. Banyak lagi. Nanti, nanti, biar saya habis dulu. Banyak lagi ini. Okay. Saya ingin bertanya mengenai KWAP tentang kebijaksanaan (*wisdom*) melibatkan diri sebagai *sub-underwriter* kepada terbitan awam melibatkan Time dotCom seperti mana kita tahu bahawa industri dot com ini sekarang dalam keadaan tidak begitu

excitable di peringkat antarabangsa dan ia satu bidang baru di negara kita dengan kejatuhan pasaran NASDAQ, saya ingin tahu apakah punca ataupun alasan mengapa KWAP terlibat dalam pelaburan tersebut – bagaimanakah penilaian-penilaian yang dibuat sebagai *sub-underwriter*.

Satu persoalannya apabila kenyataan menyatakan bahawa pihak KWAP menjangkakan terbitan saham ini akan diambil dan dilanggan sepenuhnya (*over subscribe*), apabila berlaku *under subscribe* bermakna ada sedikit kekeliruan kita dari segi kecekapan pihak KWAP dalam...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: ...membuat penilaian serta keputusan apabila terlibat dalam *sub-underwriter* tersebut. Dari segi pelaburan ini saya sedar harga jatuh sekarang tetapi ini hanya *book loss*, dia bukan *real loss*. Jadi, di sini bagaimanakah dari segi pihak KWAP melihat dari segi pasaran Time dotCom, jangka panjang serta dari segi pelaburan tersebut, berapa lamakah *playback period* serta IRR untuk pelaburan tersebut.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ketiga....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jeli.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Nanti dululah. Ketiga, KWSP. Terdapat tunggakan sebanyak 200 ribu permohonan pengeluaran di bawah Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen yang dilaporkan dalam akhbar, harap mendapat maklumat daripada kerajaan kerana ini melibatkan pesara yang mahu menggunakan wang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 telah melakukan perubahan struktur ekonomi dan kewangan negara ini. Kalau projek atau pelaburan sebelum ini dianggap *viable*, dengan adanya krisis ekonomi ini, pelaburan sudah tidak *viable* dan ini melibatkan agensi kerajaan mahupun korporat dalam soal pelaburan mereka. Terutama sekarang dalam keadaan ketidakpastian suasana ekonomi di seluruh dunia, kita sedar di Amerika Syarikat berlaku kejatuhan ekonomi. Kejatuhan ekonomi adalah satu fenomena dalam sejarah tamadun manusia kerana ada kitaran ekonomi, ada masa dia naik dan ada masa dia turun.

Di samping itu, sekarang ini terdapat perubahan teknologi yang begitu pesat. Kalau kita lihat dari segi *life span* satu-satu produk sudah menjadi begitu pendek. Jikalau pada masa lalu satu produk mempunyai *life span* yang panjang, sekarang ini dalam setahun atau dua tahun, maka syarikat-syarikat dan institusi yang terlibat dalam pelaburan tersebut mungkin setelah dua tahun mendapati bahawa projek-projek atau produk-produk tersebut tidak lagi *viable*. Saya juga sedar yang dalam negara ini, agensi kerajaan merupakan satu institusi penting ataupun kuasa penting dalam pembangunan ekonomi. Justeru itu, saya ingin membuat beberapa cadangan kepada kerajaan, melihat kepada suasana ekonomi sekarang ini dan melibatkan institusi-institusi kerajaan, urusan-urusan melibatkan wang yang banyak.

Jadi, saya ingin mencadangkan. Pertama, agar kerajaan membuat kajian kewangan ke atas institusi-institusi kewangan yang terlibat dalam pelaburan untuk melihat nilai sebenar aset serta pelaburan yang dilakukan oleh institusi. Kalau kita lihat dari segi *balance sheet* umpamanya, *figure* yang diberikan begitu banyak tetapi dari segi nilai sebenarnya mungkin berbeza. Setelah dibuat satu analisis yang mendalam, barulah kita tahu nilai sebenar sebuah institusi yang terlibat dalam pelaburan. Kita mesti lihat dari segi prestasi kewangan, nilai aset dikaji dari segi nilai aset bersih, nilai *liquidation*, bagaimana kedudukannya dan juga kedudukan kecairan. Kita dapati di kalangan Perbadanan Ekonomi Negeri umpamanya, banyak yang tidak ada kecairan. Mungkin ada setengah daripadanya bukan lagi berbentuk *on-going concern*, mungkin sepatutnya dalam status *liquidation* dan sekiranya ini berlaku, kita harus membuat penyesuaian. Mungkin agensi-agensi itu boleh dicantumkan. Umpamanya macam Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan tidak begitu *viable*, boleh dicantumkan dengan negeri Terengganu dan Pahang dalam suasana ekonomi sekarang daripada berlaku ketidakefisienan dari segi operasi institusi-institusi tersebut.

Kedua, saya ingin mencadangkan supaya kita melihat balik dari segi dasar-dasar kewangan dan pelaburan institusi-institusi kerajaan. Saya berharap satu guideline baru diberi oleh Kementerian Kewangan supaya pertama, dalam suasana ekonomi sekarang institusi-institusi kerajaan ini mesti berhati-hati apabila membuat pelaburan. Kajian pelaburan mesti berasaskan satu ujian yang begitu tinggi untuk menentukan sama ada boleh melabur atau tidak. Dan keduanya, mengelakkan daripada penglibatan dalam saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur kecuali saham yang berbentuk blue chip. Dan ketiga, menjauhi diri daripada pelaburan-

pelaburan baru berbentuk dotCom, new entry yang tidak ada tradisi sama ada ia satu projek yang akan berjaya ataupun tidak.

Ketiga, dari segi dividen policy. Saya dapati ada sesuatu yang tidak kena dari segi dasar dividen kita. Saya berharap kita melihat model yang dibuat oleh British lebih baik daripada Amerika Syarikat. Sebagai contoh yang ingin saya beri, saya dapati kita ambil LUTH ataupun LTAT ataupun KWSP. Dalam keadaan ekonomi boom, dia bagi dividen yang banyak. Apabila berlaku kejatuhan ekonomi sudah semestinya akan bagi dividen yang rendah tetapi oleh kerana rakyat tidak memahami, kita berada dalam dunia ekonomi pasaran di mana ada berlaku kenaikan dan penurunan ekonomi maka kita akan mendapat pulangan yang sedikit. Ini berbeza di Amerika Syarikat. Satu hari orang itu jadi millionaire. Kemudian kejatuhan ekonomi dia jadi ban krap. Dan ini diterima oleh masyarakat di Amerika Syarikat kerana kefahaman mereka kepada sistem ekonomi pasaran. Tetapi kita tidak faham.

Dengan itu kalau di Amerika dia boleh bagi dividen yang tinggi sampai 30% dan kemudian tahun depan tidak beri dividen berasaskan kepada kuasa pasaran. Saya lebih mirip kepada menggunakan sistem British. Dia bagi dividen sama sahaja. Saya percaya jika KWSP, LUTH selama ini memberi dividen pada kadar 5% sepanjangnya. Saya rasa tidak ada masalah kalau sekarang bagi 5%. Mengapa kita hendak naikkan kepada sampai 11% dan kemudian bila turun orang akan menuntut dividen yang banyak. Mengapa tidak straight line, conservative system.

Saya tengok dalam penyata kewangan KWSP, saya rasa tidak logik ia mendapat pendapatan bersihnya sebanyak RM10.4 bilion pada tahun 1999, membayar dividen sebanyak RM10.2 billion. Bermakna ada reserved hanya RM150 juta. Biasanya dalam mana-mana institusi yang viable dari segi jangka panjang mesti menyimpan sebahagian besar daripada pendapatan bersih sekurang-kurangnya 15% dalam reserve. Supaya bila berlaku keadaan ekonomi seperti sekarang ini maka dia tidak sukar untuk mendapat kecairan dalam syarikat dan seterusnya mempelbagaikan pelaburan. Macam Lembaga Urusan dan Tabung Haji umpamanya, terlibat dalam bidang plantation begitu banyak. Semasa harga kelapa sawit tinggi dia dapat wang yang banyak, masa turun dapat kerugian. Oleh kerana wang yang banyak ini dibayar dalam bentuk dividen, dia tidak ada reserve. Dan sekarang bila susah dia menghadapi kesukaran. Jadi saya berpendapat pemberian dividen policy mesti dikaji semula, mesti berbentuk konservatif. Ini bukan satu badan

pelaburan yang biasa oleh pihak swasta tetapi ini pihak kerajaan dan kita harus dasarkan satu sistem yang conservative , long term viability.

Keempat, saya berharap kerajaan dapat melihat balik dari segi long term financial planning badan-badan tersebut.

Kelima, saya berharap Kementerian Kewangan dapat menubuhkan satu badan memantau (monitoring body) untuk mengawasi institusi-institusi pelaburan serta keputusan-keputusan yang dibuat. Saya lihat sekarang ini Kementerian Kewangan mengawasi melalui board of directors. Dia tidak ada satu unit dalam Kementerian Kewangan untuk membuat monitoring. Monitoring melibatkan banyak perkara , membuat satu kajian industri, kajian pelaburan, kajian syarikat...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: ... melihat kepada trend fundamental kepada teknikal, melibatkan banyak perkara yang tidak mampu dibuat oleh ahli lembaga pengarah yang diwakili oleh Kementerian Kewangan. Perlu ada satu badan yang membuat ini semua oleh sebab pelaburan sekarang ini begitu sophisticated dan kompleks. Ia tidak mudah sekadar kita menjadi ahli lembaga dan kita dapat memahami organisasi. Kita perlu melihat organisasi dalam pasaran, melihat organisasi dalam industri, dalam region, dalam global dan ini melibatkan golongan profesional yang begitu tinggi kepakarannya untuk membuat analisis-analisis tersebut.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini Kubang Kerian bangun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya ada 15 minit. Saya ada banyak Yang Berhormat. Saya minta maaf. Selepas itu satu lagi.

Yang keenam Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat kerajaan mengkaji institusi-institusi kerajaan sama ada kita perlu melakukan restructuring ataupun tidak. Saya ambil contoh KWSP, LUTH dan LTAT. Organisasi apakah ini? Pada pandangan saya ia mirip sebuah institusi kewangan ataupun institusi pelaburan ataupun institusi perbankan. Menerima deposit kemudian melaburkan dengan memberi pinjaman. Dia lebih mirip kepada sebuah bank ataupun sebuah financial institution. Jika ia mirip kepada financial institution ataupun bank, maka struktur

organisasi ini mesti dirombak, berubah mengikut keperluan sebagai sebuah institusi kewangan ataupun institusi perbankan.

Sekarang ini ia sebagai institusi kerajaan dengan birokrasi kerajaan. Hendak ambil pekerja pun sukar dengan gaji kerajaan. Jadi ia begitu slow moving. Ia tidak adaptable kepada keperluan pada zaman ini yang mesti cepat dan pantas. Jadi saya berpendapat mesti lihat balik organisasi ini bentuk mana yang seharusnya ia jadi.

Keduanya, dari segi organisasi, saya berharap pihak kerajaan dapat melihat dari segi tahap pengurusan institusi-institusi ini. Dalam pengalaman saya yang bukan begitu banyak dalam beberapa institusi, saya rasa ada yang tidak kena dari segi tahap expertise pengurusan. Begitu sukar hendak menyesuaikan diri dengan permintaan dalam industri. Pada hal institusi ini terlibat dalam bidang pelaburan dan industri tetapi masih lagi mempunyai mind set seolah-olah sebagai pegawai kerajaan. Dengan itu tahap expertise nya tidak begitu tinggi, hendak melakukan perubahan begitu sukar. Kalau terlibat dalam kelapa sawit, kelapa sawit sahaja dan tidak pergi kepada vertical integration, melihat ke atas dan melihat ke bawah supaya ada kepakaran. Setakat very superficial. Dan kemudian bila berhadapan dengan satu situasi, kita sudah menjadi kelam kabut.

Jadi saya berharap lihat balik kepada management expertise. Ketiga, lihat balik kepada internal auditors sama ada qualified atau tidak. Ada berapa institusi yang saya terlibat di dalamnya. Saya melihat internal auditorsnya tidak ada qualification untuk menjadi internal auditors. Akhirnya internal auditors ini tidak memainkan peranan sebagai check and balance serta early warning system kepada organisasi.

Tuan Yang di-Pertua, kedua saya ingin menyentuh mengenai soal institusi kerajaan dalam masyarakat. Saya dapati oleh kerana penglibatan institusi kerajaan dalam sektor ekonomi, banyak urusan pelaburan dan perbelanjaan dibuat dengan begitu besar. Pelaburan-pelaburan ini tidak dapat difahami oleh anggota masyarakat kerana ia melibatkan sektor yang dianggap sektor yang cukup teknikal dengan terminologi-terminologi ekonomi dan kewangan dan rakyat tidak faham.

Macam pembelian MAS, saya percaya Kepong tidak faham tetapi hendak bercakap sebagai financial analyst. Tidak faham apa maksud willing buyer, willing seller, blok besar, blok kecil. Jadi ini yang menjadi masalah kepada negara kita. Di mana kata Aristotle "*Man is a political animal*". Semasa zaman Aristotle orang di

Athens semua sudah terlibat dalam politik padahal sistem demokrasi diasaskan kepada elitis politician. Hanya kumpulan kecil yang terlibat secara aktif benar dalam politik dan yang lain sebagai penyokong. Tetapi di Athens pada masa itu hampir semua penduduknya mahu terlibat akhirnya Athens jatuh dan Greece satu tamadun yang begitu besar, jatuh.

Di negara kita ini politik sudah melibatkan semua yang tahu dan yang tidak tahu. Dan semua orang bercakap, MAS. Kadang-kadang kita bercakap sanggup beri kepada MAS, mengapa tidak beri kepada pekebun kecil kerana ketidakfahaman kita tentang struktur ekonomi keseluruhannya. Sekarang kita berada dalam third wave – gelombang ketiga evolusi tamadun manusia yang mana knowledge menjadi satu weapon yang penting dalam menentukan perubahan sosial serta pembangunan ekonomi bukan sahaja negara kita tetapi termasuk di seluruh dunia.

Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah negara yang sudah berada dalam wave (gelombang) tersebut kita memerlukan maklumat yang baik. Maklumat yang baik dan benar ini akan meningkatkan kualiti masyarakat serta membangunkan minda ke arah satu perubahan yang baik.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yang Berhormat, masa saya ada 30 minit Yang Berhormat. Saya ada banyak perkara yang saya boleh curahkan kepada Parlimen ini daripada saya hendak berhujah dengan Yang Berhormat. Kalau masa saya banyak, saya bagi. Dan saya ada banyak perkara yang saya hendak cakap. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya sampaikan hujah-hujah saya. Saya ada banyak lagi. Ini pun ada lagi berapa minit sahaja.

Maklumat yang salah atau palsu akan merosak dan memporakperandakan masyarakat kita. Saya melihat dari segi maklumatnya kita mesti berasaskan salah satu konsep yang boleh dipakai dari segi Islam iaitu konsep Iqra'. Konsep Iqra' ini ada beberapa prinsip yang baik mesti jelas, tepat, benar, betul, sah, dan hak. Ini dia maklumat yang patut tersebar dalam negara kita. Dan untuk mencapai kepada tahap tersebut, perlukan kepada satu proses iaitu proses pembacaan, kaji, teliti, selidik dan hisab. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan mana-mana transaction besar yang melibatkan masyarakat kerajaan mesti memberi

pengumuman atas urusan-urusan tersebut. Kalau perlu kepada konsultan macam dalam pembelian MAS, mengapa tidak suruh konsultan yang membuat kenyataan. Saya tahu saya terlibat dalam merchant bank Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu dari segi analisa untuk penilaian network sebuah syarikat menggunakan sekurang-kurangnya empat sistem seperti NPA, liquidation basis, on going basis dan juga current market price.

Jadi berdasarkan ini dia akan membuat satu kesimpulan yang mana satukah harga yang sepatutnya digunakan. Dan ini digunakan dalam MAS. Ini perkara biasa dalam dunia komersial di seluruh dunia. Jadi maklumat ini mesti diberikan kepada rakyat. Saya lihat di setengah negara ada negara-negara yang mengamalkan apa yang dipanggil administrative law. Administrative law memerlukan apabila kerajaan membuat satu urusan besar melibatkan kepada kepentingan masyarakat, kerajaan mesti memberi maklumat dan juga rasional kepada urusan tersebut supaya negara tidak menjadi porak peranda. Maklumat yang betul berasaskan kepada Iqra' tadi.

Di samping itu, saya juga berpendapat sistem penyiaran televisyen kita perlu diubah. Jangan kita hendak nyanyi-nyanyi sahaja, itu soal lain. Saya melihat negara kita sudah perlu memiliki sistem televisyen macam CNN. Apabila Ketua Eksekutif Lembaga Urusan Tabung Haji pada jam 8.00 mengumumkan 5.5% dividen kemudian tunjuk acara lain. Pukul 9.00 konsultan daripada berapa institusi yang terkemuka pula bercakap tentang financial statement, mengapa akhirnya memberi dividen 5.5%. Dan kemudian pukul 11.00 panggil lagi. Sehingga satu hari suntuk atau dua tiga hari selesaikan masalah ini supaya tidak ada satu akhbar pun dalam negara ini boleh memalsukan maklumat. Macam kes Kampung Medan, interview ketua kampung dan polis supaya maklumat tersebut tersebar secara transparent kepada semua rakyat kita. Jadi kalau ada *Harakah*, ada *Utusan* ada berita mana-mana pun hendak bagi maklumat tidak betul reference point ada pada televisyen Malaysia. Macam saya lihat masa kes submarine Soviet jatuh ke dasar laut. Hari-hari ada dengan admiral nya dengan Menteri dengan orang luar, specialist daripada Amerika Syarikat semua memberi maklumat. Akhirnya kita tahu kedudukan sebenarnya. Tidak ada khabar-khabar angin. Dan oleh kerana tidak ada khabar angin menjadikan masyarakat semua senang, harmoni, sayang antara satu sama lain.

Saya berpendapat sudah tiba masanya kita mesti tukar. Janganlah siaran televisyen bercorak itu sampai bila-bila. Kita mempunyai kebolehan dan

kemampuan jadi kita tukar. Kalau perlu ia berbentuk CNN, kita mempunyai cukup keperluan teknikal. Kita mempunyai orang yang berkebolehan untuk interview orang. Kita mempunyai segala-galanya. Dan kita juga mempunyai kewangan. Kalau inilah penentuan kepada masa hadapan, kita memerlukan kepada maklumat yang benar ini harus kita lakukan supaya tidak ada lagi politician yang berlagak sebagai financial analyst, sebagai economy analyst pada hal sebenarnya kosong dan tidak tahu apa-apa. Inilah sebenarnya maklumat yang pergi kepada rakyat. Akhirnya rakyat menghadapi suasana yang porak peranda. Jadi saya berharap kepada Kementerian Penerangan tukar sikap, change. Kita sekarang berhadapan dengan dunia baru, millenium baru, abad baru, change, kita tukar sistem televisyen tersebut.

Perkara terakhir iaitu yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membincangkan tentang kedudukan negara dalam dunia masa kini. Kita sedar dunia sudah begitu keadaannya yang membuatkan suasana yang tidak menentu. Amerika Syarikat satu giant bangun menjadi satu ekonomi besar sekarang sudah jatuh, NASDAQ jatuh. Bila jatuh NASDAQ tangan orang terbakar, pelabur tidak ada duit, ekonomi jatuh, salah satu daripada sebab. Jepun pun sudah jatuh. Dalam keadaan itu dunia sudah jadi seolah-olah satu tempat anarki. Di Indonesia berlaku pergolakan dan sebagainya. Dalam keadaan ini kita perlu survive. Negara kita perlu survive berhadapan dengan dunia yang begitu bergolak. Ini negara kita Tuan Yang di-Pertua, kita dilahirkan di sini, kita mati pun di sini. Kita tidak ada tempat lain lagi.

Jadi saya berpendapat dalam perubahan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kita sudah dekat pukul 1.00. bolehkah Yang Berhormat menghabiskan ucapan dalam tiga minit ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Habis? Itulah hendak ganggu lagi. Benda yang baik tidak dapat kita sampaikan, merugikan. Itu Batu Gajah cakap banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh. Kalau tidak boleh Yang Berhormat memang ada lagi 5 minit atau sambung pada petang ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya sambung ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit lagilah.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Hendak berhenti sekarang ataupun

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, teruskan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terus kan ya. Okay. Dalam kita menghadapi ketidaktentuan dunia kita telah berubah satu era di mana saya kata tadi daripada second wave to the third wave. Kita telah meninggalkan dunia industri. Sekarang kita berada dalam post industrial era. Saya ingin memberi pandangan saya kepada kerajaan. Dalam post industrial era, cara kita mengukur national power (kekuatan negara) itu tentulah berbeza. Masa lalu kita menggunakan satu standard tangible seperti kita menggunakan saiz penduduk, GNP, saiz sempadan negara dan indeks pengeluaran. Saya rasa ini sudah tidak mencukupi dalam era masa kini. Yang saya bimbang metodologi yang tidak lengkap dan tidak betul akan membuat kita membuat keputusan yang tidak betul sama ada kita over react ataupun under react kepada sesuatu situasi. Saya berfikir kita mesti melihat proses penilaian semula national power ini daripada sudut yang lebih luas.

Tadi saya menyatakan kita menggunakan tangible untuk kita menilai. Sistem itu betul tetapi mesti ditambah dengan kita memperluaskan scrutiny kita dengan melihat dan mengkaji external factors seperti sikap rakyat kepada inovasi. Ini mesti dinilai. Kita berada dalam era teknologi maklumat. Sikap rakyat kepada inovasi ini satu faktor penting dalam penentuan masa depan. Kita mesti juga mengkaji institusi-institusi ekonomi dan sosial kita dan kita mesti mengkaji dari segi kualiti knowledge base di negara kita. Adakah kualiti knowledge base kita dapat bersaing dengan kualiti knowledge base di India umpamanya. Perkara-perkara ini mesti kita lihat untuk memastikan survival. Kemudian kita memasuki faktor intangibles seperti sistem latihan di negara kita, pengalaman kita, kesediaan kita kepada perubahan. Perubahan bentuk mana hendak ke belakangkah atau ke hadapan. Kemudian kualiti kepimpinan kita semua peringkat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini. Ada lima minit lagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Okay, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tambun, sila sambung. Yang Berhormat ada lima minit lagi.

2.30 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan tutup ucapan.

Tadi sebelum saya mengakhiri ucapan untuk berehat, saya menyentuh tentang konsep menilai semula kekuatan negara (*national power*) dalam hubungan kita berhadapan dengan dunia yang tidak ada ketentuan dan saya ingin menyambung. Saya menyatakan tadi setelah saya sentuh mengenai dengan penilaian semula berasaskan kepada *tangible* saya masuk ke *intangible assets*, saya ada sentuh mengenai soal latihan, pengalaman, kesediaan rakyat kepada perubahan kepimpinan dan tahap *skill* rakyat.

Sekarang saya ingin pula untuk membincangkan dengan lebih lanjut mengenai konsep *national power* ini. Kita mesti mengkaji daripada dua sudut ataupun kapasiti. Pertama, dari segi dimensi luaran (*external dimension*) melibatkan soal kemampuan negara menangani perubahan global mengambil daripada sudut kekuatan kita dari segi ekonomi, politik serta potensi-potensi lain. Kemudian dari segi *internal dimension*, kemampuan negara untuk mengolah sumber yang ada, yang agak terhad untuk memiliki kekuatan dari segi ilmu, *knowledge*, sains, teknologi dan faktor-faktor ekonomi dan ini mesti dikaji dari beberapa sudut.

Pertama, untuk melihat dari segi kekuatan kita sekarang. Saya telah pun menyentuh mengenai perkara tersebut. Kedua, dari segi tahap kesediaan negara atau rakyat menghasilkan produk-produk baru. Yang ketiga, dari segi kekuatan military kita.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai soal teknobgi berkaitan dengan *national power* tadi. Apa yang ingin saya minta kepada kerajaan untuk melihat tahap kekuatan teknologi kita. Saya menjangkakan bahawa untuk kita mempunyai kebolehan untuk terlibat dalam *cycle technology* ini, tahap teknologi kita mesti relevan atau selaras dengan keperluan. Kita mesti menguasai kebolehan untuk menghasilkan sesuatu yang melibatkan perkara-perkara yang kritikal (*critical technologies*).

Sehubungan dengan itu saya berharap, pertama, negara kita mesti mempunyai kebolehan untuk menghasilkan produk-produk melibatkan teknologi masa kini. Yang dimaksudkan dengan teknologi masa kini ialah teknologi maklumat dan komunikasi (ITC) dan ada tujuh area yang penting kita ambil tahu:

- (i) high performance computing;
- (ii) software;
- (iii) data storage;
- (iv) computer simulation and modelling;
- (v) micro electronic;
- (vi) sensors and signal processing; dan
- (vii) high definitive imaging and displays.

Pada tahap kedua kita perlu pula untuk menguasai teknologi masa hadapan. Kita telah buat persediaan untuk menguasai teknologi pada masa ini dan kita juga mesti bersedia untuk menguasai teknologi pada masa hadapan. Ada beberapa *critical technology* masa hadapan yang dijangka akan memainkan peranan, satu, dengan izin, *materials, manufacturing, biotechnology, æronomic energy* dan juga *environment*. Sebenarnya 22 *critical areas* untuk masa hadapan yang harus kita ambil perhatian.

Sehubungan dengan itu juga kita perlu melihat dari segi keupayaan keusahawanan kita. Tidak guna ada teknologi tetapi tidak boleh menghasilkan produk untuk dijual. Di sini keusahawanan begitu penting atau kita panggil dengan *enterprise*. Tentang keusahawanan ini, kita mesti mengkaji daripada sudut sama ada keusahawanan kita ini *real* ataupun tidak. Keusahawanan yang *real* atau yang bukan *real*. *Real* dalam erti kata kemampuan untuk melakukan *invention, innovation* serta *innovation* ini dihasilkan dalam bentuk produk.

Kita mesti lihat dari segi kualiti *entrepreneur* kita, dari segi untuk melakukan proses-proses teknologi dalam pengeluaran *product differentiation* dan sebagainya supaya ada *multiply effect* untuk masa akan datang. Mengikut Schumpeter ada lima jenis *innovation* yang diperlukan :

- (i) untuk menghasilkan produk-produk baru;
- (ii) untuk menghasilkan proses pengeluaran baru (methods of production);
- (iii) untuk membuka pasaran-pasaran baru;

- (iv) untuk menghasilkan sumber *raw materials*, dengan izin, atau *intermediate product* yang baru; dan
- (v) untuk membina sistem-sistem baru dalam organisasi.

Saya ingat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Kubang Kerian.

2.37 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak sidang terakhir dalam bulan Disember yang lepas kepada sidang hari ini, negara kita telah mengalami beberapa keadaan, perkembangan yang telah menjejaskan kepentingan masyarakat dan negara. Di antara isu-isu yang telah berbangkit ialah pembelian saham MAS yang telah melibatkan wang negara sebanyak lebih daripada RM1.7 bilion, pembelian LRT oleh kerajaan melibatkan belanja RM6 bilion, isu Kampung Medan, kejatuhan harga-harga komoditi utama yang melibatkan kebajikan dan kepentingan rakyat jelata dan yang terakhir ialah isu pengguguran penggunaan nama 'Islam' daripada pertubuhan-pertubuhan.

Kesemua isu ini telah menunjukkan bahawa keadaan negara kita adalah semakin berkocak dan tidak stabil dan pada hari ini saya akan mengambil kesempatan yang ringkas ini untuk mengulas secara lebih lanjut beberapa isu yang telah saya sebutkan tadi.

Yang pertama, ialah isu penjualan pembelian saham MAS oleh kerajaan. Kita telah mendapat penjelasan yang panjang lebar oleh Yang Berhormat Tun Menteri Kewangan pada hari semalam. Isu ini boleh dilihat dalam beberapa perspektif.

Perspektif yang pertama ialah kegagalan konsep penswastan itu sendiri. Kita semua tahu bahawa konsep penswastan telah diperkenalkan dan salah satu daripada premis utama penswastan ialah untuk meringankan beban kewangan kerajaan. Inilah asas yang paling besar sekali iaitu kita percaya bahawa dengan penswastan beban kewangan kerajaan dapat diringankan tetapi kita telah melihat bukan sahaja MAS telah gagal, kita juga melihat LRT telah gagal dan kita telah bangkitkan isu pembelian LRT ini dalam sidang yang lepas tetapi Menteri pada waktu itu tidak memberikan satu gambaran yang jelas.

Kemudian apabila Dewan ini sudah habis bersidang baru kita mendapat pengumuman bahawa kerajaan terpaksa menyelamatkan tiga operator LRT dengan RM6 bilion. Kita juga telah melihat kegagalan PERWAJA, kita juga telah melihat

kegagalan IWK dan kita melihat bagaimana kesan dan beban yang telah dikenakan ke atas rakyat daripada penswastaaan air yang keseluruhannya pada satu masa tertentu kerajaan terpaksa campur tangan untuk memberikan, menggunakan dana wang rakyat bagi menyelamatkan syarikat-syarikat ini yang kononnya sepatutnya menjadi lebih cekap dari segi pengurusan.

Daripada kegagalan ini kita boleh lihat senario yang seterusnya ialah kerajaan terpaksa menggunakan wang negara, ini yang paling besar, yang paling penting. Kalau Tambun berkata bagaimana orang biasa sudah mula bercakap tentang konsep-konsep korporat sedangkan mereka tidak ada kemahiran, mereka juga mempunyai hak iaitu bagaimana wang mereka telah digunakan sewenang-wenang dengan tidak ada satu penjelasan yang tepat dan menyeluruh bagaimana wang itu digunakan.

Penswastaaan telah dilihat sebagai satu cara yang paling mudah untuk satu kumpulan yang paling kecil dalam masyarakat menjadi kaya-raya. Selepas tiap-tiap satu syarikat ini mengalami masalah mereka telah keluar sebagai orang yang kaya-raya. Tan Sri Tajuddin telah mengisytiharkan bahawa hasil daripada penjualan sahamnya dia telah membayar hutang bank yang telah dipinjam oleh beliau lebih kurang RM1 bilion, hampir RM1 bilion. Dan baki RM800 juta telah digunakan untuk pelaburan baru. Bermakna operator ataupun tauke penswastaaan yang gagal ini telah keluar daripada kegagalan syarikat yang diterajuinya dalam satu keadaan kewangan yang lebih kukuh. RM800 juta adalah wang rakyat. Adakah Tajuddin menjadi kaya-raya hasil daripada air mata rakyat, ini yang menjadi prihatin saya, yang menjadi prihatin pembangkang.

Kita ada beberapa cara lain bagi menyelamatkan MAS. Dalam isu MAS, Tun Menteri Kewangan kata ini adalah national interest, semua orang boleh setuju. Tetapi ada dua isu national interest di sini. Satu ialah national interest MAS sebagai national carrier tidak jatuh kepada orang asing, itu yang pertama.

Yang kedua, national interest ialah bagaimana kerajaan boleh menggunakan 'bargaining power'nya, dengan izin, kuasa tawar-menawarnya untuk membolehkan harga yang ditawarkan oleh kerajaan kepada Tajuddin adalah lebih rendah bagi menyelamatkan sebahagian daripada wang rakyat, yang wang ini boleh digunakan untuk tujuan-tujuan pembangunan yang lain. Ini concern kita.

Ada beberapa cara lain bagaimana kita menyelamatkan MAS, salah satunya ialah pengeluaran right issues iaitu kerajaan boleh menggunakan RM1.8 bilion tadi

dalam bentuk injection, capital injection, dengan izin, injeksi modal. Sekarang MAS dibeli dengan RM1.8 bilion, itu baru pembelian ekuiti, belum lagi penambahan liquidity ataupun capital bagi membolehkan MAS beroperasi dengan lebih lega.

MAS seperti disebut ada hutang RM9 bilion, bagaimana ia hendak beroperasi dengan baik. Mesti kerajaan kena tambah modal dan saya yakin tidak kurang daripada RM2 bilion diperlukan, menjadikan jumlah keseluruhan di akhir transaksi ini ialah hampir RM4 bilion. Tetapi kalau kerajaan mengeluarkan right issues RM2 bilion adalah memadai untuk MAS mendapat suntikan modal baru tanpa perubahan ekuiti. Ini maksud saya bahawa bottom line dalam exercise ini ialah menyelamatkan kroni-kroni yang tertentu. Bottom line ini adalah jelas, dalam kes MAS boleh jadi sedikit kekeliruan tetapi ia adalah satu transaksi yang boleh dilihat secara bersama dengan exercise yang lain. Dalam pembelian saham Time dotCom oleh Kumpulan Wang Amanah Pencen, kalau kita kaitkan dengan dua isu ini, dengan jelas sekali yang terselamat ialah Halim Saad dan Tajuddin Ramli. *[Tepuk]* Betul, MAS sebagai national carrier diselamatkan tetapi pada masa yang sama Tajuddin ada dalam bakul yang diselamatkan itu, dia selamat sama.

Tiap-tiap kali penswastan diselamatkan, orang yang telah membankrapkan, yang telah menimbulkan suatu masalah kepada pengurusan syarikat-syarikat ini menjadi kaya-raya, mereka tidak bankrap, mereka tidak dihukum. Tidak ada satu due diligence, laporan diligence yang jelas dibentangkan pada rakyat bagaimana syarikat ini telah diuruskan. Ini masalah kita. Oleh kerana amalan ini tidak wujud, orang lain akan mengulangi, sekali lagi orang lain akan mengulangi. Mereka rugi tidak ada masalah, mereka kroni kerajaan, kerajaan akan selamatkan, wang negara masih banyak, ini masalah kita. Sepatutnya mereka menerima hukuman daripada kegagalan mereka. Mereka mendapat punishment ataupun satu pendedahan umum bagaimana syarikat ini diuruskan, didedahkan. Baru kita mengetahui kedudukan yang sebenar, kalau tidak semua orang boleh ulang kesalahan ini. Itu perspektif yang pertama dan kedua.

Kumpulan Wang Amanah Pencen seperti Tun telah berikan satu kenyataan di luar Parlimen ini tiga hari yang lepas bahawa kumpulan ini telah membeli saham Time dotCom, satu kumpulan yang tertentu kerana Kumpulan Wang Amanah Pencen beranggapan bahawa saham Time dotCom ini akan over subscribed.

Tun, ini adalah satu kenyataan yang paling naif untuk membodohkan kita semua. Sebelum daripada Time dotCom ini diapungkan sahamnya, IPO saham-

sahamnya, semua akhbar dalam Malaysia, berbulan-bulan sebelum daripada itu telah meramalkan IPO ini akan under subscribed, dengan izin, semua surat khabar, Melayunya, Inggerisnya, Cinanya. Dan semua orang biasa pun tahu saham dotCom di seluruh dunia sedang menjunam. Di NASDAQ jatuh 80%, ini bukan masa dotCom, ini masa turun dotCom. Bagaimana Kumpulan Wang Amanah Pencen yang ada Lembaganya, jika tidak mendapat arahan daripada kerajaan boleh menggunakan sejumlah wang rakyat, wang orang yang hendak pencen, kalau wang dia sendiri tidak apa. Yang kita bangkitkan ialah penggunaan wang negara, wang rakyat. Dalam satu pendedahan risiko yang begitu besar dan alasannya ialah bahawa dia tidak jangka, betul tidak jangka? seboleh itu Kumpulan Wang Amanah Pencen? tidak jangka?

Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Ahli-ahli Lembaganya kena letak jawatan. Menteri Kewangan yang selia Kumpulan Wang Amanah Pencen kena letak jawatan, ini baru betul. *[Tepuk]* Kalau macam itu boleh buat exercise dan tidak ada apa-apa, tidak ada akauntabiliti dalam negara kita.

Saya hendak sebut balik apa yang Tun sebutkan semalam, saya rasa dukacita, saya simpan teks ucapan beliau. Dia kata kalau kita tidak bayar RM8 sesaham, Tajuddin akan jual kepada orang asing. Ini satu ugutan, bukan kepada saya tetapi kepada rakyat Malaysia.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa:Tajuddin beli MAS bukan daripada bapak dia, Tajuddin beli MAS harta negara. MAS diserahkan daripada harta negara untuk diamanahkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Jeli bangun di belakang ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya habiskan dahulu, nanti

Tuan Yang di-Pertua: Ha.

Tuan Husam bin Haji Musa: ...saya habiskan. Bukan harta dia, ini harta negara, national carrier.

Adakah kerajaan tidak ada sedikit kuasa bargain power, instruments of powers, undang-undang, kepentingan negara untuk menyekat Tajuddin daripada menjual kepada orang asing, itu yang pertama.

Yang kedua, untuk mendapatkan harga yang lebih baik, itu yang kedua. Senang-senang Tajuddin ambil national carrier hendak jual kepada orang asing, that easy Malaysia boleh diugut macam itu. At the first place pasal apa you boleh jual

pada orang macam ini. *[Disampuk] [Tepuk]* At the first place, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, mengapa boleh jual kepada Tajuddin.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa:kalau Tajuddin sanggup jual kepada orang asing. Ini kita punya tokoh korporat, ambil harta negara untuk dijual kepada orang asing, itu ugutan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Jeli bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sila Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *Protest.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya daripada Kubang Kerian. Saya tertarik dengan kenyataan dan juga apa yang diutarakan oleh sahabat saya daripada Kubang Kerian bahawa alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bimbang takut-takut saham MAS ini akan dijual kepada pemilik asing. Tetapi apakah Yang Berhormat sedar bahawa sudah banyak kali tawaran dikeluarkan kepada syarikat-syarikat asing untuk membeli MAS. Di antaranya Swiss Air, Lufthansa dan Qantas tetapi ketiga-tiga syarikat itu setelah membuat *due diligent* kepada syarikat ini telah mengambil keputusan untuk tidak membeli syarikat MAS tersebut.

Pada masa yang sama Syarikat Agensi Pelaburan Brunei juga mahu menjual sahamnya dalam syarikat MAS, ia memiliki hampir 10% dalam MAS, ia hanya mampu menjual – dengan ekuiti 10% mampu menjual hanya dengan kadar RM4 sesaham. Kenapa kerajaan dengan melihat segala senario sepertimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian sanggup membeli saham ini dengan harga RM8 sesaham walhal beberapa bulan sebelum itu agensi Brunei hanya mampu menjual pada kadar RM4 sesaham. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Dengan sendiri telah jelaslah apa yang ditanya tadi. *They reluctant to sell.* Tajuddin bukan hendak jual. Yang awak tu, sungguh-sungguh hendak beli pasal apa. Ini semua adalah *dressing politic*. Kalau saya pergi lebih jauh, apakah satu perkara yang boleh menjamin bahawa dalam transaksi ini Menteri Kewangan tidak ada kepentingan apa. Apa perkara? Saya sebagai Menteri Kewangan, bayar lebih pada satu kawan. Kawan balik duit pada saya. Apa jadi? Boleh berlaku. Sebab itu saya kata satu penilaian antarabangsa perlu ada.

Petronas hendak beli konsortium perkapalan, Menteri Kewangan pada masa itu, Dato' Seri Anwar Ibrahim minta satu penilai antarabangsa buat penilaian sehingga harga tersebut dapat dibeli dengan separuh daripada harga yang ditawarkan asal. [*Tepuk*] Kenapa kita tidak boleh buat perkara yang sama dalam isu pembelian MAS? Mengapa kita begitu tertakluk kepada apa yang telah ditawarkan oleh penjual? Dan ucapan Tun Menteri Kewangan adalah ucapan justifikasi seorang penjual. [*Tepuk*] Dia berucap bagi seorang penjual. Dia memberikan justifikasi puas hati seorang penjual. Bukan hujah seorang pemimpin kerajaan untuk menyelamatkan wang rakyat. RM800 juta keuntungan Tajuddin, bukan satu jumlah yang kecil.

Dalam isu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Hujah satu, pembelian ini ialah kerana pemilikan saham Time dotCom ialah kerana pertukaran hutang dalam bentuk saham, bukan beli. Isunya ialah pertukaran hutang bukan beli. Kesannya sama, kesannya ialah pendedahan wang rakyat kepada risiko. Kesannya sama. Belikah, tukar hutangkah, kesannya ialah duit rakyat terjejas, terdedah kepada risiko. Bolehkah tidak kerajaan datang ke Parlimen ini ataupun berhadapan dengan rakyat dalam satu premis yang jauh lebih kemas, yang lebih lojik, yang munasabah. Ini bukan satu sen, ini bukan sepuluh ringgit, ini bukan sepuluh juta, ini ratus juta.

Kalau wang negara boleh diurus sebegini mudah, kita boleh lingkup. Jadi, pada masa yang sama *start* tahun 1997 kita telah menghadapi krisis kewangan. Pelabur-pelabur yang terlibat dengan pasaran saham terjejas tetapi rakyat biasa tidak sangat kerana mereka tidak terlibat dengan pasaran saham. Mereka masih selamat daripada keruntuhan kewangan tokoh-tokoh korporat.

Pada hari ini kita telah beralih daripada krisis kewangan kepada krisis ekonomi. Harga komoditi utama kita telah jatuh. Sawit seperti yang dibentangkan oleh ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sendiri, kelapanya, getahnya, berasnya. Yang benar-benar, *real economy*, dengan izin, yang telah menjejaskan kehidupan rakyat. Pada tahun 1997 bila harga pasaran saham jatuh kerajaan telah mengambil langkah segera dengan dana yang begitu besar bagi menyelamatkan keadaan ini. Kita ada Danaharta dengan segera, kita ada Dana modal dengan segera, kita ada CDRC dengan segera, kita mewujudkan tabung bagi menyelamatkan kumpulan-kumpulan kecil dalam masyarakat dengan nilai dan kos yang begitu besar.

Mengapa *concentration* kita, perhatian kita tidak sedemikian cepat, segera, besar bagi menyelamatkan ratusan ribu rakyat kita yang sedang menderita. Saya tidak boleh menggambarkan kepada Dewan ini berapakah pendapatan mereka tetapi saya yakin tiap-tiap ahli wakil rakyat daripada kawasan-kawasan terlibat dapat menggambarkan. Gua Musang sendiri, sampai hendak bayar yuran 300 pelajar tidak boleh bayar yuran. Nasib baik tidak kena kawasan saya. Orang kawasan saya tidak ada tanam kelapa sawit, alhamdulillah, tetapi kawasan Gua Musang, yang tanam kelapa sawit. Ahli Parlimennya terpaksa rayu kepada surat khabar untuk derma bagi pelajar-pelajar, 300 orang tidak boleh bayar. Tetapi kelapa sawit tidak ada di Gua Musang sahaja, seluruh negara ada. Maknanya seluruh negara juga menghadapi kedudukan yang sama, tertindas, tertekan kehidupan mereka yang sebenar, nasi mereka, kesihatan mereka, pelajaran anak-anak mereka. Bukan lagi masalah keselesaan hidup yang lebih jauh lebih tinggi yang dialami oleh setengah daripada menteri-menteri yang kadang-kadang tidak berpijak dengan kesusahan sebenar rakyat.

Dalam Parlimen ini juga saya telah sebutkan tiga kali sekurang-kurang, kedudukan setingan-setingan. Walaupun saya tidak menggambarkan bagaimanakah keseksaan mereka tetapi saya telah nyatakan dalam Parlimen ini statistik setingan di seluruh negara dan keadaan kedudukan mereka dan kemungkinan masalah sosial ini akan merebak menjadi satu isu dan krisis yang lain. Telah disebutkan tetapi menteri berkenaan *ignore* kerana ini masalah orang kecil, masalah orang biasa, mereka tetap mengundi Barisan Nasional bila tiba masanya nanti. Bukan masalah kroni, ini dilema yang kita hadapi. Ini *pattern* yang salah, ketidaksamaan yang kita sedang hadapi dan ini memerlukan perhatian serius, segera perubahan paradigma, perubahan pemikiran. Bagaimana kita menilai kesusahan seorang rakyat untuk ditimbang, bagi diberikan keutamaan wang negara untuk membantu mereka.

Jadi, saya berharap pandangan-pandangan kami yang sebenarnya telah disalurkan daripada perjumpaan kami dengan rakyat jelata untuk ditimbang secara yang saksama dan hentikan menyelamatkan kumpulan-kumpulan yang tertentu dengan menggunakan dana negara dan kita mengagihkan dana ini dengan lebih saksama dalam perkara-perkara yang berkait secara langsung dengan kepentingan rakyat jelata.

Di atas apa yang saya sebutkan tadi, saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Labuan.

2.59 ptg.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Bismismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dan salam sejahtera. Pertama sekali saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk berucap dalam membahaskan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dititahkan pada 19 Mac lalu.

Dalam titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 19 Mac lalu, baginda ada menyentuh tentang sektor perkhidmatan dan pelancongan. Baginda bertitah supaya usaha untuk mempertingkatkan kedua-dua sektor harus dilipatgandakan, justeru menjadi penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Baginda juga menyeru agar digalakkan sektor perkhidmatan dan kerajaan diminta agar terus berusaha untuk membangunkan lagi potensi sektor ini.

Masih banyak ruang dalam sektor kecil pelancongan yang boleh dimajukan untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Saranan ini pada hemat saya bertepatan dengan iklim ekonomi hari ini yang menggalakkan sektor pelancongan negara kerana sektor ini jelas memulangkan hasil dan pendapatan yang lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa majoriti ahli Yang Berhormat akan menyentuh isu dan perkara yang bersifat nasional. Oleh yang demikian, saya memohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya memfokuskan perbahasan kepada kawasan Parlimen saya yakni Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memohon maaf kepada Tuan Yang di-Pertua tentang insiden yang berlaku pada hari Selasa, 20 Mac 2001 dalam sesi jawab lisan di mana saya telah gagal mengawal emosi, apabila soalan saya, soalan nombor 3, dijawab sambil lewa oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan. Jawapan yang diberi amat mendukacitakan dan di sini ingin saya perjelaskan dengan lebih jelas kenapa saya gagal mengawal perasaan pada waktu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu punca kurangnya pelawat sama ada domestik atau asing, kurang melawat Pulau Labuan ialah kerana pintu masuk udara dan lautnya yang tidak kemas selain tambang kapal terbang yang tidak kompetitif. Labuan kini menghadapi masalah kemasukan dari tanah besar Sabah, Sarawak dan

Brunei menerusi laut. Perkhidmatan feri yang sedia gagal memenuhi permintaan pengguna justeru mematahkan semangat pengunjung untuk terus masuk ke Labuan. Labuan, Brunei, Sabah dan Sarawak mempunyai hubungan yang rapat dan erat. Hampir setiap hari penduduk di keempat negeri berulang-alik atas urusan perniagaan ataupun sosial. Adalah lebih menjimatkan sekiranya mereka menggunakan kenderaan sendiri dan perkhidmatan feri yang kemas diperlukan untuk memenuhi kehendak pengguna.

Namun demikian, apa yang berlaku hasrat untuk membawa lebih ramai pelancong datang ke Labuan terbantut kerana hanya ada sebuah feri mengangkut kenderaan yang beroperasi di Labuan dan Menumbok. Feri yang sedia ada pula tidak mampu membawa lebih banyak kenderaan pada satu-satu masa berikutan kapasitinya yang terhad. Keadaan menjadi lebih teruk menjelang perayaan dan cuti persekolahan. Para pengguna terpaksa berbaris panjang dan menunggu lama untuk mendapat tempat dalam feri tersebut. Feri yang ada sekarang mampu membawa 20 hingga 30 buah kenderaan tetapi bergantung kepada saiznya. Jika bas, trak dan lori diangkut, feri menjadi semakin sempit untuk membawa muatan kenderaan. Feri ini beroperasi dari Labuan ke Menumbok pada jam 8.30 dan 1.30 tengah hari dan balik dari Menumbok pada jam 10.30 dan 3.30 petang..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kinabatangan bangun, silakan.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ini saya punya kawan Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya Yang Berhormat bagi Labuan, baru-baru ini saya telah difahamkan di mana pada satu ketika Menteri Pengangkutan telah melawat ke Labuan dan beberapa orang peniaga Tionghua merungut kerana mereka terpaksa menunggu dua hari untuk melalui feri ke Labuan. Jadi, apa isu sebenarnya sehingga dua hari mereka stranded. Adakah kerana feri ini tidak berkemampuan lagi atau ada apa-apa masalah di sebaliknya?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya sebenarnya sudah hampir ke jawapan tersebut. Walau bagaimanapun, saya jelaskan sedikit. Di antara faktor utama kenapa penumpang-penumpang terpaksa bermalam dua hingga hari di Jambatan Menumbok ialah disebabkan feri yang usang. Umur feri tersebut 20 tahun lebih lamanya dan selalu mengalami kerosakan. Labuan ke Menumbok sepatutnya kalau feri ini feri baru, hanya memakan masa satu jam tetapi memandangkan feri yang sekarang ini

kadang-kadang sampai tiga jam baru sampai. Jadi, bermakna feri yang ada sekarang sepatutnya sudah jadi scrap iron, bukan lagi feri.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan fizikal feri yang uzur dan faktor usianya menyebabkan perjalanan ke Menumbok mengambil masa dua jam ataupun lebih, jelas sekali masalah di satu pintu ke Labuan menjadi punca kurangnya pelawat ke pulau ini. Pada 14 Ogos 1998, Labuan menerima kunjungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan beliau sendiri telah mencadangkan beberapa tindakan untuk mempromosikan Pulau Labuan sebagai destinasi pelancongan. Di antaranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengesyorkan supaya membenarkan syarikat yang berminat untuk mengoperasikan feri tambahan dari Labuan ke tanah besar Menumbok, Sabah. Cadangan ini sekali diajukan dalam perutusan khas beliau pada 19 Ogos 1998. Berdasarkan saranan tersebut, Labendo Marine Services, sebuah syarikat milik bumiputera yang berpejabat di Labuan menunjukkan minat dan berusaha untuk mendapatkan kebenaran daripada Lembaga Pembangunan Labuan dan juga Jabatan Laut untuk mengoperasikan feri pengangkutan kenderaan dari Labuan ke Menumbok.

Apa yang mendukacitakan saya, sehingga ke hari ini syarikat itu masih belum mendapat kebenaran dan kelulusan mendarat di Dermaga Menumbok dari pihak Kerajaan Negeri Sabah kerana ianya di bawah Kerajaan Negeri Sabah. Oleh sebab itu, hingga ke hari ini permohonan domestic shipping license (DSL) juga belum diluluskan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. Apa yang membuatkan saya terkilan, di dalam sebuah negara seperti Malaysia, Labuan yang dahulunya ditadbir di bawah Kerajaan Negeri Sabah tiba-tiba bila mana kita hendak upgrade, dengan izin, kualiti mutu perkhidmatan feri Labuan-Menumbok, Kerajaan Negeri Sabah dan Kementerian Pengangkutan berdolak-dalik dengan mengatakan bahawa ia tidak boleh memberikan domestic shipping license kerana Menumbok di bawah negeri Sabah. Bila kita minta - saya Lembaga Pengarah LDA meminta kepada Kerajaan Negeri Sabah supaya diberikan kelulusan ditolak pula kepada Kementerian Pengangkutan kerana dikatakan laluan laut Labuan-Menumbok ini di bawah Kementerian Pengangkutan. Jadi, suasana berdolak-dalik, menolak ke kiri ke kanan telah mengakibatkan sebenarnya bukan sahaja Pulau Labuan, malah rakyat jelata yang ada di negeri Sabah dan juga di Labuan menderita kerana adanya keputusan-keputusan yang tidak muktamad di kedua-dua kementerian.

Syarikat Labendo Marine buat permohonan sebanyak tiga kali, tetapi nampaknya Kementerian Pengangkutan mengalami sindrom bisu, tidak ada jawapan langsung dari kementerian tersebut seolah-olah sengaja tidak mahu melayan permohonan yang dibuat. Pada 20 Mac 2001 soalan saya mengenai feri telah dijawab secara lisan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan dan jawapan yang diberikan amat mengecewakan sehingga saya pada hari tersebut bertindak di luar garis panduan sebagai Ahli Dewan. Soalan saya, apakah operasi feri ini dimonopoli oleh Syarikat Labuan Ferry Cooperation, dan beliau menjawab adalah tidak ekonomik untuk menambah sebuah lagi feri perkhidmatan di Labuan kerana statistik penggunaan hanya 17 hingga 18 buah. Yang saya marah beliau lupa bahawa saya Ahli Parlimen bagi Labuan, anak jati Labuan dan beliau lupa bahawa sebenarnya selain daripada Jabatan Laut yang beliau gunakan sebagai rujukan untuk mengeluarkan statistik. Statistic never lie sebenarnya, tetapi bila come to Kementerian Pengangkutan statistik ini pandai berbohong pula. Saya katakan di Labuan ada dua badan - satu, Jabatan Laut; yang kedua, kastam.

Sebagai pulau bebas cukai semua kenderaan yang keluar masuk harus di declare, terpaksa diisytiharkan. Kenyataan beliau bercanggah dengan apa yang diberikan oleh Jabatan Kastam di mana pada setiap hari secara random kita buat feri tersebut penuh dan yang dia tidak faham lojik ini, semasa lawatan Menteri Pengangkutan ke Menumbok yang kereta 100 lebih buah berbaris, tidur tiga hari tiga malam kenapa?, Adakah kerana muatan yang tidak mencukupi atau sebagainya. Kalau beliau falam sepatutnya beliau tahu adanya jammed di Jambatan Menumbok kerana penumpang banyak, feri tidak mampu menampung. Bermakna load passengers berlebihan. Itu yang saya marah kerana beliau berbohong di Dewan ini, memberikan jawapan yang tidak betul. Jawapan itu seolah-olah bersahaja dan kononnya menjadi indicator bahawa perniagaan itu tidak viable. Daftar-daftar muatan keluar Seksyen 57 dan Akta Kastam 1967 yang saya perolehi daripada Kastam Diraja Malaysia memberikan jawapan yang berbeza.

Saya jelaskan di sini secara rawa, pada 30 September 2000 semasa bertolak jam 8.00 pagi menuju ke Menumbok dari Labuan menggunakan bahtera Mempakul M63 membabitkan 25 buah kenderaan. Pada tarikh yang sama juga daripada Menumbok ke Labuan sebanyak 27 kenderaan. Semuanya 27 kenderaan. ~~Ata~~ lebih 10 buah setiap kali laluan dibuat. Jadi, bermakna statistik yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen kepada saya pada 20 Mac 2001 adalah tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan di Dewan yang mulia ini, kepada Kementerian Pengangkutan dan menteri yang berwajib supaya jangan melihat isu feri ini sebagai isu kecil. Jangan nanti sehingga tenggelam kapal di laut 200 nyawa terkorban, harta orang awam bernilaian juta ringgit tenggelam, barulah menteri mengatakan kenapa tidak ada yang berminat mengendalikan feri tersebut.

Ini yang saya khawatirkan, saya tidak mahu kerana ianya melibatkan nyawa orang awam. Tidak ada kepentingan individu, saya bertindak membawa perkara ini ke Parlimen kerana tidak mahu menjadikan isu feri ini menjadi agenda perang mulut di antara saya dengan pihak tertentu dalam surat-surat khabar.

Saya merasakan Parlimen adalah forum yang tepat untuk saya bawa kerana menteri dan pihak-pihak yang berwajib tidak mengindahkan rayuan yang dibuat oleh kerajaan tempatan yakni Lembaga Pembangunan Labuan supaya diberikan untuk kepentingan orang awam bukan untuk individu, orang awam yang juga sebenarnya kalau menteri ini sedar pengundi-pengundi di kawasan saya dan pengundi-pengundi di kawasan tanah besar negeri Sabah.

Jadi, saya kecewa kerana bila mana interest kepentingan orang awam diberikan secondary thought ataupun pemikiran yang kedua, ini yang menyedihkan saya Tuan Yang di-Pertua, saya bukannya ikut pembangkang hentam menteri – tidak. Tetapi kalau saya tidak cakap seperti ini, nanti pembangkang akan cari isu bantai lagi teruk, jadi biarlah saya dahulu beritahu menteri jangan sampai besok Yang Berhormat Saudara Husam saya itu bantai mereka Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya minta jangan disalahertikan UMNO *joining the opposition to attack the government*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu Kementerian Pengangkutan bersifat profesional dan telus, janganlah kerana ingin menjaga kepentingan, kebajikan segelintir individu, kebajikan rakyat ditolak secara total. Sikap yang ditunjukkan oleh Menteri Pengangkutan seolah-olah tidak prihatin terhadap keselamatan nyawa dan harta benda pengguna yakni rakyat.

Untuk pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat dalam sebulan berapa kali feri usang sedia ada akan terhenti di tengah-tengah laut dan terpaksa ditunda ke Labuan oleh kapal tunda. Ini lagi satu insiden di mana cukup menakutkan, very scary.

Tuan Yang di-Pertua, feri tersebut bila berjalan in between Labuan dengan Menumbok, dengan izin, mati di tengah laut, terpaksa tunggu kapal tunda ikan tarik

sama ada balik ke Menumbok atau balik ke Labuan. Ini bukan berlaku sekali dua, itu makanya saya kecewa kenapa Pengarah Laut, kenapa Kementerian Pengangkutan tidak menilai aspek-aspek keselamatan nyawa orang awam dan harta orang awam dalam mempertimbangkan permohonan Lembaga Pembangunan Labuan, bukan Dato' Suhaili, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pembangunan Labuan supaya diberikan lagi operator baru beroperasi dengan menggunakan feri yang baru.

Ini yang menjadi isu sekarang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Larut bangun tadi ya, dia tak jadi tanya dah. Sudah puas hati agaknya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan, boleh?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun macam Yang Berhormat jugalah, kita sentiasa mengambil berat persoalan di tempat masing-masing kecuali pembangkang mengambil kesempatan mengeruhkan keadaan dalam suasana yang baik.

Ini memang kerja pembangkanglah. Yang Berhormat, saya rasa mungkinlah saya agak di sini, permintaan rayuan Yang Berhormat itu mungkin dalam pertimbangan. Jadi, mungkin kalau tidak nanti

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dak, saya bukan hendak menjawab bagi pihak menteri kerana kami dalam Barisan Nasional, dalam kerajaan kolektif. Tak macam pembangkang. Saya cukup simpatilah dengan Presiden PAS menghadapi tekanan dalam usaha untuk mengadakan pertemuan dengan UMNO. Ini cukup-cukup menyedihkan. Tetapi kami dalam Barisan Nasional ini sentiasa bersama-sama, cuma tidak mahu nanti, isu feri ini yang diluahkan oleh Yang Berhormat bagi Labuan, pembangkang akan mengambil kesempatan, walaupun memang sudah mengambil kesempatan, yang ini yang kita bimbang. Jadi, Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya telah nyatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ada baiknya wakil rakyat kerajaan menyatakan kekurangan dan kesilapan daripada pembangkang, saya rasa ini lebih baik.

Dan yang kedua, jawapan yang saya berikan bukan dalam pertimbangan kerana menteri telah membuat keputusan tidak ada second operator, itu makanya saya bawa ke Dewan yang mulia ini, dengan memberitahu kenapa tidak boleh, apakah dengan alasan-alasan yang konkrit seperti ini, menteri masih berkeras tidak boleh dan nanti dalam Dewan yang mulia ini, akan dicatatkan jika tenggelam kapal tersebut 100 nyawa terkorban, beliau bertanggungjawab. Saya tidak lagi bertanggungjawab selaku wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan? Dua orang bangun.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Hendak bantaikah atau hendak sokong?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tumpat.

Datuk Kamaruddin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya daripada Labuan. Saya pun mempunyai kaitan sebagaimana Yang Berhormat maklum, yang agak erat dengan Labuan dalam masa saya berkhidmat sebagai salah se orang anggota lembaga pengarah syarikat yang bernama Sabah Shipyard yang berpangkalan di Labuan.

Saya tidak kecewa seperti backbenchers UMNO yang mana Timbalan Menteri baru daripada Senator, menteri baru daripada Senator sekarang ini mengamuk menerkam tak tahu ke mana dan menyoal soalan-soalan yang tidak betul. *[Tepuk][Ketawa]*

Saya melihat kepada masalah Yang Berhormat bangkitkan berkaitan dengan problem feri di Labuan yang mana terdapat pihak kementerian yang nampaknya tidak dapat memberi jawapan yang tepat dan sebagainya.

Saya bandingkan Labuan sebagai sebuah pulau bebas cukai sebagai sebuah Wilayah Persekutuan. Saya bandingkan dengan Pulau Langkawi yang begitu banyak ribuan jutaan ringgit diberikan kemudahan-kemudahan dan projek-projek. Sebagai Wilayah Persekutuan, saya bandingkan dengan Wilayah Persekutuan yang umurnya baru tiga, empat bulan, Putrajaya yang sekali lagi ribuan juta ringgit dibelanjakan.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat, apakah sebabnya Labuan dianaktirikan sedemikian rupa oleh Kerajaan Malaysia. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sahabat saya nak jolok-jolok api. Labuan tidak dianaktirikan. Operasi feri sebenarnya milik Kerajaan Negeri Sabah. Feri tersebut feri usang, scrap iron punya feri, tetapi

diswastakan. Cuma yang menjadi kemarahan setengah pihak ini kenapa laluan (*route*), laluan Labuan-Menumbok tersebut Kementerian Pengangkutan isytiharkan sebagai laluan eksklusif hanya kepada satu operator sahaja.

Dalam soal-soal lain Kerajaan Persekutuan membelanjakan juga ribuan juta ringgit untuk Labuan. Itu perlu direkodkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jeli bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya daripada Labuan. Saya ingat kalau saya jadi Labuan pun macam Labuan juga begitu. Jadi, sekarang ini saya hendak bertanya alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pada pagi itu, dia mengatakan bahawa feri ini beroperasi dalam keadaan rugi, sebab itu dia tak hendak beri orang lain rugi. Dia tidak beri the second operator rugi. Jadi, macam mana hujah macam itu bagi pandangan Yang Berhormat Labuan?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Itu makanya kalau Yang Berhormat ingat saya melenting. Kerana jawapan yang diberikan memang tidak tepat. Saya punya fakta mengatakan bahawa feri tersebut sentiasa penuh dan fakta ini bukannya laporan daripada individu, tetapi daripada Kastam Diraja Malaysia, salah sebuah jabatan kerajaan yang bertanggungjawab ke atas keluar masuk kenderaan Labuan-Menumbok-Labuan. Jadi, saya punya fahaman bahawa beliau tidak buat kerja, itu sahaja. Cuma ingin jawab di Parlimen, jangan tidak.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya berapa lama penumpang-penumpang feri tersebut harus berada dalam keadaan fobia. Apakah Yang Berhormat Menteri akan menunggu sehingga banyak nyawa terkorban barulah hendak meluluskan lesen operator baru. Banyak faktor yang perlu diambil kira, antaranya ialah:-

- (i) adalah wajar bagi perkhidmatan feri kenderaan antara Menumbok dan Labuan dipertingkatkan supaya usaha untuk mempromosikan Labuan sebagai destinasi pelancongan akan tercapai;
- (ii) perkhidmatan feri ini merupakan satu sistem perhubungan yang amat kritikal kepada pembangunan sosioekonomi Labuan;

- (iii) terdapat banyak rungutan daripada pengguna perkhidmatan feri yang sedia ada yakni feri tersebut usang dan telah berumur 20 tahun lebih;
- (iv) perkhidmatan feri ini juga adalah penting kepada para pengguna untuk menampung tambahan kapasiti penumpang bersama dengan musim cuti sekolah;
- (v) bagi meningkatkan keyakinan kepada para pelancong dari Sabah, Sarawak dan Brunei datang ke Labuan, maka perkhidmatan feri Labuan-Menumbok harus dipertingkatkan; dan
- (vi) untuk meningkatkan lagi imej Labuan sebagai pulau bebas cukai.

Sehubungan dengan itu, saya berharap pihak Kementerian Pengangkutan dapat menyelesaikan isu feri yang tertangguh sejak sekian lama. Saya memohon Tuan Yang di-Pertua supaya perkara ini jangan dijadikan *political issue* melainkan untuk kepentingan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya masalah feri ini begitu kritikal sekali. Saya rasa Yang Berhormat mungkin meminta kepada kerajaan tidak payah lagi menggunakan feri tetapi mungkin Yang Berhormat bercadang agar dibuat satu jambatan pula dari Menumbok ke Labuan, jadi tidak ada isu feri lagi di masa akan datang. Apakah Yang Berhormat bercadang mengesyorkan kepada kerajaan untuk membuat jambatan?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih, saya telah pun menyuarakan permintaan saya supaya jambatan dibina tetapi sementara menunggu jambatan siap atau diluluskan, feri tersebut tetap diperlukan sekurang-kurangnya untuk tempoh lima tahun. Takkan dalam masa lima tahun Tuan Yang di-Pertua, rakyat terpaksa berenang ke Menumbok. *[Ketawa]* Jadi saya minta supaya Kementerian Pengangkutan melihat dari sudut tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 2000 sektor pelancongan telah menampakkan kemajuan dan pemulihan. Trauma yang melanda sektor tersebut kesan daripada kejatuhan ekonomi, jerebu dan kacau bilau yang ditimbulkan oleh segelintir rakyat yang kecewa telah berakhir. Kedatangan pelancong ke Malaysia keseluruhannya telah meningkat kepada 28% iaitu seramai 7,931,000 pada tahun

1999 kepada 10 juta pada tahun 2000. Pada tahun 2000 Sabah menerima kunjungan pelancong seramai 219,000, peningkatan sebanyak 53.8% berbanding tahun sebelumnya seramai 142,000. Sebuah lagi negeri Borneo yang menerima kunjungan pelancong yang ramai ialah Sarawak yakni 348,000 orang pada tahun 2000 dan mengalami kenaikan sebanyak 31% dari tahun sebelumnya.

Jumlah lawatan pelancong ke Labuan pula walaupun meningkat sebanyak 10% tetapi amat mendukacitakan dari segi jumlah kedatangan pelancong. Pada tahun 1999 Labuan menerima kunjungan sebanyak 40,000 orang sahaja manakala pada tahun berikutnya hanya 44,000 orang. Jumlah ini mendukacitakan dibandingkan dengan Sabah dan Sarawak. Apakah kekurangan Labuan sebenarnya menyebabkan ianya terpinggir.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Labuan tidak akan dapat menandingi kehebatan Sabah dan Sarawak. Dari segi produk pelancongan semula jadi, Sabah memang hebat dengan Gunung Kinabalu, Lembah Ganom dan orang utan sepiluknya. Manakala Sarawak pula kaya dengan alam semula jadinya termasuklah Gua Niah dan Mulu serta Taman Negara Bakun. Labuan tidak memiliki semua itu sebaliknya masih sedang menyusun kemudahan infrastruktur. Oleh itu dari segi produk pelancongan, Labuan tidak dapat bersaing dengan kedua-dua negeri ini. Di sini saya ingin membuat cadangan supaya Kerajaan Persekutuan merealisasikan Labuan sebagai pusat pelancongan yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan sewajarnya dijadikan *gateway* ataupun pintu masuk kepada Borneo. Dengan kata lain, semua pendaratan antarabangsanya berbentuk *chartered flight* harus singgah di Labuan terlebih dahulu sebelum penumpang-penumpang tersebut ke Sabah, Sarawak dan Brunei. Dengan demikian, Labuan akan terpaksa didatangi kerana ianya pintu masuk ke Borneo. Apabila tiba di Labuan sudah tentu mereka akan berehat dan bermalam di Labuan. Ini sedikit sebanyak akan memberi pendapatan kepada Labuan dan secara tidak langsung mempromosikan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan meniru apa yang dilakukan oleh Kerajaan Indonesia terhadap Pulau Bali. Setiap pelancong ke Bali tidak memerlukan visa dengan syarat mereka harus terus datang ke Bali. Saya yakin jika sekiranya Kerajaan Persekutuan mempraktikkan konsep yang sama, Labuan dalam jangka waktu yang terdekat akan menjadi sebuah pulau yang unggul di kaca mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan saya ke Bali saya difahamkan bahawa untuk orang asing jika hendak ke Indonesia di mana negaranya tidak mempunyai hubungan diplomatik terpaksa meminta visa. Akan tetapi jika mereka terus ke Bali visa tidak diperlukan. Itu sebabnya bila mana diumumkan oleh Presiden Suharto pada masa tersebut, tahun yang berikutnya jumlah pelancong yang datang ke Kepulauan Bali meningkat melebihi 300% daripada tahun sebelumnya.

Jadi, saya berpendapat jika sekiranya benar Kerajaan Persekutuan serius untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah destinasi pelancongan, konsep yang sama patut dibawa di mana pengunjung-pengunjung ataupun pelawat-pelawat asing yang memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia, boleh masuk ke Malaysia tanpa visa dengan syarat mereka terus datang ke Labuan. Dengan berbuat demikian, banyak keuntungan boleh dinikmati oleh negara selain daripada pertukaran wang asing juga kunjungan pelancong yang mungkin meningkat jumlahnya.

Tuan Yang di-Pertua, status sebagai IOFC dan pulau pelancongan yang diterima oleh Wilayah Persekutuan pasti akan terjejas sekiranya infrastruktur atau kemudahan asasnya tidak diperkemaskan dan dibaik pulih. Tiga kemudahan asas utama yang perlu di pandang serius ialah:-

- (i) masalah air;
- (ii) elektrik; dan
- (iii) sistem telekomunikasinya.

Masalah air di Labuan sememangnya kritikal. Di Labuan walaupun telah 13 tahun menjadi Wilayah, kualiti air yang diminum dan lain-lain kegunaan domestik 70,000 penduduk pulau itu adalah teruk, kotor dan tidak *hygienic*. Labuan memerlukan rawatan air, bayangkan sistem saluran air paip utama dan domestik tidak ditukar dan tidak diperbaharui walaupun sudah berusia 20 hingga 50 tahun. Air yang diminum walaupun dimasak masih dianggap kotor kerana terdapat mendapan karat di dalamnya. Oleh itu saya mencadangkan supaya diusahakan satu loji rawatan air di Labuan. Sekiranya pihak kerajaan tidak mempunyai kepakaran, lebih baik diberi peluang kepada syarikat swasta sama ada dari dalam atau luar negara yang berminat untuk mengusahakannya.

Manakala bekalan elektrik Labuan hari ini masih lagi bergantung kepada Sabah Elektrik Sendirian Berhad. Apa yang sering berlaku ialah bekalan elektrik

sering terputus. *Black-out* di Labuan sudah menjadi perkara biasa dan ini amat memalukan. Saya mengambil contoh satu kejadian yang berlaku tahun lalu ketika LOFSA menganjurkan seminar antarabangsa yang dihadiri oleh gabenor-gabenor bank antarabangsa, menteri-menteri dan pegawai-pegawai dalam industri perbankan pesisir. Ketika satu seminar sedang berlangsung bekalan elektrik telah terputus untuk satu jangka masa yang agak lama. Lebih memalukan pada sebelah paginya Dato' Mustapha Mohamad selaku Pengerusi Lembaga Pembangunan Labuan ketika memberi ucapan menyatakan Labuan adalah IOFC terbaik kerana mempunyai kemudahan infrastruktur yang bagus.

Keputusan elektrik yang kerap di Labuan amat memalukan kerana masyarakat IOFC itu sendiri terdiri daripada orang asing yang bertugas di sini. Oleh itu saya memohon kerajaan untuk memberi perhatian yang serius dalam masalah ini kerana IOFC merupakan *national flag carrier* bagi Malaysia serupa seperti MAS dan lain-lainnya.

Satu lagi kemudahan asas yang perlu diperbaiki ialah sistem telekomunikasi terutama talian selular ataupun *cellular phone*. Labuan sering menganjurkan aktiviti seperti seminar dialog dan perbincangan yang membabitkan kunjungan daripada masyarakat luar. Selain dari itu para peniaga dari sekitar Borneo sering ke Labuan atas urusan perniagaan. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, ialah setiap pelawat yang datang pasti membuat rungutan kerana telefon selular mereka tidak berfungsi secara efektif. Talian selular terbabit termasuklah Celcom, Digi dan TM Touch. Hal ini amat memalukan dan menyukarkan untuk mereka menjalankan urusan perniagaan.

Jika kemudahan asas ini tidak diperbaiki, saya khuatir mereka akan serik dan tidak lagi memilih Labuan sebagai lokasi aktiviti mereka berniaga. Saya mencadangkan supaya sistem talian selular ini diperkemas di Labuan untuk menjaga imej dan nama baik IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai isu keselamatan negara yang berpunca dari individu Melayu warga Malaysia yang kecewa dan tidak berpuas hati dengan perjuangan politiknya. Tindakan tidak rasional saudara Mohamad Ezam Mohd. Noor, Ketua Pemuda KeADILan menyeru rakyat mengadakan demonstrasi untuk menjatuhkan kerajaan adalah tindakan yang tidak bermaruah yang hanya mengarah kepada huru-hara dan kacau-bilau.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Abd.Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya hendak bertanya mengenai kenyataan yang dibuat oleh Saudara Mohamed Ezam kononnya untuk menggulingkan kerajaan. Pertamanya adalah sama ada kenyataan yang dikeluarkan oleh akhbar itu, dalam akhbar itu juga menafikan bahawa Ezam membuat kenyataan tersebut. Yang keduanya, ada usul daripada UMNO di negeri Terengganu iaitu UMNO cawangan Kuala Berang supaya mengadakan Kerajaan Bayangan di negeri Terengganu. Adakah ini juga satu tuntutan supaya menjatuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat di negeri Terengganu. Sekian.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang dilakukan oleh UMNO Terengganu berbeza dengan apa yang dilakukan saudara Ezam. UMNO Terengganu tidak mengajak rakyat berdemonstrasi untuk menjatuhkan kerajaan PAS tetapi UMNO menyediakan daripada sekarang barisan kabinetnya untuk mengambil alih kerajaan pada tahun 2004, berbeza. Apa yang dicadangkan oleh UMNO Terengganu satu proses perpindahan kuasa yang aman tanpa adanya demonstrasi jalanan seperti yang disarankan oleh saudara Ezam. Jadi ini dua situasi yang berbeza, Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Kita bukan bercakap soal akhbar, saya bercakap soal cara pemimpin politik pembangkang berfikir. Kita boleh berusaha menjatuhkan kerajaan tetapi melalui cara demokrasi, bukan menyuruh rakyat memberontak, berbunuhan sesama sendiri. Seperti di Terengganu, tidak ada kes pembunuhan, tidak ada Ketua Pemuda UMNO menyarankan supaya diadakan demonstrasi besar-besaran supaya PAS jatuh, tidak. Apa yang mereka buat menyusun dari sekarang hingga 2004, tumbangkan PAS tahun 2004, maka naiklah kerajaan bayangan yang diilhamkan oleh UMNO, itu sahaja. Saya ingat itu tidak salah. Jika isu kemiskinan yang dibangkitkan, saya ingin meminta saudara Ezam untuk membuat perbandingan dengan apa yang berlaku di negara jiran kita. Jangan melakukan perbuatan di luar kawalan dan mengikut emosi. Kemiskinan di Filipina, Thailand dan Indonesia misalnya tidak akan berlaku di Malaysia kerana dalam sistem pentadbiran Barisan Nasional, tidak ada penindasan yang berlaku. Jika wujud kemiskinan sekalipun ianya tidak seteruk di tiga negara yang disebutkan tadi.

Statistik yang dikeluarkan oleh Bank Dunia jelas menunjukkan bahawa Malaysia jauh lebih baik dari kebanyakan negara jiran. GNP perkapita pada tahun

1999 menunjukkan Malaysia masih kukuh dengan USD3,400 setahun berbanding Filipina USD1,020; Thailand USD1,990 dan Indonesia USD580. Oleh yang demikian, janganlah menghuru-harakan negara hanya kerana anda kecewa dengan perjuangan politik yang bersifat individu kerana ianya merugikan anak bangsa sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Klang.

3.33 ptg.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Beberapa isu yang penting telah pun timbul baru-baru ini dan memerlukan perhatian wakil rakyat, ia termasuk insiden yang berlaku di Kampung Medan dan demonstrasi di Jalan Kebun tetapi oleh sebab ramai Ahli-ahli Parlimen telah pun berucap tentang isu-isu ini, saya akan menyentuh perkara-perkara yang lain.

Terlebih dahulu, saya ingin menyentuh tentang perkembangan ekonomi di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, tatkala seluruh dunia telah bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran baru dalam millenium baru ini, negara kita harus melaksanakan tugas yang lebih mencabar dengan segera. Pertama sekali, ekonomi kita perlukan perhatian berbentuk fokus dan juga strategi-strategi baru bagi memastikan pertumbuhan yang tetap memandangkan ekonomi dunia mula lembap. Daripada ahli-ahli bank sehinggalah ke orang-orang awam terlalu sedikit yang optimistik terhadap ekonomi kita dan kita tidak perlukan ahli-ahli ekonomi untuk menyatakan bahawa keadaan ekonomi adalah lembap apabila pasaran saham di seluruh dunia telah merosot dan harga-harga komoditi seperti kelapa sawit, getah dan kelapa telah jatuh ke paras yang paling rendah.

Kita memerlukan strategi jangka masa panjang dan strategi jangka masa pendek untuk mengukuhkan ekonomi kita. Untuk selaras dengan trend dunia dalam perkembangan ekonomi, usaha-usaha serius telah dilakukan oleh kerajaan sejak lebih kurang 20 tahun yang lalu untuk mengubah struktur ekonomi kita daripada yang berasaskan komoditi kepada berasaskan industri dan pengetahuan. Kita telah berjaya mempelbagaikan atau diversify ekonomi kita, umpamanya sektor pengeluaran dan perkhidmatan kewangan telah meningkat kepada masing-masing 38% dan 12% daripada GDP kita pada tahun 2000 berbanding dengan masing-

masing 13% dan 2% dalam tahun 70-an. Tetapi perubahan struktur kita masih belum sempurna walaupun kita telah mencapai kemajuan dalam sektor pengeluaran, industri ICT kita masih di peringkat permulaan.

Penumbuhan MSC dan Cyber Jaya hanya boleh berperanan sebagai katalis sahaja dalam pembangunan industri ICT di dalam negara kita. Untuk berjaya, kita perlukan environment yang baik untuk pelaburan dan satu generasi baru pekerja ICT, baik dalam bidang penyelidikan dan mereka bentuk mahupun ke bidang pengeluaran dan pemasaran. Tetapi ICT hanyalah satu aspek sahaja daripada kelompok industri-industri baru di dalam ekonomi pengetahuan atau k-ekonomi. Di situlah nanti terletaknya pertumbuhan akan datang seperti bio-teknologi, perubatan, material sciences dan lain-lain.

Transformasi struktur yang muktamad yang harus kita sedia adalah ekonomi pengetahuan. Terdapat tiga pensyarah yang harus dipenuhi sebelum kita dapat mewujudkan k-ekonomi. Pertama ialah segenap lapisan masyarakat harus mempunyai peluang untuk menggunakan komputer dan internet. Kedua ialah penguasaan ke atas penggunaan Bahasa Inggeris kerana 90% daripada traffic internet adalah dalam Bahasa Inggeris dan kebanyakan daripada penulisan Sains dan Teknologi menggunakan Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris juga paling banyak digunakan dalam pengendalian perdagangan antarabangsa. Akhir sekali, Sains dan Teknologi harus dijadikan sebahagian daripada penghidupan seharian dan budaya kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membuat peninjauan di Subang Jaya, kita akan merasa bahawa tidak banyak masalah yang akan kita hadapi untuk mencapai matlamat kita. Apa yang diperlukan ialah sedikit dorongan. Akan tetapi apabila kita beredar dari ibu kota dan masuk ke kawasan-kawasan luar bandar, kita akan sedar bahawa banyak usaha harus dilaksanakan sebelum kita dapat memenuhi prasyarat yang ada dan mungkin kita memerlukan satu atau dua generasi lagi sebelum kita dapat memenuhi transformasi ekonomi kita. Sementara itu, kita hanya boleh meminjam, menyalin atau membuat bayaran bagi mendapat teknologi yang kita perlukan untuk memperbaiki sektor-sektor ekonomi yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pertanian. Sektor pertanian mewakili 11% daripada GDP dan terus menjadi sumber utama dalam menyediakan pekerjaan terutama bagi penduduk-penduduk luar bandar. Pada masa dahulu, komoditi seperti kelapa sawit dan getah telah memberi sumbangan yang

lumayan terhadap pendapatan luar negara kita. Kejatuhan harga yang dialami baru-baru ini memaksa kita memberi perhatian dan seterusnya membuat analisis mendalam mengenai perkara ini. Mengapakah harga turun, adakah ianya bermusim atau adakah kerana penggunaannya berkurangan disebabkan oleh pasaran dunia semakin lembap. Kelembapan ekonomi dunia mungkin pada satu tahap boleh menjadi sebab mengapa permintaan bagi kelapa sawit menurun. Tetapi dua sebab yang utama adalah saingan daripada negara-negara pengeluar kelapa sawit yang lain terutama sekali Indonesia dan juga saingan daripada minyak kacang soya.

Baru-baru ini melalui *genetic engineering*, Amerika Syarikat dan negara-negara di Amerika Selatan telah menghasilkan kacang soya dalam kuantiti yang banyak dengan kos yang rendah seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan. Negara China dan negara-negara lain yang telah menjadi pengimport minyak kelapa sawit kita telah mula membeli kacang soya yang bukan sahaja boleh menghasilkan minyak tetapi hampasnya boleh digunakan sebagai makanan binatang ternakan. Pengeluaran kelapa sawit yang berlebihan akibat daripada saingan pengeluaran kacang soya melalui *genetic engineering* bukanlah suatu fenomena yang sementara tetapi hakikatnya pengeluaran kacang soya melalui *genetic engineering* akan berterusan dan akan juga berterusan menjadi saingan yang hebat di pasaran, begitu juga dengan pesaing kita dalam pasaran, mereka akan menjadi lebih kuat apabila pengalaman mereka bertambah baik dan negara mereka menjadi stabil.

Salah satu cara untuk mengatasi permasalahan ini dengan segera ialah mencari penggunaan-penggunaan baru bagi kelapa sawit seperti menukarnya kepada minyak diesel untuk digunakan sebagai bahan bakar. Tetapi cara ini mungkin tidak sesuai dari segi ekonomi jangka panjang. Jadi, untuk mencari strategi jangka panjang, kita harus beralih ke tanaman-tanaman baru. Malaysia pada suatu masa dahulu merupakan sebuah negara pengeluar kopi tetapi kopi kemudiannya diganti oleh getah yang telah menjadi salah satu penyumbang utama kepada kekayaan negara melalui tukaran asing selama hampir tiga suku abad sehinggalah kelapa sawit menggantikannya pada tahun-tahun 80 an.

Kelapa sawit pula telah berjaya menjadi eksport utama negara selama 20 tahun. Walau bagaimanapun, apabila ianya tidak lagi dapat bersaing di pasaran dunia, maka kita perlulah mencari tanaman-tanaman baru iaitu jenis tanaman yang memerlukan tenaga buruh yang minimum, teknologi yang sederhana dan keluasan

tanah yang kecil mungkin lebih sesuai memandangkan keadaan terdapat di negara kita.

Saya berharap Kementerian Perusahaan Utama akan berusaha secara serius dan secepat mungkin untuk mengenal pasti tanaman-tanaman baru bagi menggantikan kelapa sawit pada masa yang akan datang dan sebagai suatu strategi jangka pendek untuk membantu sektor ini, saya menyokong cadangan Yang Berhormat bagi Parit Sulong ialah kerajaan haruslah mengeluarkan bantuan subsidi kepada pekebun-pekebun kelapa sawit [*Tepuk*] – supaya meringankan beban mereka dan supaya kesulitan atau masalah yang mereka hadapi sekarang dapat dikurangkan. Tuan Yang di-Pertua, strategi ekonomi jangka panjang adalah perlu untuk meletakkan negara ke atas landasan yang tepat bagi pertumbuhan ekonomi tetapi kesannya hanya akan ternyata beberapa tahun akan datang.

Pada masa ini kita juga perlulah strategi jangka pendek, guna bagi mengelakkan ekonomi kita menjadi buruk. Kita cuba lihat situasi yang ada sekarang. Ekonomi dan pasaran saham di Amerika Syarikat adalah lebih lembap. Begitu juga keadaan di Jepun, Hong Kong dan Taiwan dan semua kerajaan berkaitan sedang cuba untuk memperbaiki situasi mereka. Sama ada keadaan kita adalah lebih baik atau lebih buruk daripada mereka adalah tidak penting. Tetapi, apa yang harus menjadi tumpuan kita adalah bagaimana hendak memperbaikinya. Ramai orang percaya keadaan ekonomi negara yang lembap tidak akan mudah menjadi aktif kerana beberapa sebab. Pertama, permintaan di pasaran luar negara rata-rata telah semakin kurang, kesan daripada kelembapan ekonomi di luar negara. Kedua, orang ramai yang meragui keadaan masa depan ingat untuk melabur atau berbelanja dan akhir sekali dana asing semakin berkurangan dalam pasaran saham.

Keadaan pasaran saham banyak mempengaruhi ekonomi negara kerana ramai orang melihat *index*KLSE sebagai *index*ekonomi negara. Oleh itu, pasaran saham banyak mempengaruhi keyakinan rakyat terhadap pelaburan. Pemimpin-pemimpin kerajaan bersama-sama pemimpin korporat telah melahirkan pendapat mereka tentang betapa perlu adanya *good corporate governance* dan memang tepat pada masanya perkara ini dianggap sebagai suatu yang serius. Baru-baru ini, KLSE telah membuat pengumuman bahawa 90 buah syarikat yang tersenarai telah tidak mematuhi *practice note* bagi syarat-syarat kewangan minimum. Langkah ini adalah merupakan salah satu usaha untuk mencapai matlamat tersebut. Syarikat-syarikat ini telah diberi tempoh 12 bulan untuk merangka semula struktur mereka dan

memenuhi syarat-syarat *listing*. Jika gagal, mereka menghadapi risiko sama ada digantung atau ditarik balik *listing* mereka.

Langkah KLSE dialu-alukan oleh ramai orang yang ingin melihat bursa saham ini dibersihkan agar ia dapat mengembalikan keyakinan pelabur-pelabur. Tetapi, pengumuman ini telah memeranjatkan ramai pelabur-pelabur kecil yang kebanyakan daripada mereka terdiri dari orang-orang yang makan gaji, pesara dan surirumah yang telah melabur simpanan mereka tatkala pasaran baik. Sekiranya syarikat-syarikat ini ditarik balik *listing*, mereka akan musnah segala simpanan mereka. Jumlah syarikat yang disenaraikan adalah besar dan sebahagian besar daripadanya adalah di *main board*. Sudah tentu jumlah pelabur kecil yang terlibat adalah besar dan kemungkinan angkanya beratus ribu dan ini sudah tentu akan membawa kesan yang serius ke atas ekonomi kita. Oleh itu, KLSE harus berhati-hati apabila hendak membuat keputusan untuk menarik balik *listing* sesebuah syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab ke atas *good corporate governance* adalah terletak pada Lembaga Pengarah. Apabila sebuah syarikat gagal, pemegang-pemegang sahamnya berhak untuk mengetahui perkara sebenar sama ada ianya berpunca daripada krisis yang tidak diduga atau kelemahan pentadbiran ataupun penipuan. *Securities Commission* yang bertindak sebagai pengawal dan KLSE sebagai *frontliner regulator* sepatutnya mengetuai penyiasatan ke atas syarikat-syarikat yang disenaraikan bagi memastikan sama ada terdapat atau tidak perkara-perkara yang luar biasa atau penipuan. Ahli Lembaga Pengarah yang dikesan terlibat dalam penipuan seharusnya disingkir dari Lembaga dan didakwa di mahkamah. Saya percaya hanya sebilangan kecil sahaja yang benar-benar terlibat dalam penipuan manakala sebahagian besar daripada mereka telah mengalami masalah kewangan akibat daripada usaha-usaha meluaskan perniagaan yang berlebihan *or over expansion* semasa keadaan mewah iaitu, sebelum sahaja krisis ekonomi 1997 melanda.

Jadi, hanya melalui proses penyiasatan sahaja dapat membebaskan nama-nama orang yang tidak terlibat dalam sebarang salah laku dan selepas ini sahajalah keyakinan terhadap syarikat-syarikat itu dan pasaran saham dapat dipulihkan semula. *Accountability, transparency* dan pendedahan atau disclosure adalah faktor-faktor penting di dalam *good corporate governance* dan ianya adalah cara yang

terbaik untuk meredakan khabar-khabar angin yang sedang melanda pasaran saham kita akhir-akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, ramai pihak berserta persatuan-persatuan wanita telah mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Saya ingin merakamkan sekali lagi penghargaan kami ke atas usaha kerajaan yang ingin menaikkan taraf wanita dalam masyarakat. Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang tercinta atas timbang rasa dan sokongannya.

Kami mempunyai harapan yang besar terhadap kementerian ini dan kami percaya di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menterinya kita akan berjaya dalam usaha untuk membasmi diskriminasi terhadap wanita di negara kita. Saya ingin meyakinkan beliau bahawa kami, maksud saya bukan sahaja Ahli Parlimen wanita tetapi seluruh Ahli Parlimen Barisan Nasional akan memberikan kerjasama dan sokongan kami kepada beliau. *[Tepuk]* Kami telah berjaya meminda dua akta diskriminasi iaitu Akta Pembahagian 1958 dan Akta Penjagaan Budak 1961 dalam Parlimen yang lalu dan Akta Kanak-kanak tahun lepas. Saya berharap kita akan dapat menambahkan lagi kejayaan kita sebelum tamatnya Parlimen ke sepuluh ini, misalnya meminda Artikel 8(2) di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita boleh menetapkan jangka masa bagi meminda semua undang-undang diskriminasi tetapi untuk membaiki taraf wanita di dalam masyarakat akan memerlukan bukan sahaja pembentukan undang-undang yang adil tetapi juga perubahan sikap masyarakat seluruhnya. Hari ini, masih lagi terdapat ibu bapa yang masih mengutamakan anak lelaki daripada anak perempuan dan masih beranggapan anak lelaki sepatutnya mengambil alih perniagaan keluarga. Kerja-kerja rumah adalah tanggungjawab isteri walaupun mereka bekerja sepenuh masa di luar rumah. Ada pula yang berpendapat rogol berlaku kerana wanita tidak pakai baju yang menutup semua badannya.

Di sinilah, Tuan Yang di-Pertua, kita perlukan program-program berbentuk sosial untuk membantu mengubah sikap orang ramai dan pendekatan baru di dalam sistem pendidikan untuk membantu membentuk *gender equality*. Sememangnya banyak yang harus dilakukan. Kami berharap kementerian ini dapat diperluas dan akan melantik seorang Timbalan Menteri serta seorang Setiausaha Parlimen untuk

membantu Menteri dan kakitangan serta peruntukan secukupnya agar kementerian ini dapat berfungsi dengan efektif.

Dalam menangani isu *gender*, biasanya kita harus mengambil kira latar belakang kebudayaan seseorang dan pembentukan undang-undang mengenai wanita dan keluarga adalah berbeza antara muslim dan bukan muslim. Oleh itu, saya ingin menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik seorang bukan muslim sebagai timbalan, semoga keperluan wanita-wanita bukan Islam lebih mudah difahami. Masalah-masalah mereka diatasi dengan lebih baik dan cita-cita mereka lebih dihargai.

Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Bukit Mertajam lah ya. Sila Bukit Mertajam.

3.55 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun turut rasa sukacita kerana kita di Dewan ini telah dapat seorang lagi Menteri wanita yang mewakili separuh penduduk di Malaysia ini. DAP pun sejak tahun 1990 sudah menegaskan bahawa kita perlu ada seorang Menteri perempuan atau wanita untuk menjaga wanita di dalam negara ini dan saya mengucapkan tahniah kepada Menteri baru yang dipandang begitu dinamik.

Saya baca *Interview* baru-baru ini yang katakan beliau sudah *make part* strateginya. Saya rasa Menteri ini *on the right track and on the right direction* tetapi saya hendak tambah sedikit ialah mengenai kesan globalisasi terhadap pekerja wanita, khasnya mereka di *free trade zone*. Misalnya, baru-baru ini di Pulau Pinang, Seagate telah menutup kilangnya di Butterworth, Prai di mana 4000 pekerja akan terjejas kerja mereka. Di antaranya saya rasa yang ramai adalah perempuan ataupun wanita dan mereka di *free trade zone*, di kilang-kilang seperti ini melebihi 50% pekerjaannya ialah wanita. Dalam proses globalisasi ini dan dengan adanya pelaksanaan akta, apakah kesannya terhadap para wanita dan apakah langkah-langkah yang ada untuk memberi bantuan kepada mereka yang akan terjejas pekerjaan mereka.

Saya baca *Interview* dan Yang Berhormat ada sentuh tentang kita perlu adakan pusat asuhan kanak-kanak untuk semua ibu yang bekerja. Itu memang isu yang saya selalu bangkitkan di dalam Dewan ini dan saya rasa kadar *encouragement* itu tidak cukup dan tidak boleh jalan. Jadi, kita mesti adakan

undang-undang. Paksakan mesti ada. Kerajaan mesti beri contoh dan kemudian *private sector* disyaratkan mesti ada pusat asuhan kanak-kanak ini kerana ramai wanita kurang *mobility*. Mereka tidak mendapat promotion memegang jawatan yang lebih tinggi kerana mereka tidak dapat travel kerana banyak jawatan tinggi perlu berjalan ke sana sini. Kerana hendak menjaga keluarga dan anak-anak, mereka tidak dapat berbuat demikian. Maka, pusat asuhan kanak-kanak akan menolong mereka.

Yang agak penting seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Klang bahawa kita perlu adakan satu jadual (time frame), umpamanya dalam tahun ini, apakah objektif kita? Apakah yang kita hendak capai dalam tahun ini? Dan tahun yang kedua, apakah yang kita hendak capai? Kerana saya rasa sudah ada banyak pelan tindakan. Yang penting adalah pelaksanaan dan ramai wanita di luar sana menunggu untuk melihat prestasi Yang Berhormat. Jangan kecewakan kami.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Dewan ini mengenai fakta-fakta mengenai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Damansara yang tidak diberitahu oleh Menteri Pendidikan kepada Dewan ini. Saya rasa ini adalah penting kerana apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan juga Yang Berhormat bagi PJ Utara tidak secara keseluruhan. Mereka tidak memberitahu semua faktanya. Yang dikatakan alasan untuk menutup SRJK(C) Damansara kerana keselamatan dan pencemaran. Ini adalah fakta yang berasaskan EIA yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk Lebuhraya SPRINT yang dikatakan tahap kebisingan sepanjang Jalan Damansara antara 64 hingga 75 DBA berada dalam lingkungan selamat.

Sekolah Damansara tidak menghadapi masalah pencemaran kerana menurut laporan EIA untuk Lebuhraya Sprint oleh Jabatan Alam Sekitar, sulfur dioxide dan nitrogen dioxide tidak dapat dikesan di sepanjang jalan Damansara. Yang dikatakan menghadapi masalah keselamatan juga dinafikan kerana;

- (i) sepanjang 70 tahun yang lepas tidak pernah berlaku kemalangan serius yang melibatkan murid-murid dan ibu bapa;
- (ii) bilik darjah yang paling dekat jaraknya lebih daripada 140 kaki daripada Lebuhraya Sprint.
- (iii) dengan pembinaan Lebuhraya Sprint kenderaan yang tidak perlu melalui pinggir Kampung Baru Damansara kini sebenarnya disusur ke lorong luar.

Bagi murid dari kampung berjalan kaki ke sekolah adalah paling tidak selamat. Mereka tidak perlu melalui lebuhraya. Masalah kesesakan murid menghendaki pembinaan sekolah baru bukan menyebabkan penutupan sekolah lama. Apa yang diminta oleh sekolah ini ialah supaya mengadakan cawangan sekolah kerana terdapat terlalu ramai murid yang tidak boleh ditampung oleh sekolah ini. Maka yang perlu ialah menambah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan bukan tutup sekolah ini. Itu dikatakan atas permintaan PIBG dan juga jawatankuasa sekolah itu. Itu tidak benar. Permintaan asalnya ialah untuk mengadakan sekolah tambahan kerana terdapat terlalu banyak murid di sekolah itu. Dan selepas itu ada wakil MCA menasihatkan kerana dia kata kalau pohon untuk tambah cawangan sekolah mungkin tidak boleh dapat, tidak boleh lulus. Permohonan untuk pindah sekolah itu baru dapat diluluskan. Maka mereka pun mengikut nasihat MCA. Dan sekarang dikatakan sekolah itu mesti ditutup.

Dato' Yap Pian Hon: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, ya Serdang.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih. Untuk penjelasan daripada Yang Berhormat tadi itu, siapa Yang Berhormat katakan MCA telah menasihatkan untuk membuat satu keputusan yang lain itu. Siapa MCA itu?

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya baca di dalam majalah. Dia ada satu interview dengan Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara katakan dia terus berbincang dengan penduduk di sana dan dia sendiri kata ada yang setuju dan ada yang tidak setuju tetapi dia kata sebagai Wakil Rakyat dia perlu membuat satu *judgement* dan dia buat *judgement* itu. Dan satu fakta yang penting tidak diberitahu Dewan ini ialah keputusan SJK(C) Damansara dalam UPSR adalah antara terbaik di Selangor. Pada tahun 1997, 25 orang mendapat 7A dan selebihnya mendapat 4A dan 6A. Komuniti tempatan ialah penduduk dan pemilik sekolah ini walaupun dia katakan sekolah ini ialah pemilihan kerajaan. Itu pun betul tetapi penduduk di Kampung Baru Damansara pun ada membuat sumbangan (*contribution*). Bilik-bilik darjah ialah dibina dengan derma wang rakyat termasuk mereka di kampung itu. Satu dewan serba guna yang baru dibina dua tahun yang lalu menelan kos RM270,000 iaitu datang dari derma rakyat di sana. Maka dikatakan sekolah ini adalah seperti surau di kampung. Dia di jarak

berjalan kaki. Dan surau itu juga adalah sumbangan dari orang kampung. Seperti itulah sekolah ini kepada orang kampung baru ini.

Ada satu alasan yang diberi oleh Menteri Pendidikan mengatakan kerana paip najis pecah dan tandas-tandas tersumbat. Maka perlu juga segerakan pemindahan sekolah ini. Saya hendak tanya adakah Menteri Pendidikan akan berpindah rumah kerana paip najis rumahnya pecah ataupun tandasnya sumbat. Ini bukan alasan yang boleh diterima dan Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara diberi satu gambaran bahawa hanya pembangkang yang membantah. Ini tidak betul sama sekali. Gerakan sudah secara terbuka mengatakan mereka menyokong supaya kerajaan jangan tutup sekolah ini. Kita ada senator yang baru di dalam Dewan ini, PPP pun kata kita akan menolong. Benarkah? Kalau tidak benar boleh cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan cabar macam itu tidak baiklah.

Datuk M. Kayveas: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta penjelasan boleh. Kalau hendak menjawab cabaran tidak guna. Minta penjelasan saya benarkan.

Datuk M. Kayveas: Yang Berhormat, PPP bersetuju untuk apa ini?

Puan Chong Eng: PPP telah bersetuju apabila berjumpa dengan jawatankuasa sekolah ini mengatakan akan menolong mereka menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah buat persoalanlah.

Puan Chong Eng: Tidak payahlah ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Buat begitu cukuplah.

Puan Chong Eng: SUPP....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah cukup.

Puan Chong Eng: Wakil SUPP pun mengatakan me reka akan menolong.

Seorang Ahli: Presiden MIC.

Puan Chong Eng: Presiden MIC pun katakan beliau akan menolong seperti beliau menolong menyelesaikan masalah tanah kubur Kwong Tong sesi yang lalu. Bukan hanya Dong Jiao Zhong, DAP, Parti KeADILan, PAS, Gerakan, SUPP...

Seorang Ahli: PPP

Puan Chong Eng: PPP tidak mahu kiralah dia tidak akui dan MIC katakan mereka menyokong pendirian sekolah Dong Jiao Zhong ini. Semua pemimpin-pemimpin pertubuhan Cina, semua Chinese Town Hall juga mengeluarkan pendirian mereka menyokong bahawa patut mengekalkan sekolah ini. Mereka bertanya apakah keburukan akan datang kalau kekalkan sekolah ini. Sekolah ini masih baik. Semua bilik-biliknya adalah baik. Apakah perlu menutupnya? Masalahnya ialah tidak cukup sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Mengapa hendak tutup. Bukan sahaja semua masyarakat Cina kecuali MCA dan bukan semua MCA pula - separuh MCA sahaja yang dikatakan Ketua Pemuda MCA yang mengatakan dia mengadakan perjumpaan untuk melaporkan isu ini di Klang. Dan dia dimarahi oleh orang-orang di sana. Mereka menanyakan kalau dikirakan kemanusiaan, ini tidak berperikemanusiaan. Kalau dikirakan undang-undang, apakah undang-undang ini hendak tutupkan sekolah. Kalau dikatakan *rationality*, apakah rasionalnya? Tidak cukup sekolah tetapi hendak tutup sekolah. Maka sekarang hanya separuh MCA yang masih sokong ...

Dato' Yap Pian Hon: [Bangun]

Puan Chong Eng: Nanti, nanti. ...masih sokong keputusan Menteri Pendidikan. Di sini dikatakan MCA Puchong, Chuang Shu Hua Yen Branch, cawangan Taman Diomand. Tidak tahu cawangan apa itu. Dia katakan kalau MCA berjanji sehidup semati dengan sekolah rendah jenis kebangsaan mengapa sekarang hendak tutup sebuah sekolah SRJK(C)? Ini branch MCA yang kata. Wakil rakyat MCA di Perak sendiri kata ini tidak patut. Dan ada pemimpin tempatan...

Dato' Yap Pian Hon: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat ya.

Puan Chong Eng: Nanti, nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serdang.

Puan Chong Eng: Pemimpin tempatan MCA di Bukit Mertajam terang-terang mengatakan bahawa Menteri Pendidikan ini tidak layak menjadi Menteri Pendidikan. Apa sebabnya? Kerana apabila ibu bapa-ibu bapa hendak berjumpa

dengan dia untuk berbincang mengenai masalah ini, beliau enggan berjumpa mereka. Apabila ada pilihan raya, semua Barisan Nasional, kami pernah pergi jadi rakyat hendak *shake-hand* dengan mereka, salam dengan mereka – tolong-tolong sokong tetapi sekarang jadi kerajaan, rakyat hendak berjumpa, tidak mahu berjumpa. Tidak mahu berjumpa pun tidak ada. Waktu itu ialah Tahun Baru Cina.....

Dato' Yap Pian Hon: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serdang berdiri, Yang Berhormat, hendak minta penjelasan.

Puan Chong Eng: Nanti, nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: yang Berhormat jangan cakap nanti begitu. Bagi cakap bagi.

Puan Chong Eng: Tak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa....

Puan Chong Eng: Waktu Tahun Baru Cina, Tahun Baru Cina orang berikan Mandarin Orange sebagai satu tanda mesra. Ini adalah sangat penting. Kepada orang Kantonis orange ini ialah 'kum'. 'Kum' ialah 'gold' sebagai satu tanda yang mesra, yang baik tetapi Menteri Pendidikan sepatutnya seorang yang intelektual, yang beriman, yang berbudi ini, orang bagi kepada dia, dia buang di depan ibu bapa ini bersama-sama dengan memorandum.

Tuan Lim Hock Seng: Campak dari kereta.

Puan Chong Eng: Dan kelakuan ini dikatakan oleh pemimpin tempatan MCA, ini kelakuan samseng, [*Tepuk*] bukan kita yang kata, bukan pihak pembangkang yang kata, MCA sendiri yang kata.

Dato' Yap Pian Hon: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serdang berdiri, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ini adalah samseng.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini Serdang...

Puan Chong Eng: Tak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Aalah, takut apa? Minta penjelasan tak bagi.

Puan Chong Eng: Kerana tak ada masa, tak bagi. Ibu bapa ini pun sudah pergi berjumpa dengan Yang Berhormat bagi Serdang. Yang Berhormat Serdang kata ini

Dato' Zainal Abidin bin Zin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini ada Timbalan Menteri berdiri, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:bukan di dalam kawasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi?

Puan Chong Eng: Nanti, nanti.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Minta penjelasan.

Puan Chong Eng: Saya habis ini dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cakap bagi atau.....

Puan Chong Eng: Saya habis ini dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cakap bagi ataupun tidak bagi sahajalah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya habis ini dulu, nanti. Yang Berhormat bagi Serdang katakan ini bukan dalam kawasan saya, saya tidak boleh campur tangan....

Dato' Yap Pian Hon: Itu bohong!

Beberapa Ahli: Bohong ya.

Puan Chong Eng: Ini, ini....

Dato' Yap Pian Hon: Ini sekali, Yang Berhormat bohong di sini.

Puan Chong Eng: Ini kalau bohong....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serdang minta penjelasan mintalah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: Kalau bohong jelaskan di luar.

Dato' Yap Pian Hon: Tidak boleh, saya minta penjelasan.

Puan Chong Eng: Tak perlu. Saya berikan kepada Timbalan Menteri.

Dato' Yap Pian Hon: Itu takut! Tak perlu hendak jumpa saya, nampak bohong, bera ni bohong di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serdang, Serdang ya. Sila, sila. Timbalan Menteri ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang telah menuduh bahawa ada pemimpin MCA tempatan. Saya ingin supaya Yang Berhormat menyebut nama mereka kerana banyak MCA tempatan. Kemungkinan ada yang tidak terlibat.

Puan Chong Eng: Boleh, boleh. Boleh, boleh. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya sebutkan namanya, dia pun akan kata mungkin dia pun tidak kata tetapi saya tidak bawa *news cutting*lah tetapi itu ialah pegawai-pegawai pembangunan luar bandar Seberang Prai Tengah. Boleh siasat, tidak perlu percaya apa yang saya kata. Boleh buat siasatan sendiri. Mengapa masyarakat Cina merasa begitu kecewa dan marah dengan sebuah sekolah. Ini bukan sebuah sekolah. Ketua Pemuda MCA sendiri berkata ini ialah reaction "satu kali digigit ular sepuluh tahun takut kepada tali" kerana sudah beberapa tahun ini ataupun sejak merdeka sekolah Cina tidak diberi layanan yang adil walaupun Menteri Pendidikan kata kita beri layanan yang adil. Sekolah Kebangsaan pun begitu juga.

Dato' Hon Choon Kim: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Timbalan Menteri.

Puan Chong Eng: Yang Berhormat boleh jawab nanti. Tak perlu ambil masa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak bagi ya.

Dato' Hon Choon Kim: Minta penjelasan.

Puan Chong Eng: Tak beri.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Hon Choon Kim: Jawab tetap jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi atau tidak bagi?

Puan Chong Eng: Jangan buang masa saya, tolong, tolong.

Dato' Hon Choon Kim: Penjelasan.

Puan Chong Eng: Tolong, tolong. Tak beri. Sila beritahu tak beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak bagi? Ha, dia tak bagi, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Teruklah!

Puan Chong Eng: Saya hendak beri angka-angka di sini bahawa dari tahun 1968 hingga sekarang, jumlah bilangan murid di SRJK(C) telah berlipat-ganda tetapi jumlah bilangan sekolahnya, sekolah tidak tambah tidak apa tetapi kurang, sudah kurang 48 buah sekolah. Peruntukan untuk sekolah kebangsaan SRJK(C) dan juga SRJK(T) ialah secara purata setiap orang murid di SRJK(C) di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh mendapat RM43.41. Setiap orang murid di sekolah kebangsaan mendapat RM482.64. Jauh perbezaan dan setiap murid di sekolah rendah jenis Tamil mendapat RM106.18. Semua berbeza-beza tetapi murid di sekolah rendah jenis kebangsaan terendah sekali.

Ini tidak menunjukkan bahawa semua rakyat di negara ini diberi layanan yang sama. Itulah dan saya juga hendak berikan angka. SRJK(C) yang akan dibina di kawasan Petaling Jaya yang dikatakan dalam *structural plan* PJ akan ada 35 buah sekolah rendah akan dibina di dalam kawasan PJ, tak ada sebuah pun ialah SRJK(C) – sekolah rendah jenis kebangsaan dan keadaan ini bukan *isolated* ataupun bukan khasnya kepada PJ sahaja, ia merata-rata di seluruh negara.

Apakah rasionalnya yang mengadakan satu polisi yang mengatakan bahawa tidak boleh membina lebih banyak lagi SRJK(C) – sekolah rendah jenis kebangsaan. Pada halnya kita katakan sekarang kita telah masuk k-ekonomi, *knowledge economy* yang kita perlukan pelbagai *talent* – orang yang boleh bercakap, bertutur menguasai pelbagai bahasa dan ada juga Yang Berhormat Parit Sulong pun pernah berkata walaupun beliau sangat Melayu tetapi kadang-kadang beliau pun kata bahasa Mandarin adalah merupakan bahasa yang kedua besar digunakan di dalam *cyber space* ataupun di dalam dunia dan kita semua perlu belajar bahasa Mandarin.

Menteri Kesihatan MCA pun pernah kata kita semua perlu belajar Mandarin tetapi sekiranya kita hendak tutupkan, kita tidak mahu membina lebih banyak sekolah SRJK(C) bagaimana anak-anak kita ada peluang untuk pergi ke sekolah rendah jenis kebangsaan. Pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya murid Cina di sekolah Cina tetapi ada 70,000 yang bukan Cina sekarang juga belajar di SRJK(C), sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Sebelum pilihan raya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memuji sekolah Cina kerana semangatnya untuk memberi sumbangan kepada sekolah-sekolah ini supaya ia mengadakan facility yang baik dan keputusan yang baik. Dan telah berjaya mengeluarkan ramai profesional untuk negara ini tetapi selepas pilihan raya hendak tutup sekolah rendah jenis kebangsaan.

Sebelum pilihan raya dikatakan Suqiu itu boleh diterima tetapi selepas pilihan raya dikatakan Suqiu itu seperti komunis. Ini bukan satu pemimpin dan bukan sebuah kerajaan yang boleh dipercayai. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lima minit lagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ya, ya. Saya hendak merayu, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh sekolah pendidikan bahasa Cina, bahasa ibunda sudah lama di negara ini. Dan saya harap ia dilihat dari segi pendidikan dan bukan dari segi politik....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong hendak minta penjelasan, beri?

Puan Chong Eng: Tidak beri, tadi saya minta dia tidak beri.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak tanya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak beri Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:anak dia bersekolah di SRJK(C) kah atau tidak?

Puan Chong Eng: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak beri.

Puan Chong Eng: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak beri.

Puan Chong Eng: Ya, anak saya belajar di SRJK(C) Sekolah Peng Hua. Dia sekarang sudah habis belajar di Sekolah Peng Hua dan anak saya yang bongsu itu akan juga pergi ke SRJK(C).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat ya.

Puan Chong Eng: Tidak perlu bimbang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada tiga minit lagi ya.

Dato' Hon Choon Kim: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: Yang penting ialah Timbalan Menteri Pendidikan - MCA mengatakan ibu bapa orang Cina tidak mahu

Dato' Hon Choon Kim: Minta penjelasan[*Disampuk*]

Puan Chong Eng: ..nanti, tidak perlulah, nanti dia boleh jawab

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Bukan jawab, penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, beri atau tidak beri Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Tidak perlu, tidak perlu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Beri atau tidak beri?

Puan Chong Eng: Tidak beri.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Hei, tidak beri cakap tidak beri, apalah!

Puan Chong Eng: Tolong beritahu tidak beri. Beliau di Pulau Pinang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: ...beliau di Pulau Pinang mengatakan orang Cina sendiri tidak mahu menjadi guru, bagaimana ada guru, itulah sebabnya kekurangan guru yang hendak mengajar bahasa Mandarin, maka ramai orang yang marah di Pulau Pinang. Mereka kata, *“Adakah hanya anak-anak Menteri yang boleh menjadi profesional, yang boleh menjadi lawyer, menjadi doktor dan anak orang lain mesti menjadi guru.”*

Itu bukan sebabnya kekurangan guru berbahasa Cina

Tuan Ronald Kiandee: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat minta penjelasan. Ya.

Puan Chong Eng:berbahasa Cina.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak beri Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Tidak mahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak beri.

Puan Chong Eng:yang utamanya, sebab utamanya ialah kerana pendidikan bahasa Mandarin tidak diberi perhatian berat. Ada banyak sekolah, kelas bahasa ibundanya tidak boleh dijalankan kerana tidak diuruskan dan sekiranya kita ada kekurangan guru, mengapa tidak mengakui sijil-sijil peperiksaan bersatu sekolah menengah persendirian Cina (Unify Tong Tau) *[Disampuk]* Unify Exam. *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Yang sijil ini ia diakui di seluruh dunia tetapi tidak di negara sendiri oleh kerajaan sendiri. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: TAR College pun tidak terima sijil ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah habis. Saya tidak kira sijil-sijil. Saya kira masanya sudah habis ya. Saya harap habis, Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Saya gulunglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gulung pun janganlah

Puan Chong Eng: Lebih kuranglah, saya rasa sudah sampai masa Kerajaan Barisan Nasional mengadakan pendekatan (*approach*) yang baru, yang adil. Jika tidak, apa yang berlaku di Lunas akan berlaku lagi. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya akan beri Sandakan.

4.26 ptg.

Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi perbahasan Titah Ucapan Diraja di persidangan Parlimen pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali ingin saya menyentuh mengenai hubungan dagangan di antara Sandakan dan Zamboanga. Apa yang saya perhatikan, Sandakan dan Filipina Selatan mempunyai hubungan dagangan yang amat menggalakkan dan mempunyai potensi yang tinggi untuk memajukan ekonomi dan taraf hidup penduduk Sandakan.

Sebagai usaha untuk memperluas dan meningkatkan kemudahan perkhidmatan terminal bagi memudahkan lagi aktiviti dagangan dijalankan, sebuah

terminal yang besar dan kekal telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk memenuhi pertumbuhan trafik jangka panjang.

Walau bagaimanapun, buat masa ini masih belum ada lagi penerbangan berjadual sama ada di antara Sandakan-Kota Kinabalu dengan Zamboanga ataupun dengan daerah-daerah yang lain di Selatan Filipina. Adalah tepat pada masanya bagi Sistem Penerbangan Malaysia mengadakan Sistem Penerbangan Berjadual, sama ada di antara Sandakan – Kota Kinabalu ke Zamboanga ataupun ke daerah lain di Selatan Filipina.

Sistem ini nanti bukan sahaja dapat meningkatkan perniagaan Sandakan dan Zamboanga malah akan mempengaruhi dan meningkatkan ekonomi Sandakan mahupun dalam BIMP-EAGA menerusi Air-Linkage. Secara langsung Sistem Penerbangan Malaysia juga akan mendapat faedah dan keuntungan daripada strategi ini sekiranya ia dilaksanakan.

Tidak dinafikan bahawa masalah masih timbul dalam kemajuan bidang kastam, imigresen dan kuarantin, cukai dan levi. Adalah tepat masanya kerajaan menyebarkan garis panduan dan maklumat kepada pihak-pihak berkenaan agar dapat menggunakan satu sistem yang baik dan selaras dengan membantu pengaliran perniagaan tanpa halangan atau rintangan.

Selain itu, masih ada kekurangan dalam tenaga kerja Jabatan Imigresen untuk mengurus trafik di terminal feri dan akhirnya menyebabkan keadaan menjadi sesak. Ada juga aduan penumpang dilayan dengan buruk. Sebagai jalan penyelesaian, pihak berkenaan hendaklah mengkaji dan menambah latihan kesopanan stafnya. Kemudahan yang cekap dan tenaga kerja yang sopan-santun adalah penting untuk mempromosikan aktiviti-aktiviti perdagangan di antara negara.

Akhir sekali, saya berharap agar kementerian dan jabatan-jabatan yang bertanggungjawab dapat memastikan kemudahan-kemudahan yang lengkap dan cekap disediakan supaya perkhidmatan dan perniagaan sama ada di antara Sandakan–Kota Kinabalu dengan Zamboanga ataupun dengan daerah-daerah yang lain di Selatan Filipina dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah penculikan di Pulau Pandanan dan Sipadan baru-baru ini. Kini keselamatan di laut-laut dan pulau-pulau resort di Sabah lebih terjamin kerana kerajaan telah mengarahkan anggota-anggota penyelamat seperti Pasukan Gerakan

Am (PGA) Navy dan Polis Marin untuk mengawasi dan meronda setiap kepulauan dan laut-laut yang terdapat di Sabah.

Satu jawatankuasa keselamatan telah ditubuhkan di antara Malaysia dengan Filipina, ianya juga lebih dikenali sebagai Border Patrol Coordinating Group (BPCG), dengan izin, yang bertujuan untuk memastikan keselamatan sempadan di antara kedua-dua negara terkawal daripada dicerobohi oleh anasir-anasir luar. Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan Eksais, Navy, Tentera Udara dan Polis Marin juga turut serta membantu merealisasikan matlamat itu. Syabas dan tahniah kepada pasukan Navy Sandakan dan Selatan Filipina yang telah mengadakan operasi menjaga sempadan di antara kedua-dua negara baru-baru ini. Ini merupakan satu petanda baik, di mana kerajaan mengambil berat tentang keselamatan di perairan Sabah.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Walaupun sudah ada usaha-usaha dan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menenteramkan kembali keselamatan di Sabah tetapi masalah masih wujud lagi dalam sektor pelancongan di Sabah. Apa yang berlaku sekarang ini ialah bilangan para pelancong yang berkunjung ke Sabah semakin berkurang, ini adalah kerana kurangnya keyakinan para pelancong untuk datang ke Sabah selepas kejadian yang menimpa Sabah baru-baru ini.

Saya difahamkan kerajaan Jepun, United States, Australia dan New Zealand telah mengeluarkan satu notis amaran kepada semua pelancong dan agensi-agensi pelancongannya, agar tidak berkunjung ke pulau-pulau peranginan di Sabah kerana mereka berpendapat keselamatan di Sabah masih tidak terkawal. Jika masalah ini dibiarkan berlanjutan, sudah pasti ekonomi negara dalam sektor pelancongan khususnya bagi pulau-pulau resort di Sabah akan merosot. Sehubungan dengan itu, tindakan atau kempen-kempen perlu dilakukan oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan Negeri untuk mengembalikan keyakinan para pelancong asing untuk datang kembali ke Sabah.

Adalah amat dukacita difahamkan bahawa beberapa buah negara Barat sama ada cuai, tidak berminat atau kekurangan informasi sehingga tidak sudi tahu atau mengkaji kedudukan geografi negara-negara ASEAN. Contohnya, kejadian demonstrasi di Kalimantan, Indonesia, telah disalah anggap sebagai negeri Sabah kerana nama Borneo digunakan dalam media massa. Akibatnya, pelancong-

pelancong dari negara Barat enggan melawat Sabah. Adalah satu kebaikan kepada setiap diri para pelancong untuk mempertingkatkan pengetahuan kedudukan geografi dan mengikuti kempen-kempen kesedaran yang dijalankan bagi mengelakkan kekeliruan dan ketidakfahaman.

Syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Pusat di atas perhatian dan tindakan yang diambil untuk mengembalikan keyakinan para pelancong dari negara Barat untuk berkunjung ke Sabah. Saya difahamkan dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahawa jika dahulunya hanya terdapat 45 buah tempahan sahaja daripada juruselam dari negara United States, selepas berlakunya insiden di Pulau Sipadan pada bulan April yang lalu, kini jumlah itu telah meningkat kepada 100 buah tempahan pada tahun ini. Ini menunjukkan adanya peningkatan terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan negeri.

Sebenarnya dalam hal ini Kerajaan Pusat haruslah turut sama membantu kerajaan negeri mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran bagi mengembalikan keyakinan para pelancong asing untuk kembali ke Sabah. Sekiranya masalah ini tidak diperlukan dan dibiarkan berlanjutan, sudah pasti para pengusaha pulau-pulau resort seperti Sipadan, Pandanan, Maboh dan yang lain akan menghadapi tekanan dalam memperkembangkan industri tersebut. Masalah juga akan timbul dalam membayar gaji dan kos-kos perkhidmatan yang lain. Oleh itu, kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan diperlukan dalam hal ini.

Industri pelancongan di Sabah memerlukan sokongan dan dorongan yang kuat untuk menarik semula minat pelancong datang ke Sabah. Oleh itu, saya amat berharap tindakan susulan dan promosi secara besar-besaran dapat dilaksanakan untuk mempromosikan Sabah kepada pelancong-pelancong di seluruh pelosok dunia.

Tuan Yang di-Pertua, arus pembangunan negara kita adalah semakin pesat dan berkembang maju tetapi masih wujud lagi masalah penduduk tempatan dan pendatang asing yang tinggal di kawasan perumahan setinggan. Masalah ini bukan sahaja berlaku di Semenanjung Malaysia, malah Sabah juga turut sama menghadapinya. Apa yang menjadi masalahnya ialah apabila operasi pemeriksaan dan penangkapan dijalankan oleh pihak polis dan Pasukan Gerakan Am (PGA), masalah akan timbul untuk mengenal pasti pendatang asing untuk dihantar semula ke negara asal mereka. Akibatnya pihak polis dan pasukan PGA tidak dapat menjalankan operasi mereka dengan lancar.

Untuk mengatasi masalah itu, kerajaan telah membuat satu perancangan dengan membina perumahan kos rendah bagi menempatkan penduduk-penduduk tempatan di bawah Rancangan Malaysia Ke-7. Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sebanyak 6000 unit kepada negeri Sabah untuk pembinaan rumah kos rendah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri. Saya difahamkan, 3000 unit rumah kos rendah telah diperuntukkan bagi Bandaraya Kota Kinabalu, 1000 unit bagi daerah Tawau, 1000 unit lagi bagi daerah Sandakan dan yang selebihnya adalah untuk daerah yang lain.

Walau bagaimanapun, jumlah unit rumah kos rendah yang diperuntukkan itu masih tidak mencukupi untuk menempatkan penduduk-penduduk tempatan yang masih tinggal di kawasan perumahan setinggan, khasnya di Sandakan.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana telah mengemukakan satu berita yang baik, di mana sebanyak RM2 bilion telah diperuntukkan untuk membangunkan Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Ke-8 yang akan disalurkan kepada negeri Sabah bagi memenuhi keperluan penduduk Sabah. Saya yakin sekiranya program ini dilaksanakan, sudah pasti masalah perumahan setinggan akan dapat diatasi.

Oleh itu, saya berharap

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan Datoh bagun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Adakah Yang Berhormat menyedari bahawa permasalahan untuk membina rumah di Sabah ini adalah masalah penganugerahan tanah yang agak sulit untuk diserahkan kepada JPM ataupun kepada SPN kerana tanah-tanah berkenaan telah diserahkan kepada sebuah badan yang bakal membina rumah-rumah untuk kawasan-kawasan yang Yang Berhormat sebutkan. Adakah kaedah tertentu agar kerajaan negeri dapat menyerahkan tanah-tanah kerajaan negeri itu kepada agensi atau badan-badan Kerajaan Persekutuan untuk membantu Kerajaan Negeri Sabah bagi membina lebih banyak rumah sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat tadi?

Datuk Lau Ngan Siew: Kalau saya tidak salah dimaklumkan adakah Yang Berhormat bagi Bagan Datoh mengatakan ada satu badan yang sekarang dijalankan bagi membantu rumah terbengkalai di Sabah dan maklumat itu kalau tidak salah

saya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang ada di Sabah memberi maklumat kepada rakyat yang membantu Sabah membina banyak rumah di kawasan yang sedia ada. Di mana sekarang.... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah Yang Berhormat?

Datuk Lau Ngan Siew: Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak dapat carikah?

Datuk Lau Ngan Siew: Oleh itu, saya berharap kementerian akan melaksanakan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Rancangan Malaysia Kelapan secepat mungkin bagi kemudahan perumahan penduduk-penduduk khasnya di Sandakan di seluruh Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia buat masa ini tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada industri kelapa sawit sahaja sebagai industri sumber utama. Ini adalah kerana harga CPO di pasaran antarabangsa telah jatuh dan kian merosot iaitu daripada RM2,377 setan pada tahun 1998 jatuh kepada RM996.50 pada tahun 1999 dan sehingga tahun 2000 harga sawit semakin jatuh kepada RM800 setan. Walaupun kerajaan telah menurunkan cukai eksport daripada RM11 setan kepada RM7 setan untuk membantu pihak pengeksport kelapa sawit tetapi itu masih tidak dapat meringankan beban mereka dalam menghadapi masalah kejatuhan harga sawit.

Walau bagaimanapun, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi kerana telah mengambil tindakan dengan memberikan insentif sebanyak RM12 setan kepada para pengusaha FELDA sehingga harga komoditi sawit kembali stabil. Sebenarnya usaha-usaha itu masih belum mencukupi untuk membantu para pekebun kecil menghadapi masalah yang sedia ada.

Saya difahamkan pada setiap tahun mereka perlu membayar levi pekerja sebanyak RM1,800 untuk seorang, kemudian bayaran perkhidmatan *medical check-up* RM180 seorang dan ini masih belum termasuk lagi untuk bayaran cukai-cukai lain yang akan dikenakan. Selain itu, mereka juga perlu menyelesaikan hutang pinjaman di bank-bank berkenaan mengikut prosedur dan tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak bank. Sekiranya para pekebun kecil tidak dapat menyelesaikan hutang tersebut maka tanah dan kebun-kebun milik mereka akan dilelong. Kesudahannya syarikat-syarikat perladangan yang besar akan memperoleh keuntungan kerana

syarikat berkenaan dapat membeli tanah dan kebun-kebun mereka dengan harga yang murah.

Saya difahamkan kerajaan telah mengadakan satu bantuan kewangan untuk membantu pekebun-pekebun kecil menghadapi masalah ini. Syabas dan tahniah atas kerjasama dan keprihatinan yang diberikan oleh kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil kita. Di samping itu, kerajaan juga telah merancang beberapa strategi bagi membantu pekebun-pekebun kecil mengatasi masalah yang sedang dihadapi.

Di antara cadangan-cadangan yang telah dirancang oleh kerajaan termasuklah:

- (i) menghapuskan cukai eksport kelapa sawit;
- (ii) memberikan subsidi dan insentif-insentif yang berguna kepada pekebun-pekebun kecil;
- (iii) mengawal hasil keluaran kelapa sawit di pasaran antarabangsa;
- (iv) menanam semula sekurang-kurangnya 200,000 hektar tanaman lain untuk menggantikan penanaman kelapa sawit yang dapat bertahan selama 25 tahun. Dalam kes pekebun-pekebun kecil, mereka boleh menggabungkan kebun-kebun kecil mereka sehingga mencukupi kepada 200,000 hektar sebagai mereka mendapat bantuan subsidi dari kerajaan;
- (v) mengadakan hubungan perdagangan dengan negara lain melalui cara sistem *barter*. Contohnya, mengadakan pertukaran bahan mentah kelapa sawit kepada perkhidmatan seperti membina landasan kereta api di mana dengan cara ini kos perbelanjaan dapat dikurangkan;
- (vi) menggantikan minyak diesel kepada minyak kelapa sawit dengan penggunaan kereta ataupun stesen janakuasa. Syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana cadangan ini telah pun dilaksanakan dan akan dimulai dengan tiga buah stesen janakuasa Tenaga Nasional Berhad dalam tempoh masa yang terdekat ini.

Selain itu, pada pandangan saya ada dua cara lain lagi yang dapat membantu para pekebun kecil mengatasi masalah ini selain daripada cadangan-

cadangan yang telah dirancang oleh kerajaan iaitu dengan cara mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) mengurangkan levi dan *medical check-up* bagi pekerja-pekerja pekebun kecil kelapa sawit;
- (ii) menyediakan gudang *bulking* di Sabah untuk menyimpan stok kelapa sawit yang berlebihan untuk jangka masa yang panjang sehingga ada permintaan dari pemborong untuk membelinya;
- (iii) sehubungan dengan itu, PORLA haruslah meluluskan lebih banyak lagi lesen yang dipohon khasnya oleh pengusaha kilang kelapa sawit supaya mereka dapat menjadi pembeli hasil tanaman mereka sendiri melalui sistem *bulking* tanpa bergantung kepada pengusaha refinari. Dengan itu, pengusaha-pengusaha kilang hendaklah menubuhkan suatu konsortium untuk berkongsi kos dan merancang strategi pemasaran.

Sesungguhnya, saya amat yakin dan percaya bahawa sekiranya cadangan-cadangan tersebut dilaksanakan pastinya ia akan dapat membantu negara dan para pengusaha pekebun kecil mengatasi masalah yang sedang dihadapi.

Oleh yang demikian, saya amat berharap kepada kerajaan agar mengambil perhatian yang serius terhadap masalah ini dan seterusnya akan melaksanakan strategi-strategi yang telah dirancang bagi memastikan industri perusahaan sumber bahan mentah negara kita dapat diteruskan tanpa menghadapi sebarang kesulitan.

Akhir sekali, saya amat menyokong penuh perbahasan Titah Diraja pada persidangan Parlimen 2001 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Kedah.

4.52 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bismillahir-rahmanir-rahim. Saya rasa amat lega, gembira, terharu tidak terkira apabila Majlis Raja-Raja pada hari ini mengambil keputusan tidak akan menggugurkan nama 'Islam' daripada mana-mana pertubuhan. *[Tepuk]*

Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t. dengan ini kalau hendak berlaku pertemuan dengan UMNO, satu syarat telah pun tergugur iaitu buang nama 'Islam' itu, Majlis Raja-Raja telah mengambil keputusan tidak perlu gugur nama 'Islam'

kepada mana-mana pertubuhan. Dengan itu kita harap Malaysia akan lebih aman dan akan lebih tenteram, kita akan bergerak seperti 43 tahun dahulu, selepas merdeka untuk menjaga keamanan negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah dengan keputusan oleh Majlis Raja-Raja tadi, dengan secara tidak langsung mempunyai implikasi yang cukup jelas kepada PAS sebagai sebuah parti Islam, di mana PAS akan melaksanakan dasar-dasar Islam sepenuhnya di negara ini atau di negeri-negeri yang dikuasai oleh PAS melaksanakan perundangan, pentadbiran dan hukum-hukum syarak mengikut Islam sepenuhnya atau adakah tempelan sahaja atau adakah omongan kosong sahaja, retorika ataupun hanya lahiriah sahaja?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kita akan berusaha ke arah itu dan perkara itu telah diterangkan oleh Ketua Pembangkang yang juga Presiden PAS dengan secara yang detail. Soal saya kata semalam bahawa kebelakangan ini orang mula cenderung menyokong PAS bukan kerana nama parti itu, pernah di atas nama parti Islam itu kita dapat satu kerusi pada tahun 1955, di atas nama parti Islam itu juga kita hilang mentadbir negeri Kelantan, atas nama parti Islam itu juga kita hilang kosong kerusi di negeri Terengganu, atas nama parti Islam itu juga kita dapat satu kerusi Parlimen tahun 1986, atas nama parti Islam itu juga kita hilang semua deposit ketika kita bertanding di Sabah, atas nama parti Islam itu juga kita mendapat 27 kerusi sekarang.

Kemenangan kita bukan kerana namanya itu tetapi kerana hasil daripada kerja kuat pihak kami dan juga kesilapan-kesilapan daripada parti lawan kami.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata hari ini keputusan hari ini kita tidak akan gunakan untuk kita kata memperleceh sesiapa, cuma kita terima dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berazam untuk bekerja dan kalau hendak ambil alih pemerintahan ini melalui pilihan raya, ini komitmen yang begitu jelas, untuk kita terlibat dalam pilihan raya, rakyat hendaklah diberi maklumat supaya bila mereka keluar mengundi, mereka dapat maklumat daripada semua sumber. Pihak pemerintah boleh menggunakan TV, radio, akhbar untuk memberi maklumat hal parti

mereka. Maklumat yang kami boleh beri melalui akhbar terlalu sempit, kalau ada pun hanyalah melalui ceramah. Oleh itu, kita harap

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hanya hendak mendapat pandangan, penjelasan Yang Berhormat daripada keputusan Majlis Raja-Raja hari ini, Yang Berhormat kata kita patut bersyukur. Adakah hanya sekadar cukup bersyukur ataupun Yang Berhormat bersetuju bahawa segala tohmahan PAS selama ini yang mengatakan seolah-olah kerajaan menguasai Majlis Raja-Raja, kerajaan menguasai semuanya, apa sahaja dalam Malaysia ini, semua kerajaan boleh kuasai.

Adakah dengan keputusan Majlis Raja-Raja ini menunjukkan bahawa setiap independent body, Majlis Raja-Rajanya, kehakimannya dan lain-lain body - separation of power ini, ia sebenarnya berdiri dengan tersendiri dan masing-masing ada peranan masing-masing.

Adakah Yang Berhormat menerima hakikat yang sedang kita amalkan di negara kita ini?

Tuan Mohamad bin Sabu: Sebahagiannya saya menerima dan saya kata tadi, saya tidak mahu ulas panjang, saya hanya kata bersyukur. Kalau ulas panjang lagi, maka saya kata tadi, syukur kerana kita ada tiga syarat, kita kata satu tanda hendak bertemu. Sekarang tinggal dua sahaja lagi, iaitu royalti minyak dengan akhbar *Harakah*, takkan dua itu tak boleh beri. Kalau beri dua itu bertemulah kita, insya-Allah.

Jadi, saya tak mahu ulas panjang hal itu kerana saya terlalu gembira pada hari ini....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sedikit lagi.

Tuan Mohamad bin Sabu: Cukuplah dahulu, beri saya berucap sedikit. *[Ketawa]* Mood baik ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Peluang baik ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi, maklumat kita boleh beri kepada rakyat ialah melalui ceramah, ternyata ceramah-ceramah kami yang kami jalankan sekarang berada dalam keadaan aman dan tenteram. Saya berterima kasih terutama sekali kawasan Parlimen Kepala Batas yang Menteri Dalam Negeri menjadi Ahli Parlimen di situ. Kita tidak ada

masalah untuk berceramah di kawasan beliau dan Timbalan Perdana Menteri tidak takut menghadapi himpunan rakyat begitu ramai dan beliau pun turun memberi maklumat balas selepas itu dan Menteri Dalam Negeri tetap menang setiap kali pilihan raya, bahkan di Kepala Batas buat saat ini saya nampak sukar lagi untuk kami gugat.

Begitulah juga di kawasan Bagan Serai, di peringkat awal dahulu payah sedikit, mutakhir ini agak mudah kita memberi penerangan. Tetapi yang menjadi masalah ialah di negeri Selangor. Kenapa sebelum pilihan raya kita boleh berceramah dan selepas pilihan raya amat sukar, ini sebelum kejadian Jalan Klang Lama. Sehingga di markas kami sendiri di Sabak Bernam perbualan mulut dengan pihak polis telah pun diadakan antara pesuruhjaya iaitu kalau berceramah di dalam markas, di kawasan markas tidak apa-apa.

Tetapi kita terkejut pada malam ceramah itu, saya bersama dengan Menteri Besar Terengganu, baru sahaja berceramah selama sepuluh minit, kepala merah pun sampai dengan FRU, dengan pasukan-pasukan mereka untuk menghalang pertemuan tersebut. Itulah yang menjadi majlis kucar-kacir. Kalau tidak ada halangan-halangan itu, selalunya ia berakhir dengan aman dan tenteram.

Begitulah juga himpunan ceramah biasa di Kubang Pasu di dalam kampung dihadiri oleh orang-orang kampung, kanak-kanak dan sebagainya yang turut ibu bapa mereka, barangkali mereka hendak keluar mendengar ceramah, tak ada orang jaga di rumah, bawa anak-anak sekali, dilepaskan gas dalam majlis itu.

Walau bagaimanapun kami berterima kasih kerana penduduk Malau di Kubang Pasu itu selepas peristiwa tersebut Ahli-ahli UMNO mengambil borang lebih kurang 420 borang untuk menyertai parti KeADILan dan PAS kerana marah di atas tindakan pihak polis. Kalau itulah caranya untuk cepat memberi rakyat tidak suka kepada Barisan Nasional kita minta bubuhlah gas selalu, tempat-tempat kami berceramah. Maka cepatlah orang UMNO mengambil borang untuk berpindah parti.

Walau bagaimanapun secara seriusnya kita haraplah pihak Kementerian Dalam Negeri kalau tidak mahu rakyat keluar ke jalan raya, izinkan demonstrasi berjalan, kita tidak mahu seperti di negeri Selangor, cukup sukar bagi kita sekarang untuk memperoleh permit ceramah termasuk juga di Wilayah Persekutuan. Timbalan Ketua Polis Negara yang saya kasihi mengatakan bahawa setahun yang lalu permit begitu banyak dikeluarkan kepada pembangkang.

Saya akui memang banyak, pihak Barisan Nasional tidak perlu kerana mereka sudah ada surat khabar, TV dan radio untuk menceritakan hal program parti mereka termasuklah hal perhimpunan agung. Oleh itu yang perlu berceramah ini yang tidak ada televisyen, yang tidak ada radio. Kami terpaksa menjadi radio dan televisyen kepada parti kami untuk bergerak ke seluruh negara. Saya tidak bersetuju rakyat ke jalan raya. Bukan rakyat setuju ke jalan raya tetapi kalau dipaksa maka tidak dapat dielakkan. Begitulah juga bila buang nama Islam, saya sebut saya sendiri dalam ceramah-ceramah, saya menawarkan diri untuk mengepalai rakyat di jalan raya tetapi sudah tidak jadi buang, tidak jadilah keluar ke jalan raya.

Begitulah juga bila demokrasi diizinkan, saya yakin siapa mahu hendak keluar tengah panas, kena gas, kena belantan, pedih bukan main. Kalau kena itu, tuan-tuan tidak pernah kena. Kita tidak mahu itu tetapi kalau demokrasi ditutup tidak dapat dielakkan rakyat keluar ke jalan raya. Jadi hendak mengelakkan rakyat keluar ke jalan raya kita harap sungguh-sungguh supaya demokrasi dipraktikkan terutama saya lihat Selangor, Wilayah Persekutuan, longgarkanlah sedikit terutama hal pemberian permit. Selepas reda hal Klang Lama ini beri semua, biar kita berceramah, Barisan Nasional jawab, kita hentam, Barisan Nasional hentam apa salahnya. Hentam menghentam membawa bahagia. Dia tidak ada masalah.
[Ketawa]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, bila Yang Berhormat banyak kali ulang demokrasi itu, adakah pada PAS demokrasi ini hanya bermakna berceramah sahaja. Kita di Selangor, Kerajaan Barisan Nasional, wakil rakyat kita, Menteri Besar kita banyak lagi demokrasi kita hendak buat. Kesejahteraan hidup rakyat, pembangunan negara, pembangunan negeri. Dia tidak macam dekat Kelantan, Menteri Besar Kelantan kerja dia membuat ceramah sahaja. Pentadbiran diberinya kepada Timbalan Menteri Besar, itu urusan PAS, di Kelantan tetapi di Selangor kita memikirkan bahawa demokrasi waktu pilihan raya kita sudah cukup beri kepada rakyat. Rakyat sudah membuat keputusan. Hari ini kita hendak memerintah, kita hendak membuat kesejahteraan rakyat.

Jadi kita tidak ada masa seperti PAS yang hanya kerjanya hanya membangkang, tidak memberikan faedah kepada rakyat. Apa ertinya demokrasi kalau hanya berceramah sahaja. Hendak berceramah Yang Berhormat kami pun boleh berceramah, 3 jam 4 jam pun kita boleh berceramah....

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh, boleh berceramahlah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar:tetapi bolehkah menyelesaikan masalah rakyat dengan berceramah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Baik, apa Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, kerajaan Selangor hendak buat itulah yang akan kami buat selepas kami memerintah Selangor nanti insya -Allah. Program pembangunan rakyat adalah program yang berterusan. Cuma rakyat hendak menukar kerajaan a tau tidak biarlah ia mendapat maklumat. Misalnya Time dotCOM manalah orang kampung Tanjong Karang itu tahu kalau kami tidak beritahu iaitu menyalahgunakan wang rakyat digunakan untuk menyelamatkan Halim Saad. Sedangkan mereka menghadapi masalah padi, masalah baja. Di Kuala Kedah, tujuh keluarga anak-anak tidak bersekolah kerana masalah kemiskinan. Mereka datang berjumpa saya minggu lepas.

Jadi program ini kita kena beritahu, wang negara kita banyak tetapi yang diselamatkan Halim Saad, yang disembatkan Tajuddin Ramli, yang diselamatkan Vincent Tan tetapi tuan-tuan ini hanya mereka datang berjumpa bila hendak pilihan raya. Kami beritahu, kemudian Yang Berhormat Barisan Nasional datang pula beritahu, mereka kata tidak, tuduhan PAS itu palsu. Biarlah rakyat membuat perbandingan, apa kita hendak takut. Saya sendiri bila saya dengar Barisan Nasional membuat ceramah di Kuala Kedah saya tanya, penceramah itu kata aku tidak?. Dia hentam teruk. Bagus dia menjalankan tugas.

Kalau dia tidak hentam saya, dia mari puji saya adalah penceramah UMNO yang teruk. Kalau dia hentam itu adalah biasa dan jika saya ada masa saya jawab balik. Inilah cara demokrasi yang perlu dipraktikkan. Insya -Allah rakyat tidak keluar ke jalan raya kalau perkara ini dipraktikkan. Begitulah juga selalu pihak kerajaan mencabar, siapa hendak terlibat dengan politik, badan-badan NGO hendaklah mendaftar menjadi parti politik. Kita lihat rakan-rakan kita yang terlibat dengan NGO terutama sekali Pertubuhan Peneroka Bandar. Mereka akhirnya hendak berpolitik secara kepartian, mereka tubuhkan Parti Sosialis Malaysia.

Maka hantar permohonan untuk didaftarkan, mereka hendak terlibat secara politik tetapi pihak Kementerian Dalam Negeri menolak permohonan mereka sehingga mereka hendak membawa kes ini ke mahkamah sekarang ini. Masa belum lagi terlewat, kita harap apa salahnya mereka ini yang dahulunya terlibat dalam NGO biarlah mereka berpolitik secara terbuka. Kita juga kata, sosialis sekarang sudah tidak laku. Kalau tidak laku apa takut untuk hendak meluluskan pendaftaran kepada

mereka. Biar mereka bergerak secara parti politik untuk diantaranya orang melihat, dunia melihat bahawa kerajaan akan meluluskan sebarang permintaan untuk menubuhkan parti politik asalkan ia tidak mengangkat senjata dan juga dasar-dasar yang tidak boleh menggugat perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita sekarang ini. Hal perpaduan ini kita mahu supaya dialog antara tamadun itu lebih dikerapkan. Kita tidak boleh membina persefahaman kita ataupun keharmonian negara kita di atas dasar perkauman selama-lamanya. Sebab itulah kami dari PAS sendiri sekarang ini memperbanyakkan dialog antara kaum, antara agama, supaya kita dapat faham pantang larang kaum masing-masing. Misalnya kaum Tionghua mereka amat marah kalau diusik soal bahasa mereka, soal budaya mereka. Begitulah juga kaum lain faham iaitu orang Islam amat sensitif masalah murtad dan sebagainya.

Ini cukup sensitif kepada orang Islam. Kalau perkara itu dapat didialogkan antara agama maka kita dapat memelihara keamanan negara kita. Sayangnya Ahli Yang Berhormat sekalian apabila ada ahli-ahli akademik yang cuba memberi pandangan terutama hal sekolah Cina dan sebagainya mereka diambil tindakan. Misalnya Dr. Chia Ai Peng daripada Universiti Malaya, seorang tokoh akademik dalam pendidikan Cina. Beliau sekarang ini mendapat surat tunjuk sebab daripada pihak universiti, kenapa tindakan disiplin tidak boleh diambil kepada beliau sedangkan saya tahu bahawa Dr. Chia Ai Peng ini seorang ahli akademik, seorang yang memperjuangkan budaya dalam bentuk dialog.

Misalnya apabila ada tuduhan-tuduhan mengatakan di Kelantan berlaku penganiayaan kepada orang-orang Cina, maka Dr. Chia Ai Peng membawa anak-anak muridnya melawat Kelantan berdialog dengan Menteri Besar Negeri Kelantan. Selepas itu beliau berceramah di mana-mana memberitahu bahawa yang mengatakan di Kelantan itu orang-orang Tionghua dianiaya, tidak betul. Di sana diizinkan terus kebebasan beragama termasuklah kita lihat di Kelantan tokong Buddha tidur itu tidak di apa-apakan sampai kepada hari ini. Dr. Chia Ai Peng di antara orang yang memainkan peranan merapatkan budaya Cina dan budaya Melayu, pantang larang Cina dan sebagainya yang diterangkan kepada orang-orang Melayu tetapi orang seperti ini diminta surat tunjuk sebab kenapa tindakan disiplin tidak perlu diambil kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat kebelakangan ini kuasa pemerintah, UMNO dan Barisan Nasional seolah-olah semakin terhakis. Bukan dihakis oleh

pembangking tetapi kita lihat swasta ataupun tauke-tauke korporat ini lebih berkuasa daripada pemerintah. Seolah-olah merekalah yang menentukan dasar negara bukan lagi parti yang diamanahkan menang iaitu UMNO dan Barisan Nasional. Perkara ini kalau berlaku kepada UMNO dan Barisan Nasional, kalau kami memerintah esok pun kalau tidak diperbaiki ia juga boleh berlaku kepada pihak kami. Perkara ini perlu diambil perhatian, penguasaan golongan kapitalis, golongan bourgeois, mengambil bahasa dahulu iaitu golongan ini boleh menekan pemerintah dan pemerintah tunduk kepada mereka atau sengaja tunduk kepada mereka.

Misalnya pihak kerajaan, ini salah satu contoh sahaja, tidak mengizinkan pembinaan rumah di Taman Sri Muda Shah Alam. Kalau hendak bina mesti mengikut syarat-syarat tertentu, iaitu foundation hendaklah diangkat beberapa kaki, kerana di kawasan itu kawasan takungan air tetapi kenapa pihak swasta akhirnya boleh membuat rumah di situ tanpa mengikut nasihat JPS. Ertinya kerajaan terpaksa tunduk kepada swasta. Ini salah satunya.

Begitulah juga kita lihat pembinaan bangunan MATRADE kepunyaan MITI dibuat melalui tender runding, yang dapatnya daripada Perangsang. Kita lihat bagaimana keadaannya, tidak siap yang sepatutnya sudah siap empat tahun dahulu. Bangunan itu pula retak, tidak dapat digunakan. JKR terpaksa lantik consultant lain untuk memperbaiki keretakan itu, RM5 juta terpaksa berbelanja tambahan, RM20 juta kerana lewat, RM50 juta denda tidak dibayar, empat tahun MITI terpaksa sewa di tempat lain, bangunan itu tidak dapat digunakan, lebih daripada RM30 juta wang rakyat dihabiskan semata-mata kerajaan tunduk kepada tender runding Perangsang yang kita tahu kepunyaan adik bekas Menteri Besar Selangor sebagai seorang pengarah atau pengurus syarikat itu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan. Saya declare saya bekas Lembaga Pengarah Perangsang International, Yang Berhormat sebut. Sebenarnya Perangsang International bukan kepunyaan adik bekas Menteri Besar, itu adalah anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dan projek itu lewat dan rugi ialah pada masa runding harga itu, runding harga yang dibuat terlalu rendah dan menyebabkan pihak PHB tidak meneruskan. Jadi kenyataan mengatakan itu kepunyaan adik bekas Menteri Besar Selangor adalah tidak betul.

Tuan Mohamad bin Sabu: Baik, terima kasih. Tetapi inilah cara tender runding, bagaimana tidak kemas dengan begitu rupa, bangunan itu retak, kita

hendak buat pameran antarabangsa, siapa berani hendak pergi ke bangunan itu dan sekarang....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Ada?...Jangan baham aku. *[Ketawa]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Ketawa]* Tidak ada, saya hendak tanya pasal bangunan retak ini. Baru-baru ini bangunan kerajaan di Putrajaya pun retak menyebabkan pejabat Ketua Setiausaha Negara terpaksa vacate dua bulan. Ini di bawah direct supervision Perdana Menteri sendiri. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini akibat daripada tender-tender runding, tidak dibuat tender terbuka dan mereka ini ada power. Kita bertanya kepada pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas dengan tulus ikhlas. Bila kita tekan-tekan, mereka kata, "Yang Berhormat, kami terpaksa ikut arahan yang lebih tinggi, yang lebih kuat". Kalau begini berlaku, satu bangunan rakyat terpaksa menanggung lebih RM30 juta bangunan MATRADE ini. Putrajaya pula jadi begini. Ini semua kita lihat kegagalan dalam sistem Anugerah Kontrak dan sebagainya dan kita harap bagaimana saya kata tadi, siapa memerintah pun kalau kita benar golongan yang berkuasa dalam perniagaan ini, akhirnya apa dasar kerajaan pun dapat mereka bulldoze, ini peringatan kita.

Satu perkara lagi kita lihat pula hal penempatan banjir. Tahun 2005 dijangka akan siap di Lembah Klang ini supaya banjir tidak berlaku lagi, bukan banjir itu, kalau musimnya tentu berlaku juga. Pihak JPS di antaranya tidak bersetuju cerucuk LRT dipasang dalam sungai atau dalam parit. Cuba kita lihat sekarang cerucuk-cerucuk jalan raya penuh dalam sungai. Walaupun ditentang oleh JPS tetapi LRT dan bossnya itu lebih besar sehingga dasar kerajaan berjaya di bulldozed. Ini merbahaya kepada siapa yang memerintah. Ertinya majikan lebih berkuasa daripada kerajaan. Saya walaupun pembangkang, saya juga tidak mahu lihat Barisan Nasional tidak ada kuasa sebab mereka memerintah, itu soal lain. Bila kita memerintah, kita juga mahu kita ada kuasa. Kalau begini LRT dan syarikat PUTRA boleh pancang tiang-tiang dalam sungai dan boleh kita hendak membanteras ataupun hendak mengurangkan banjir, ini yang menyebabkan banjir, ditentang oleh JPS tetapi apalah ada kepada pegawai JPS dibandingkan dengan menteri ataupun pihak yang lebih atas, ditekan oleh pihak modal yang begitu kuat.

Begitulah juga hendak menyelesaikan masalah sungai-sungai di Kuala Lumpur dalam masalah mengatasi banjir, 1,158 rumah setinggan yang berada di

rizab sungai. Dasar Kerajaan Selangor dan Wilayah Persekutuan hendak selesaikan masalah setinggan menjelang tahun 2005. Boleh selesai, senang iaitu dengan cara runtuhkan rumah-rumah mereka, runtuh habis tetapi kita harap 1,158 rumah yang duduk di rizab sungai, yang duduk dalam projek untuk mengurangkan banjir atau mengatasi banjir di Lembah Klang ini, pihak Jabatan Perdana Menteri dapat menyelesaikan dengan memberi rumah-rumah ganti kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat apabila teguran rakyat, teguran Ahli-ahli Parlimen tidak didengari, kita jangan lupa bukan hanya daripada luar, di kalangan dalam UMNO pun tidak puas hati. Kalau tidak, sudah tentulah tidak lahir kumpulan BBM - Badan Bertindak Melayu, yang kita lihat ucapan-ucapan mereka kebanyakannya menegur pemerintah dan mereka tegur lebih keras daripada kami. Bahkan mereka mengatakan, "Awat, dulu keris tidak ada orang pegang, sekarang keris sudah ada yang memegangnya iaitu Badan Bertindak Melayu". Ertinya apa yang kita cakap, kalau tidak dengar bekas Ahli Parlimen Kuala Kedah, beliau mengatakan, orang Melayu bukan bangsa yang menderhaka, mereka tidak tukar parti dan kesetiaan mereka jikalau tidak ada sesuatu yang berlaku begitu berat sehingga beliau mencadangkan supaya tiang seri ditukar. Perangai tidak peduli teguran ini berterusan.

Kita lihat dalam pembinaan sembilan hospital baru. Dalam pembinaan sembilan hospital baru ini, yang kita tengok nama-nama hospital itu, semua kita sudah tahu iaitu Metro Health Sdn. Bhd., Abrar Group, ini yang dapat inilah. Jaha West Setia Hospital, UEM, THUB, BDB, Sungai Petani Hospital, Sungai Buloh Hospital, Serdang, Putra, Pekan Hospital, KKMJV - ini hospital entah di mana.

Pembinaan hospital baik, tetapi kita lihat program yang dipanggil Total Hospital Information System iaitu satu program perkomputeran dan juga hendak hubungkan antara hospital-hospital itu, nilainya lebih kurang RM1 bilion. Projek ini dianugerah kepada siapa? Solution Protocol Sdn. Bhd. Siapa punya ini? Muncul nama baru dalam dunia korporat sekarang iaitu Josephine. Siapa Josephine? Kita dengar-dengar khabar bahawa ada hubungan, mungkin isteri kepada Menteri Kewangan. Ertinya tiba-tiba entah di alam mana dia duduk, muncul satu korporat baru yang nilai kontrak yang dia dapat daripada Solution Protocol Sdn. Bhd. ini dekat lebih kurang RM1 bilion. Perkara inilah yang dikritik oleh BBM baru-baru ini yang bercakapnya termasuklah Tajuddin Ramli daripada Perak - Tajudin Abdul Rahman, Tajuddin Ramli pula, Tajuddin Ramli dari Kuala Kedah [*Ketawa*] - Tajuddin Abdul

Rahman dan lain-lain lagi iaitu mereka lihat bahawa pemerintah yang ada ini tidak langsung mahu insaf di atas teguran. Muncul kita lihat orang nama seperti itu termasuk beliau dianugerahkan secara runding terus dan di antaranya yang kita lihat di situ, dua buah hospital juga yang beliau dapat iaitu hospital gila di Tampoi dan satu lagi resort style, mental hospital di Merbok yang akan dibuat juga dapat kepada korporat baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat .. Yang Berhormat...

Tuan Mohamad bin Sabu: Mana pengalaman....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mohamad bin Sabu: Mana pengalaman perniagaan orang seperti ini, tiba-tiba muncul kerana dia isteri kepada Menteri Kewangan. Perkara ini kritik-kritik akan datang bukan datang daripada kami lagi, tetapi di kalangan UMNO sendiri, beliau berjumpa saya di Airport, UMNO-UMNO Bahagian, "Yang Berhormat, teruskan, tidak lama lagi kami akan kalah". *[Ketawa]* Mereka kata begitu kerana pemimpin yang ada ini tidak insaf. Hendak narakan orang-orang bahagian itu? *[Ketawa]* Nanti digam pula. Sebab itu kita lihat bila muncul yang kita dedahkan seperti ini, kita harap ada sedikit keinsafan di pihak pemerintah. Walaupun kami gembira kalau terus tidak insaf, kami untung tetapi saya kata tadi, apa untungnya kalau golongan ini menjadi jahil, golongan korporat ini begitu hebat, bila kami memerintah pun dia tidak tunduk pada dasar kerajaan, apa untungnya.

Sebab itu kita peringatkan hal FELDA dan sebagainya, saya tidak mahu sebutlah tetapi kita lihat hal padi, hal nelayan, masih lagi teruk terutama sekali di Kuala Kedah, kita harap ada usaha yang kuat. Dalam RMK-8 kita boleh bercakap lagi perkara-perkara seperti itu. Kita harap kerajaan yang ada ini insaf di atas kritikan pembangkang dan juga daripada Barisan Nasional sekarang ini terhadap penyelewengan dan salah guna kuasa, salah guna anugerah projek selama ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rasah.

5.20 ptg.

Datuk Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kita adalah bersyukur kerana Malaysia telah mencapai kemajuan yang pesat dan Malaysia telah menjadi ikutan banyak negara membangun. Kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara terus berada dalam keadaan aman dan stabil.

KPS di bawah Kementerian Pertanian dalam masa beberapa tahun ini telah meluluskan banyak peruntukan kepada Negeri Sembilan untuk mengatasi masalah banjir kilat di waktu hujan lebat. Projek rancangan tebatan banjir sungai yang dilaksanakan di pusat bandar Seremban adalah amat berkesan dan masalah banjir kilat telah dapat diatasi. Walau bagaimanapun, peruntukan yang banyak adalah masih diperlukan supaya projek RTB dapat diteruskan khususnya di kawasan luar bandar seperti pekan Rantau, pekan Kuala Sawa dan sekitar kawasan Labu. Ini adalah kerana banjir kilat masih berlaku di kawasan-kawasan ini.

Kejadian banjir ini adalah kerana sistem saliran air sungai di pusat bandar Seremban telah terlanjar semasa hujan lebat tetapi kawasan-kawasan luar bandar termasuk sekolah-sekolah SRJK(C) Ming Shing, Labu dan SRJK(T) Kirby, Labu dan SRJK(C) Sin Min, Kuala Sawah sistem saliran air sungai adalah masih tidak sempurna sehingga mengakibatkan banjir kilat dan merosakkan harta benda awam. Oleh itu, saya minta Kementerian Pertanian dapat terus berikan peruntukan yang besar demi untuk mengatasi masalah banjir kilat dengan lebih menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, mutu dan sistem pendidikan di negara kita adalah semakin meningkat dan telah dapat melahirkan ramai generasi yang berilmu dan berkualiti. Semua anak-anak Malaysia pada hari ini telah dapat melanjutkan pendidikan ke tingkatan lima. Pendidikan adalah seperti kehidupan manusia, perlu terus berkekalan dan menjamin generasi akan datang adalah berkualiti dan bermoral. Oleh itu, saya harap kerajaan dapat lebih sedar permintaan daripada rakyat dalam bidang pendidikan ini demi untuk mengurangkan salah faham rakyat terhadap kerajaan. Contohnya, permintaan kelas POL di sekolah menengah perlu dilaksanakan tanpa halangan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pengangkutan jalan di Malaysia pada hari ini adalah begitu maju dan pesat. Banyak kemajuan telah dicapai seperti pembinaan lebuh raya moden bertaraf antarabangsa, sistem transit aliran ringan dan oleh kerana negara kita adalah semakin maju dan makmur, kenderaan-kenderaan di negara kita juga semakin bertambah dari sehari ke sehari sehingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas di kawasan lebuh raya khususnya di pusat bandar Seremban.

Sebagai contohnya, kesesakan lalu-lintas serius sering berlaku di waktu cuti umum pada hari Sabtu dan pada hari Ahad daripada tol Seremban ke tol Senawang dan juga lebuh raya menghala ke Melaka dan tempat-tempat ini adalah di pusat bandar Seremban dan masalah kesesakan ini adalah selama tiga hingga empat jam. Oleh itu, saya cadangkan kepada Kementerian Kerja Raya supaya dapat melebarkan laluan di lebuh raya Seremban ini dari dua laluan ke empat laluan demi untuk mengatasi masalah kesesakan yang serius di kawasan perantaraan lebuh raya Seremban dan Melaka ini.

Di sini, saya sekali lagi ingin minta Kementerian Kerja Raya ambil tindakan untuk memindahkan tol-tol plaza terletak di kawasan Majlis Perbandaran Seremban keluar sikit daripada kawasan Majlis Perbandaran Seremban ini. Dengan perpindahan ini dapatlah penduduk-penduduk di kawasan Seremban mempunyai pilihan untuk menggunakan laluan lebuh raya tanpa melalui tol-tol plaza dan sekali gus dapat mengatasi kesesakan lalu lintas yang serius di pusat bandar Seremban ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan ini memang sudah dapat sokongan sepenuhnya daripada pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional kawasan ini.

Di Malaysia adalah didapati begitu banyak pertubuhan-pertubuhan sosial berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Ini juga bermakna masyarakat di negara kita adalah aktif dan prihatin aktiviti kemasyarakatan. Di sini saya harap pengarah dan pegawai-pegawai kanan Pendaftaran Pertubuhan dapat lebih ambil berat akaun pertubuhan-pertubuhan sosial kita. Ini adalah kerana masih ramai orang-orang awam mempunyai pertanyaan tentang akaun pertubuhan sosial yang telah mendapat wang sumbangan daripada orang ramai.

Saya cadangkan sekiranya ada pertanyaan atau kekeliruan akaun berlaku, orang-orang awam dapat dibenarkan ke pejabat Pendaftaran Pertubuhan untuk menyemak atau memeriksa akaun pertubuhan yang didapati bermasalah. Jika didapati akaun itu tidak betul atau tidak tepat, bolehlah melaporkan serta merta untuk pegawai mengambil tindakan segera. Jadi, dengan menyemak akaun ini mungkin dapat mengelakkan sumbangan wang derma daripada orang ramai disalahgunakan oleh AJK pertubuhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana telah berusaha gigih untuk mempertingkatkan taraf kesihatan semua lapisan rakyat di negara kita tetapi didapati kebanyakan harga

ubat-ubat makanan keperluan kesihatan adalah sentiasa naik harga dalam pasaran seperti ubat vitamin, ubat sakit jantung, ubat sakit darah tinggi dan ubat kencing manis. Saya harap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna dapat juga memainkan peranan untuk mengawal harga-harga ubat keperluan menjaga kesihatan rakyat yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan merupakan keperluan asas yang penting bagi rakyat. Kerajaan telah meluluskan banyak projek perumahan di negara kita. Ini adalah satu langkah yang amat digalakkan memandangkan populasi di negara kita telah meningkat tetapi didapati masalah-masalah perumahan masih kerap berlaku seperti mendapan tanah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada minggu depan.

Datuk Goh Siow Huat: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari Selasa minggu depan jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Mac 2001

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- ” **Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sula iman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)**

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ **Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)**
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasar Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mhamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)

- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- " Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- " Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- " Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- " Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- " Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- " Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- " Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- " Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- " Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- " " Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- " Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- " Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- " Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- " Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- " Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- " Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- " Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- " Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- " Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- " Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- " Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- Yang Berhormat Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)

- Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong C hang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- Yang Berhormat Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ uan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)

- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- Yang Berhormat Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shanon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)

- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- Yang Berhormat Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato’ Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.

- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman
Rosmee binti Hamzah
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid III	Bil. 3	Khamis	22 Mac 2001
------------------	---------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

USUL:

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka baginda Yang di-Pertuan Agong

– *Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)*

(Halaman 22)